



**DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 03 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiyah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

**Encik Abdul Khalil bin Sabiis**  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada 3 November 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat pagi semua. Baiklah, Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KAJIAN KENAIKAN ELAUN GURU KAFA**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan hasil penelitian Kerajaan Negeri terhadap kajian kenaikan elaun guru KAFA?
- b) Bilakah hasil kajian kenaikan elaun guru KAFA akan dilaksanakan?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker, Sg. Air Tawar bertanyakan berkaitan dengan kenaikan elaun guru KAFA.

Musim tengkujuh ADUN berpeluh,  
Isu banjir tak putus-putus  
Sudah terang lagi bersuluh,  
1 Januari 2016 elaun guru KAFA  
naik kepada RM1,500.00

(Ahli dewan tepuk tangan)

Ini berdasarkan kepada ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita dalam dewan yang lepas dan telah diisytiharkan dan kenaikan ini berdasarkan kepada tahun perkhidmatan guru-guru KAFA. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KAMROL ZAKI BIN ABDUL MALIK :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMROL ZAKI BIN ABDUL MALIK :** Kita sedia maklum bahawa kerajaan Persekutuan melalui JAKIM membayar RM800.00 kepada guru KAFA di Selangor. Soalannya mengapa Kerajaan Negeri Selangor tidak menambah daripada RM300.00 menjadi RM600.00 berbanding .. untuk memastikan dia ni lebih, lepas daripada kemiskinan di Selangor iaitu RM1,500.00. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Dengan GST, hidup terbelunggu  
Ini soalan yang ditunggu-tunggu. (Ahli dewan ketawa)

Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingat saya nak jawab kepada pembangkang ni kena ada fakta. Terima kasih, kita bukan tidak menghargai peruntukan JAKIM RM800.00 kepada guru-guru KAFA. Alhamdulillah pada tahun yang lalu, sebagai contoh, kita menerima sejumlah RM30,404,337.11 dan peruntukan untuk elaun guru-guru ini datangnya daripada 3 sumber. Untuk jumlah 6,900 guru-guru KAFA. Saya amat tertarik dengan perkara yang di *highlight* kan oleh Sungai Burong, Sungai Panjang, eh Sungai Burong maaf. Kenapa tidak *one to one* kerajaan Persekutuan beri RM800.00, Kerajaan Negeri juga beri RM500.00. Ini fakta yang saya nak tunjukkan bahawa daripada 6,900 guru-guru KAFA, hanya lebih kurang dalam 2,500 yang dibiayai oleh JAKIM sebanyak peruntukan RM30 juta tersebut, RM30 juta lebih sikit. Sebahagian besarnya, pembiayaan adalah datangnya daripada Kerajaan Negeri Selangor, dengan jumlah RM59,614,790. Bermakna selebih daripada 2,500 itu sehingga jumlah 6,900 guru-guru KAFA itu dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan sebahagiannya dibiayai oleh Baitulmal bermakna 2,500 JAKIM bayar RM800.00 Kerajaan Negeri bayar RM700.00 yang kita nak naikkan sehingga RM1,500.00 ini dan selebih daripada 2,500 ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri seratus peratus. RM1,500.00, jadi saya harapkan ini yang saya satu-satunya saya setuju daripada pembangkang supaya keluar satu persatu, *one to one* dan saya kira Menteri Besar pun setuju dan pegawai kewangan kita pun setuju. Jadi, itu sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat EXCO. Berkaitan dengan guru-guru KAFA ini. Ini tanggungjawab membayar elaun ini sepatutnya dibuat oleh kerajaan Persekutuan. Kenapa dia hanya bayar sebahagian kecil sahaja? Apa masalahnya?



**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya kira sejak 2008 ni, rakyat negeri Selangor ni sangat bertuah kalau ikutkan tanggungjawab pendidikan ini adalah tanggungjawab kerajaan Persekutuan tapi Alhamdulillah kerajaan yang begitu prihatin dan *Alhamdulillah* pada hari ini mesej '*peduli*' yang dibawa ini bukan sahaja sekadar kita bantu untuk membayar emolument kepada guru-guru KAFA ini ya, tetapi saya kira ini lah yang rakyat negeri Selangor dapat hasil daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya adalah Soalan No. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PEMBERIAN TANAH KEPADA TEMPAT IBADAT SELAIN ISLAM**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah tanah yang telah diberikan untuk kegunaan tempat ibadat selain Islam sejak tahun 2008 dan senaraikannya.
- b) Nyatakan perancangan kerajaan bagi peruntukan tanah kegunaan tempat ibadat selain Islam pada masa hadapan dengan lebih adil dan terancang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, jumlah tanah yang telah diberikan untuk kegunaan tempat ibadat selain Islam sejak tahun 2008 adalah sebanyak 196 tapak seperti yang dijadualkan di bawah ini:

2008	-	43
2009	-	24
2010	-	22
2011	-	25
2012	-	16
2013	-	31
2014	-	20
2015	-	15 (setakat ini)

Jumlahnya 196. Bilangan ini adalah berdasarkan permohonan yang telah diterima daripada pihak Pejabat Tanah dan Daerah. Seterusnya disokong di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam dan diluluskan oleh MMKN. Senarai tapak yang diberikan adalah seperti dalam senarai yang akan dipanjangkan kepada Yang

Berhormat daripada Balakong. Kerajaan Negeri merujuk Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sebagai Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Keagamaan Tempat Ibadat Islam dan Selain Islam. Garis panduan tersebut menetapkan piawaian yang tertentu bagi kemudahan keagamaan seperti masjid, surau dan tempat ibadat selain Islam seperti di bawah:

- i) Rumah ibadat untuk masjid, kelulusan 2.5 ekar minimum, bagi tadahan penduduk 20,000 orang.
- ii) Bagi surau 0.5 ekar minimum, bagi tadahan penduduk 2,500 orang.
- iii) Bagi tokong, kuil, gereja dan lain-lain tidak melebihi 0.5 hektar bagi tadahan penduduk 5,000 orang ataupun 2,600 penganut.

Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor telah menjadi panduan dan diguna pakai oleh semua PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah di negeri Selangor dalam memberi pertimbangan dalam setiap permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan, terima kasih. Yang Berhormat EXCO, saya nak bertanyakan tentang soal, nak ucapkan terima kasih lah kepada Kerajaan Negeri kerana banyak beri tanah kepada Rumah Ibadat Selain Islam cuma rizab tanah selain Islam ini kalau ada pemaju letak di depan pencawang, apa tindakan yang Kerajaan Negeri akan ambil?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, bagi perancangan oleh pihak pemaju yang meletakkan kawasan ataupun tapak untuk tujuan rumah ibadat yang tidak sesuai, maka seharusnya pihak majlis harus mengambil tindakan untuk menolak permohonan sedemikian dan ini adalah di bawah bidang kuasa majlis di mana Ahli Majlis boleh memainkan peranan untuk memantau bagi memastikan penempatan tapak untuk rumah ibadat ini diletakkan di tempat yang sesuai.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya sama ada dalam setiap..mungkin selain daripada kepadatan penduduk maksudnya jumlah ataupun saiz pembangunan sesebuah pembangunan itu juga diambil kira supaya satu tanah khas juga dikhususkan untuk rumah .. RIBI maksudnya, kegunaan sebab kita difahamkan setiap tapak surau dan masjid akan dinyatakan dalam pelan perancangan ataupun

KM yang dimohon oleh sesebuah ataupun seseorang pemaju itu tetapi untuk RIBI itu, dia tiada satu *zoning* yang khas, jadi, ada tak ini juga dimasukkan dalam garis panduan ataupun polisi Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Pada kebiasaannya ada dinyatakan dengan jelas dalam plan tataatur di mana tapak tertentu dirizabkan untuk tempat ibadat selain Islam. Sekiranya ia tidak dinyatakan, mungkin itu telah tercicir daripada perhatian Ahli Majlis ataupun majlis tempatan berkenaan. Itu sebenarnya tidak menjadi isu cuma mungkin dalam prosesnya masalah teknikal yang akan timbul.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah pendirian Kerajaan Negeri untuk tempat-tempat ibadat yang membeli tanah, mungkin tanah perumahan untuk dijadikan tempat mendirikan tempat ibadat mereka ataupun menjadikan rumah ataupun kedai sebagai tempat ibadat selain Islam.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Bagi tanah persendirian milikan persatuan keagamaan itu, keadaannya tertakluk kepada zon tersebut. Sekiranya tapak itu terletak di bawah, di dalam zon kediaman maka ada beberapa caranya. Ada satu caranya adalah permohonan untuk mengubah zon tersebut bagi tapak tersebut ataupun menggunakan *Use Class Order (GVA)*. Itu yang dua cara yang boleh kita gunakan tetapi itu tertakluk juga kepada bantahan daripada penduduk sekitar. Sekiranya ada bantahan yang kuat maka permohonan untuk tukar zon ataupun permohonan untuk menggunakan tapak itu di bawah *used class order* juga tidak akan dibenarkan. Jadi, bagi tapak yang lain keadaannya sama, sama ada tanah itu, tanah milikan ataupun kedai dan rumah. Bagi rumah, kita hanya pada setakat ini memberi pertimbangan kepada rumah sesebuah. Untuk rumah teres dan rumah berkembar masih tidak diberikan pertimbangan. Sementara bagi kedai, satu bengkel kerja telah pun dipanggil oleh pihak UPEN untuk menggariskan garis panduan bagi memberikan pertimbangan bagi penggunaan kedai untuk tujuan keagamaan dan ini masih dalam proses perbincangan dan akan saya kira dalam tempoh mungkin 3 bulan ini dapat kita membuat satu keputusan untuk sama ada membenarkan kegunaan kedai untuk tujuan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya nak bertanya kepada EXCO, saya dapati dalam agama bukan Islam ini banyak kelompok-kelompok yang punya fahaman dan tuhan yang berbeza-beza. Jadi, bagaimanakah Kerajaan Negeri nak

melayan sebab dalam kawasan yang tempat yang sempit tetapi ramai yang minta tempat tersebut?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, Tuan Speaker, sebenarnya tuhan satu cuma dewanya lain-lain sedikit. Untuk agama bukan Islam. (ahli dewan ketawa) Tapi, untuk Kristian juga tuhan satu tapi untuk agama masyarakat India dan masyarakat Tionghoa memang tuhan satu, dewa lain-lain. Jadi untuk itu, apabila kita memberi permohonan bertindih maka kita akan mempertimbangkan permohonan itu bergantung kepada keadaan keseluruhannya iaitu sama ada persatuan keagamaan itu telah pun berada di tempat yang berdekatan dengan lokasi itu dan berapa penganut persatuan tersebut, berapa lama persatuan tersebut telah pun beroperasi di kawasan tersebut dan juga kita lihat dari segi pengaruhnya dan juga kita lihat dalam sekitar mungkin dalam lingkungan 2 atau 3 km terdapat tempat beribadat untuk agama tertentu. Jadi, semua ini akan diberi pertimbangan dan tidak ada garis panduan yang *rigid* dalam memberikan pertimbangan kepada permohonan bertindih. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Puan Speaker, soalan 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KELANG)**

**TAJUK : JEREBU**

20. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk menangani masalah jerebu yang berulang?
- b) Apakah tindakan proaktif kerajaan bagi mengelak kesihatan rakyat terkesan oleh jerebu yang berpanjangan?
- c) Berapakah kos kerugian yang dialami Selangor natijah jerebu?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Puan Speaker, saya akan jawab soalan 20 bersekali dengan soalan 81 daripada Kuang, soalan 100 daripada Jeram dan soalan 183 daripada Taman Medan.

Tuan Speaker,

Masalah jerebu yang berlaku baru-baru ini sehingga kini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentas sempadan daripada Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Keadaan ini telah menjejaskan status kualiti udara di kebanyakan negeri

di Malaysia termasuk Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kita tidak campur tangan dengan penyelesaian masalah jerebu di seberang sempadan kita. Kita hanya bertumpu untuk mengelakkan dan juga membantu menyelesaikan masalah pembakaran terbuka khasnya tanah gambut di negeri Selangor.

Jadi, penyelesaian jangka pendek adalah tindakan pemantauan secara sistematik di kawasan tanah gambut dan sekitarnya yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Bagi kes kebakaran tanah gambut ataupun hutan gambut yang berskala besar, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Daerah akan digerakkan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadamkan kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan atau Pembakaran Terbuka dan Jerebu.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah membuat perolehan set peralatan pemadaman kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali sebagai "*Peat Fire-X*" dengan anggaran kos RM1.2juta. Set peralatan tersebut adalah terdiri daripada serbuk *Peat Fire-X*, pam, hos, dua buah tangki pembancuh (masing-masing berkapasiti 500 dan 100 gelen). Peralatan tersebut ini ditempatkan di Majlis Perbandaran Klang dan pernah digerakkan untuk membantu pemadaman kebakaran tanah gambut berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Selatan pada bulan Februari 2015.

Bagi penyelesaian jangka panjang, antara langkah yang diambil adalah peningkatan paras air tanah dan saluran yang sedia ada di kawasan tanah gambut atau hutan paya gambut dan sekitarnya yang kritikal di negeri Selangor seperti Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan juga Selatan, Hutan Simpan Raja Musa.

Pembinaan infrastruktur seperti *check dam*, *tube well*, kolam takungan, menara tinjau dan saluran paip air telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di bawah Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut yang Sering Terbakar oleh Jabatan Alam Sekitar secara berperingkat sejak tahun 2009 sehingga kini.

Untuk makluman semua, terdapat 17 buah *check dam*, 6 buah *tube well*, sebuah kolam takungan dan sebuah menara tinjau yang telah dibina di sekitar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, sebuah *tube well* di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan sebuah *check dam* dan saluran paip sepanjang 1.15 kilometer telah dibina di Hutan Simpan Raja Musa. Pada tahun 2015, program ini diteruskan dengan pembinaan beberapa lagi infrastruktur seperti *tube well* dan kolam takungan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta saluran paip air di Hutan Simpan Raja Musa.

Bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kes-kes pembakaran terbuka, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan membuat pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 15 Oktober 2015, tindakan undang-undang yang telah diambil bagi kesalahan pembakaran terbuka di bawah akta ini adalah sebanyak 22 kompaun yang telah dikeluarkan dan 16 kes siasatan yang telah disediakan untuk mengambil tindakan mahkamah.

Soalan tambahan yang dibangkit oleh Kuang adalah berkenaan tentang peruntukan Kerajaan Negeri Selangor. Sebenarnya kita ada salurkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah bagi menangani masalah jerebu melalui urus setia Unit Pengurusan Bencana di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan keperluan sesuatu kes yang berlaku seperti pemadaman berskala besar dan juga di kawasan yang di sekitar hutan simpan di negeri Selangor.

Dan akhirnya soalan tambahan tentang kesan jerebu ke atas sektor pelancongan di negeri Selangor. Memang ada kesan seperti:-

- a) Pembatalan dan pengurangan aktiviti lawatan di tempat pelancongan yang terbuka ataupun (dengan izin) *outdoor*;
- b) Pembatalan acara pelancongan yang telah berlaku;
- c) Pembatalan penerbangan masuk dan juga keluar dari negeri Selangor.

Dan apa yang kita telah buat melalui Tourism Selangor adalah untuk menghebahkan melalui media, *Website*, *social media* untuk memberi nasihat kepada pelancong-pelancong bila masa yang tepat untuk keluar dan apa tindakan (dengan izin) *preventive* yang boleh diambil oleh mereka.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Apakah kadar jerebu yang disebabkan oleh pembakaran di Malaysia sendiri berbanding yang datang dari luar Malaysia? Dan apakah tindakan Selangor untuk mengelakkan perkara ini berlaku sekiranya dia berlaku seperti tahun ini jerebu datang daripada seberang?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Boleh ringkaskan soalan? Saya tak faham. Satu soalan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Kadar jerebu yang disebabkan oleh pembakaran yang berlaku di dalam Negeri Selangor sendiri berbanding yang jerebu datang daripada luar.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Jerebu yang berlaku hampir setiap tahun tetapi khasnya yang amat teruk pada tahun ini datangnya (kalau di negeri Selangor datangnya) daripada Sumatera, Indonesia dan bukan tempatan. Kalau di tempatan, kita dipanggil *localized burning*. *Localized burning* kita 20meter persegi, 100kaki persegi sebagai contohnya. Yang paling besar pun (yang kita dapat) pada tahun ini adalah 150ekar yang telah dipadamkan dalam masa 10 hari. Jadi, apa yang telah berlaku adalah telah berlaku di seberang sempadan. Saya di maklum terbaru adalah seluas 2juta ataupun 3juta hektar. Jadi, kalau kita lihat peralihan angin yang telah berlaku pada masa itu malangnya ianya perlu merentasi pantai barat semenanjung Malaysia (maksudnya ia akan melalui Negeri Selangor dan juga negeri-negeri yang sekitarnya seperti Negeri Sembilan, Melaka) yang memang pada tahun ini tiga-tiga negeri kena sangat teruklah. Walau bagaimanapun, kerana sekarang telah ada peralihan angin lagi iaitu sekarang adalah monsun timur laut, maka jerebu tersebut dapat bertukar arah dan ianya ditiupkan balik ke Pulau Sumatera.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah peratusan kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW) sekarang?
- b) Berapakah sasaran NRW yang diletakkan setelah KNS mengambil alih pengurusan air?
- c) Bilakah jangkaan NRW yang ditetapkan ini akan tercapai? Bagaimana?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Batu Tiga yang bertanya berkenaan dengan air tidak terhasil.

Mengikut rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), setakat 31 Disember 2014 kadar air tidak terhasil ataupun NRW adalah sebanyak 33.21% dan pihak SPAN mengunjurkan kadar NRW pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak 32.46%. Maka Kerajaan Negeri menasaskan penurunan NRW mencapai 25% pada tahun 2025. Sesuai dengan saranan SPAN dan *benchmarking* yang dibuat kepada beberapa negara berkaitan dengan amalan terbaik untuk menurunkan kadar NRW ini, antara kunci kejayaan yang dikenal pasti adalah seperti program yang melibatkan staf, kakitangan, warga kerja secara menyeluruh, pelaksanaan projek secara yang holistik, komitmen pengurusan, kawalan kualiti kerja di semua peringkat.

Maka untuk itu (di Selangor), langkah untuk menurunkan NRW akan lebih berkesan sekiranya ianya akan melibatkan semua perubahan sikap semua staf, unit melaksanakan penurunan NRW secara dalaman, bilangan staf, penurunan NRW terlatih yang lebih ramai, NRW adalah merupakan KPI utama juga bagi daerah, penurunan NRW dilaksanakan secara holistik, kontrak sedia ada akan diseliakan dengan rapi dan telus seperti penetapan *baseline* yang betul, pengukuran prestasi, penurunan yang tepat dan yang seumpamanya dan ianya masih lagi dalam proses awal setelah Air Selangor (bagi pihak Kerajaan Negeri) mengambil alih syarikat konsesi pengagihan air.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih kepada jawapan daripada EXCO. Tetapi soalan saya, kita menghadapi 2 ekstrem yang saya lihat saban hari dihadapi atas pengurusan air ini. Satu, paip pecah di sana sini dan di mana-mana yang mengakibatkan '*no renewal water*' ini wujud. Dan satu lagi, isunya adalah paip-paip pili bomba yang tak ada air pula kan. Jadi, bagaimanakah kita apakah ada satu mekanisme yang proaktif bagi memastikan ianya dapat dijalankan ataupun dipastikan bahawa semua paip-paip yang ada ini dalam keadaan yang baik sebab jawapan daripada EXCO tadi bagaimana ianya lebih menjurus kepada dalam aspek pengurusan staf, tetapi tidak dalam aspek pengurusan aset yang kita sepatutnya memberi tumpuan. Itu soalan saya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada Batu Tiga. Antara perkara ataupun penanda aras *benchmarking* amalan terbaik yang perlu kita laksanakan setelah kita mengambil pengajaran daripada pengalaman-pengalaman yang lepas yang dilakukan oleh konsesi. Di antaranya ialah:-

- a) Pengesanan kebocoran secara intensif;
- b) Pembaikan serta-merta sebarang kebocoran yang berlaku;
- c) Pembangunan sumber manusia dan pembudayaan itu sendiri;



- d) Penukaran meter terutamanya pengguna-pengguna komisen yang juga memberikan sumbangan kepada NRW; kemudian
- e) Pembangunan domestik meter zon yang akan kita perkenalkan;
- f) Pengurusan tekanan selepas pembaikan dilaksanakan (kita tidak mahu pembaikan dilaksanakan, urusan tekanan tidak dilakukan akan menyebabkan kebocoran yang baru pula berlaku);
- g) Begitu juga dengan penukaran paip-paip secara terpilih khususnya yang telah pun melebihi usia 7 tahun dan sebagainya.

Dan 1 hingga 7 ini juga akan dilaksanakan mengikut keutamaan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih YB EXCO di atas penjelasan tadi. Saya ingin bertanya (mohon penjelasan) berkenaan dengan penggantian paip-paip yang lama yang dimaksudkan oleh YB EXCO tadi paip-paip yang berumur ataupun berusia lebih dari 7 tahun, siapakah yang bertanggungjawab (ini selepas penstrukturan semula air), yang bertanggungjawab untuk menggantikan paip-paip lama ini? Adakah Kerajaan Negeri sendiri ataupun PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) yang mana ianya juga di bawah kerajaan persekutuan? Jadi, saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan hal ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Berkenaan dengan soalan tadi. Tanggungjawab itu sudah pasti akan dipikul oleh Air Selangor melalui perbelanjaan CAPEX yang akan diperuntukkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Sebelum ini, semasa dalam proses penstrukturan semula, dikatakan SPAN telah bekukan perbelanjaan *cap CAPEX* untuk pembaikan paip air dan naik taraf aset air dan sebagainya. Jadi sekarang kalau ikut jawapan EXCO tadi, ada tak semuanya dibuka semula dan diambil alih oleh PAAB?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Setelah penstrukturan semula ataupun pengambilalihan tanggungjawab ini, ianya adalah dalam proses ataupun diteliti satu persatu bersama dengan SPAN dan kita yakin dan percaya pembekuan itu tidak akan menimbulkan permasalahan. Maknanya ianya akan diselesaikan dengan baik dengan pihak SPAN setelah pengambilalihan yang telah pun disempurnakan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TEATER RAKYAT**

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah peruntukan dana bagi 2013 dan 2014 yang disalurkan oleh kerajaan bagi menyokong kegiatan teater.
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam penganjuran teater bagi tahun 2015?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Hulu Kelang atas soalan beliau. Pertamanya untuk jawapan (a), daripada rekodnya untuk tahun 2013 dan 2014 tidak ada peruntukan yang signifikan. Kali terakhir peruntukan yang signifikan diberikan adalah pada tahun 2009 dengan jumlah RM100,000 untuk satu teater yang bertajuk 'Surah Junjungan, Tahajud Cinta' yang telah dipentaskan di Shah Alam pada ketika itu.

Puan Speaker dan seluruh Ahli Dewan,

Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor akan menganjurkan teater "Atas Pokok" yang akan dilaksanakan di Shah Alam sebagai salah satu program dan pengisian Program Kota Seni di Bandaraya Shah Alam pada tahun 2015 yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan Seniman PAKSI ataupun Kumpulan Seniman Rakyat ataupun PAKSI. Pemilihan naskhah ini adalah bertemakan kemanusiaan dan estetika yang baik untuk penghayatan masyarakat. Ia adalah berdasarkan puisi dan karya sasterawan negara Tongkat Waran ataupun nama sebenarnya Dato' Osman Awang yang bertajuk 'Surat Dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar' yang dibuat pada tahun 1979 dan 'Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya' yang juga dicipta pada tahun 1979.

Teater Atas Pokok akan dilangsungkan di Shah Alam dengan berpentaskan pokok dan ini merupakan satu benda yang satu perkara yang agak unik yang saya rasa tidak lagi dipentaskan di mana-mana tempat di Malaysia ini dan mungkin di dunia. Pokok menjadi sebagai pentas dan platform untuk dipentaskan dan *Insyah-Allah* ia akan dipentaskan pada November iaitu pada tahun ini (pada hujung tahun ini) dan

kita sedang giat dengan kos yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebanyak RM120,000. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan berkenaan dengan teater ini. Bolehkah dinamakan kumpulan-kumpulan teater yang aktif di Selangor dan di manakah tapak kegiatan mereka? Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tuan Speaker, saya perlukan nota untuk jawapan tersebut. Namun, pada ketika ini memang kita sedang mengumpulkan terutamanya daripada penglibatan Jawatankuasa Kota Seni, kita kumpulkan semua *database* ini di mana mereka aktif dan sebagainya dan *Insyah-Allah* apabila kita telah muktamadkan penggunaan panggung teater kita, kita akan boleh melaksanakan dengan lebih banyak terutamanya mencipta *black box*. *Black box* ni merupakan satu yang biasa bagi teater yang besar. Biasanya ada *black box* untuk eksperimen dan untuk mereka-mereka yang baru ingin mementaskan teater. Jadi, *Insyah-Allah* kita akan melaksanakan di tahun hadapan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK** : **SKIM CERIA**

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan Skim Ceria dan tindakan pembaikan yang dilakukan dari tahun 2013-2015 mengikut PBT?
- b) Apakah kriteria bagi memohon skim ini?
- c) Berapakah jumlah permohonan yang lulus dan permohonan ditolak dari 2013-2015 mengikut PBT?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum WBT*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Pecahan perbelanjaan Ceria mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dari tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut :

- a) MBPJ (RM16.3juta);
- b) MBSA (RM1.8juta);
- c) MPAJ (RM2.17juta);
- d) MPK (RM1.35 juta);
- e) MPSJ (RM3.59juta);
- f) MPSp (RM2.34juta);
- g) MPKj (RM6.16juta);
- h) MPS (RM1.33juta);
- i) MDHS (RM427,331.70);
- j) MDKL (RM139,536);
- k) MDKS (RM373,372)

Keseluruhannya adalah sebanyak RM36.056 juta yang telah dibelanjakan setakat ini untuk Skim Ceria.

Tentang kriteria utama bagi permohonan Skim Ceria adalah seperti berikut :

- a) Permohonan dibuat oleh Pengurusan Bangunan seperti JMB, MC, pemaju, agen pengurusan berdaftar atau persatuan penduduk berdaftar;
- b) Pangsapuri adalah terdiri daripada kategori pangsapuri kos rendah iaitu harga belian adalah maksimum RM42,000 ataupun pangsapuri kos sederhana rendah iaitu di antara RM42,000 dan RM72,000; dan
- c) Ianya perlu mempunyai kedudukan kewangan pengurusan yang stabil, permohonan baik pulih harta tanah bersama pangsapuri adalah tidak termasuk baik pulih jenis kerosakan yang melibatkan kecacatan struktur bangunan;
- d) Pangsapuri yang memohon juga perlu mempunyai Sijil Layak Menduduki bangunan ataupun *Certificate of Fitness*.

Tentang persoalan tentang jumlah pangsapuri yang telah ditawarkan atau yang telah ditolak akan permohonan mereka daripada 2013 hingga 2015 :

BIL	PBT	DITERIMA	DITOLAK
1	MBPJ	28	1
2	MBSA	11	2
3	MPAJ	14	4
4	MPK	17	-
5	MPSJ	17	2

6	MPSp	4	2
7	MPKj	37	5
8	MPS	10	-
9	MDHS	3	-
10	MDKL	2	1
11	MDKS	1	-

Dan keseluruhannya adalah sebanyak lebih daripada 140 kawasan yang telah menerima manfaat daripada permohonan Ceria ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Skim Ceria sepanjang ia ditubuhkan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kekangan utama adalah persetujuan daripada penduduk. Masalahnya kita ada JMB dan kita ada MC dan kadangkala MC ini membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Ceria tetapi kita perlu persetujuan daripada penduduk dan masa yang paling lama masa menunggu adalah supaya pihak JMB atau MC ini ataupun persatuan penduduk mendapatkan persetujuan daripada keseluruhan penduduk. Inilah kadangkala permohonan itu tertangguh bukan di pihak kerajaan, tetapi bagi penduduk untuk ataupun JMB ataupun MC untuk mendapatkan persetujuan supaya skim ini dilaksanakan. Sebab kita tidak mahu apabila skim ini dilaksanakan, maka akhirnya penduduk tidak mahu bayar dan akhirnya Tabung Ceria ini tidak dapat dipenuhi semula dan bermakna bahawa terdapat kemajuan-kemajuan lain yang sepatutnya mendapat manfaat daripada Skim Ceria ini dinafikan akan projek-projek ini.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif bahawa kalau penduduk tidak boleh bayar dari segi kemampuan mereka, kita telah menurunkan bayaran bulanan sehingga setiap unit boleh bayar RM5 saja sebulan. Maknanya tak perlu. Pada pandangan Kerajaan Negeri, RM5 setiap unit sebulan ini adalah terlalu rendah. Itu pun terdapat penduduk yang kata mereka tidak mahu bayar. Dan jika selepas ini kalau tidak mahu bayar juga (penduduk), kita akan meminta jasa baik ADUN ataupun Ahli Dewan Negeri yang terlibat untuk berbincang dengan penduduk. Setelah kita turun pun tak ada penyelesaian, mereka tak mahu bayar (dah turun RM5 pun tak nak bayar), kita minta supaya ADUN dapat turun dan berbincang dengan mereka ataupun JMB yang terlibat. Tapi kalau ADUN nak bayarkan, kita alu-alukan. Insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Puan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan yang dikemukakan oleh YB EXCO tadi berkaitan dengan JMB. Aduan yang kita terima selalunya ialah pihak JMB dan ataupun MC ini tidak begitu berpengalaman mengurus, mentadbir kewangan dan sebagainya. Jadi soalan saya, bagi memohon Program Ceria dan apa-apa juga yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, apakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk memberi latihan kepada pengurusan ini supaya aspek pengurusan itu dapat dipertingkatkan di peringkat JMB dan juga MC?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kerajaan Negeri memang tidak akan membiarkan JMB atau MC berseorangan ataupun tanpa sebarang latihan. Kita ada satu program ataupun satu program dinamakan '*Focus*' iaitu Format Kurikulum Pembangunan Berstrata di mana dari masa ke semasa kita bawa jawatankuasa ataupun ahli-ahli JMB dan MC ini untuk kita kursuskan mereka. Kadangkala kursus ini bukan kursus satu hari atau setengah hari yang melepaskan batuk di tangga, tetapi kita memang betul bimbing mereka. Kadang-kadang ada program yang bermalam iaitu betul-betul kita nak memastikan bahawa mereka mempunyai *skill* atau kepakaran untuk melaksanakan ataupun mentadbir kawasan pembangunan mereka. Sebab kita tahu bahawa di antara kurikulum yang kita ajar mereka, adalah termasuk bagaimana hendak menyelesaikan bukan sahaja pentadbiran, bukan sahaja tentang kewangan, tentang teknikal, tentang lif dan juga isu-isu di rumah pangsa, tetapi tentang macam mana yang paling penting sekali bagi JMB dan MC adalah bagaimana hendak menguruskan masyarakat (menguruskan manusia). Itu adalah *skill* yang paling penting yang perlu dimiliki oleh semua JMB atau MC. Jadi, bermakna ini dan juga Skim Ceria adalah di antara banyak program-program untuk mereka yang tinggal di rumah berstrata yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Terdapat satu kawasan di tempat saya (dekat Subang) ia merupakan kawasan laluan ribut. Tiap-tiap tahun akan kena ribut dan bumbung cabut. Jadi, ini bukan kesalahan penduduk. Jadi, ini malapetaka tetapi pihak kerajaan mengenakan bayaran minimum kepada JMB dan mereka di luar kemampuan mereka dan kos untuk membaiki bumbung ini sangat mahal. Di luar kemampuan JMB. Jadi, pandangan kerajaan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ada beberapa tempat yang memang merupakan laluan ribut ataupun orang kata 'laluan jin' yang (bukan jinlah). Ribut. Sebab setiap tahun di masa yang sama ataupun di masa-masa tertentu angin akan lalu di situ seperti mana di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Saya rasa

cadangannya kita perlu lihat (JKR kena lihat) secara menyeluruh macam mana kita nak halang angin itu daripada melalui. Ini bukan suatu yang tidak betul. Tapi kalau kita belajar ilmu alam masa dulu di Pampas di Argentina, di mana ada padang ragut di mana bagaimana dia nak mengelakkan angin itu kena kepada lembu-lembu dia (sana lembu diletakkan di padang, bukan di kondominium ya). Jadi, dia tanam pokok supaya dapat halang angin itu daripada lalu ke kawasan-kawasan penempatan. Jadi mungkin apa yang kita boleh buat adalah kita kena buat satu *mapping* tentang laluan angin. Ini kena suatu perkara yang teknikal lah. Jadi bermakna macam mana kita nak pastikan bahawa angin itu dapat disekat dengan ada pokok ataupun struktur-struktur yang lainlah.

Tentang Bukit Subang, saya sedia maklum. Mereka hutang lagi RM38,000 (kalau tak silap saya). Jadi saya mintalah mungkin jasa baik daripada Adun sama ada untuk memujuk mereka bayar ataupun RM38,000 mungkin pihak ADUN boleh mendahulukan duit ADUN. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Lain kali semua kena fikir betul-betul sebelum tanya soalan tambahan ya. Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Ok Terima kasih, Tuan Speaker saya rasa, macam teruja juga tadi apa yang dikata oleh EXCO tadi dia kata teruja, sebab dia kata nak libatkan ADUN juga, mungkin penyelaras untuk membantu untuk memastikan Skim Ceria dapat dijalankan dengan baik, cuma saya nak mohonlah contohlah saya bagikan kadang-kadang Menteri Besar kata nak *smart* Selangor tapi saya nampak tak *smart*lah Menteri Besar tak *smart* tidak peka tidak prihatin.

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Kota Damansara?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Sikit-sikit 10 soalan, sebab selalu *confuse* di Kota Damansara Razlan *confuse* akan Kerajaan *confuse* surat dihantar dan tapi tulis ADUN Kota Damansara ini salah satu surat daripada PBT lepas tu dalam masa yang sama, projeknya di DUN Batu Tiga so Menteri Besar kena ambil perhatian ini. Soalannya ok bagaimana Kerajaan Negeri menangani ketirisan yang berlaku terhadap Program-program Skim Ceria ini, ada ketirisan berlaku kadang-kadang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Sebenarnya dah bincang perkara ini dan kita dalam kita punya perbincangan kita membuat keputusan kita akan melantik CIDB untuk Audit Skim Ceria ini iaitu audit daripada luar. Jadi inilah cara macam kita hendak menyelesaikan ketirisan. Kalau boleh surat yang dalam *handphone whatsapp* kepada saya. Ada nombor ya, terima kasih, dah nombor belum tu.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Puan Speaker, soalan 24

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : PANEL DIALISIS SIHAT SELANGOR**

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria bagi dilantik sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor
- b) Berapakah perbelanjaan yang telah digunakan bagi program ini?
- c) Jumlah pesakit yang didaftarkan bawah Panel Dialisis Sihat Selangor

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Kinrara, Tuan Speaker untuk maklumkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang ke 9/2015 yang bersidang pada 4 Mac 2015 telah bersetuju untuk menjalankan kerjasama strategik dengan Pusat Dialisis swasta yang sedang beroperasi di Negeri Selangor untuk dijadikan sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor dan Selangor adalah negeri yang pertama untuk melaksanakan panel Dialisis untuk rakyat Selangor.

Objektif utama pelaksanaan Panel Dialisis Sihat Selangor adalah bagi membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dialisis secara berkala di pusat-pusat dialisis yang dilantik dan paling hampir dengan kediaman mereka.

Antara syarat-syarat lantikan panel Dialisis Sihat Selangor adalah seperti berikut;

- i) Pusat Dialisis mestilah berada di dalam Negeri Selangor;
- ii) Lesen operasi yang masih sah dan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- iii) Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tempat kosong;
- iv) Mempunyai kawasan yang bersih, kondusif dan selesa kepada pesakit yang menerima rawatan;
- v) Mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh KKM; dan
- vi) Pusat Dialisis mestilah berdaftar dengan sistem Pembayaran Elektronik Kerajaan Negeri Selangor.



Pada masa hadapan, Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik lebih banyak lagi Pusat Dialisis swasta untuk menjadi Panel Dialisis Sihat Selangor. Walau bagaimanapun, ia perlu mematuhi syarat-syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta ringgit bagi membiayai kos rawatan dialisis melalui Program Bantuan Sihat Selangor kepada pesakit-pesakit yang layak dan memerlukan bantuan bagi pembiayaan rawatan dialisis mereka sehingga 31 Oktober 2015 Kerajaan Negeri telah pun menerima permohonan sejumlah 282 orang dan telah pun berbelanja sejumlah RM854,479.00 bagi rawatan dialisis.

c) Sebanyak 20 buah Panel Dialisis Sihat Selangor telah dilantik bagi tahun 2015. Jumlah pesakit yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Panel Dialisis Sihat ini adalah sejumlah 282 orang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing dalu

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya ingin tanya apakah bayaran 1 sesi yang dibayar kepada panel ini dan apakah tempoh untuk membuat bayaran dan akan dibayar dalam masa 1 bulan ataupun

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih kepada Bukit Gasing. Kita memberikan *lump sum* sebanyak RM5 ribu tiap-tiap satu pesakit untuk tersebut dan kita juga memperuntukkan ataupun kita meminta kepada Panel-panel Dialisis ini untuk menyeragamkan bayaran per sesi kepada Kerajaan Negeri dan harga tersebut kita saya kena semak, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Paya Jaras

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih, soalan saya adalah berkait rapat dengan *brochure* Kerajaan Negeri berhubung kait program Dialisis Rakyat. Antara syarat-syarat pusat rawatan dialisis rakyat adalah penyakit normal iaitu tidak tiada penyakit kritikal seperti kencing manis, darah tinggi dan penyakit berat yang lain. Soalan saya bukannya buah pinggang itu berkaitan rapat dengan kencing manis dan sebagainya.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Paya Jaras, saya kira saya tidak jumpa pun *brochure*.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ada dalam *brochure* yang edarkan di DUN-DUN dan rakyat bila bertemu kita, kita rasa malu nak jawab benda ini.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI** : Ok Kita perlu perbetulkan, terima kasih Paya Jaras.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tuan

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Speaker Soalan 25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN RAZALY BIN HASAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : TEMPOH MASA PENYELENGGARAANNYA JALAN KAMPUNG  
(JALAN PLB DAN JKR)**

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula peraturan penyelenggaraan jalan PLB dan JKR supaya sesuai dengan keperluannya, misalnya jadual potong rumput daripada 3 bulan kepada 2 bulan sekali?
- b) Memberi tanggungjawab pemantauan dan peruntukan kepada JKKK untuk kontrak penyelenggaraan dan pembersihan kampung.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada yang bertanya. Berkaitan dengan tempoh masa jalan kampung jalan PLB dan juga jalan JKR, memang benar bahawa JKR telah membuat semakan semula rutin penyelenggaraan jalan JKR sebagai contohnya untuk jalan di kawasan luar bandar jalan sekunder dan jalan minor pemotongan rumput telah pun dipertingkatkan kadar frekuensinya kepada 1 kali sebulan. *Inkstick of amazing* 2 bulan sekali sebelum daripada ini.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Puan Speaker, Soalan saya no. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PINJAMAN BERJUMLAH RM413 JUTA KEPADA KDEB OLEH  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pinjaman yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada jumlah RM413 juta pinjaman yang diberikan kepada KDEB untuk beli KHSB?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor juga mengambil pendekatan untuk meminjam kepada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dalam masa akan datang

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Rawang ingin mengetahui kedudukan pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad ataupun KDEB bagi pengambilan kumpulan Hartanah Selangor Berhad ataupun KHSB yang bermula pada bulan Jun 2013. Untuk makluman Yang Berhormat Rawang, pinjaman Kerajaan Negeri kepada KDEB adalah sebanyak RM413.20 juta ringgit yang bermula pada bulan Jun 2013 dan masih gagal untuk membuat pembayaran semula. Pinjaman tersebut dikenakan *charge* pembiayaan sebanyak 4% setahun, yang berjumlah RM16.528 juta dan ini menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman sebanyak RM429.728 juta. Tarikh anuti bayaran balik pinjaman ialah pada 28 November 2015. KDEB telah membuat bayaran balik sebahagian berjumlah RM5 juta sahaja. Baki pinjaman keseluruhan adalah berjumlah RM424.728 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Rawang, KDEB tidak berjaya memiliki 100% di dalam KHSB berikutan keengganan pemegang saham minoriti terbesar KHSB iaitu Senrigan Capital untuk menjual saham mereka kepada KDEB. Walau bagaimanapun bagi menjayakan pengambilan 100% kepentingan ekuiti KHSB oleh KDEB. KHSB telah melaksanakan kaedah pengurangan modal terpilih dan pelaksanaan pembayaran ataupun dengan izin *Selective Capital Reduction and Repayment Exercise atau SCR*. Beberapa rundingan telah pun dijalankan antara KDEB dan Senrigan Capital dari bulan Mac sehingga Oktober 2014. Memandangkan pelaksanaan cadangan modal terpilih atau pun *Selective Capital Reduction* tadi perlu mendapat sokongan daripada pemegang saham minoriti terbesar Kumpulan Hartanah Sdn Bhd. Senrigan Capital secara dasarnya telah pun bersetuju dengan cadangan ini. KDEB telah berjaya mengambil alih RM8 juta saham KHSB daripada Senrigan hanya pada 18 Mac 2015. KHSB maaf KDEB telah pun menjalankan proses untuk mendapatkan kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti,

pihak Bank dan pemiutang utama KHSB, dan juga pemegang-pemegang minoriti KHSB untuk melaksanakan SCR tersebut setelah Senrigan Capital bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan. KHSB melalui mesyuarat agung luar biasa atau EGM telah pun mendapat kelulusan daripada pemegang saham minoriti untuk pelaksanaan *Selective Capital Reduction* hanya pada 16 Oktober 2015 yang baru lalu. Namun kelulusan mahkamah adalah diperlukan untuk *Selective Capital Reduction* dalam memastikan KDEB dapat memiliki 100% saham KHSB. Sementara menunggu tarikh mahkamah MMKN yang bersidang pada 28 Oktober 2015 iaitu seminggu setelah mesyuarat EGM dilakukan telah pun menimbang dan meluluskan tempoh bayaran balik pinjaman KDEB tersebut selama 1 tahun kepada 28 November 2016. Tempoh perlanjutan ini adalah bagi membolehkan KDEB merancang pembayaran balik pinjaman setelah KHSB menjadikan milikan penuh 100% KDEB. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Rawang beberapa hari yang lalu saya telah dimaklumkan bahawa pendengaran di mahkamah telah pun ditetapkan pada 6 November 2015 dan proses dokumentasi dijangka dapat diselesaikan pada 28 November 2015 seperti yang telah dijadualkan sebelum ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib, Ya Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan Tambahan, *maybe* saya *miss* yang tarikh, bilakah KDEB akan memulangkan semula hutang kepada Kerajaan Negeri? Adakah satu tarikh *dateline* untuk pemulangan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama, belum setelah semua proses ini dilalui termasuk pendengaran di mahkamah yang baru sahaja ditetapkan pada 6 November 2015. Kerajaan Negeri akan memastikan KDEB akan membuat pembayaran semula dalam masa yang terdekat. Sebenarnya sebelum ini pada 28 Oktober 2015 yang lalu, Kerajaan Negeri telah pun meneliti beberapa cadangan penyelesaian untuk hutang berkenaan. Walau bagaimanapun kita berpandangan oleh sebab mahkamah belum memberikan kebenaran untuk kaedah NCR *Selective Capital Reduction* tadi adalah terlalu awal untuk Kerajaan Negeri menimbang *option-option* tersebut dan oleh kerana tarikh mahkamah telah pun ditetapkan saya cukup yakin sebaik sahaja selesai proses dokumentasi pada 28 November ini iaitu tarikh yang telah diberikan kepada KDEB MMKN akan bersidang semula untuk melihat kertas yang berkenaan dan mengambil ketetapan tentang pilihan *option* yang akan dikenakan ke atas KDEB untuk memulangkan pinjaman tersebut. Saya menjangkakan dalam suku tahun 2016 pinjaman ini akan diselesaikan dan perkara ini tidak lagi berbangkit dalam Dewan Negeri dalam Sidang Mac tahun depan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Speaker

**TUAN SPEAKER** : Yang ini untuk soalan mana Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Bukan, sebab soalan b saya tidak dijawab

**TUAN SPEAKER** : Bahagian b

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Minta maaf Yang Berhormat Rawang, Untuk soalan b di mana Yang Berhormat Rawang ada bertanyakan apakah Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan untuk meminjam memberikan pinjaman kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri di masa akan datang. Untuk maklumat Yang Berhormat Rawang Kerajaan Negeri memberikan pinjaman kepada pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan penubuhan Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan Lain. Kumpulan wang ini terletak di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kumpulan Wang Amanah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Maka semua pinjaman yang diberikan kepada PBT ataupun Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri akan tertakluk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 ini. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bertujuan untuk membantu membiayai aktiviti yang tidak dapat ditampung oleh Peruntukan Kumpulan Wang Pengurusan Agensi Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri seperti yang berlaku di beberapa PBT yang mempunyai kekangan dari segi peruntukan dan pengurusan maka Kerajaan Negeri akan menggunakan Kumpulan Wang Amanah ini pinjaman ini bagi membiayai beberapa program tertentu di peringkat berkenaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK :** **KEPERLUAN PEKERJA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI DAN PELABURAN INDUSTRI YANG BEGITU PESAT DI SELANGOR PADA MASA KINI**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor membantu pelabur-pelabur yang ingin melabur di Selangor bagi mendapatkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor membantu melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menampung keperluan industri?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker bagi membantu para pelabur yang ingin mendapatkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah melaksanakan Program Invest Selangor *Talent Initiative* di mana di bawah program ini pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program Jom Kerja di beberapa daerah di Selangor bagi membantu penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Sehingga kini, sebanyak 3 program telah diadakan di Daerah Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam bagi tahun 2015.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam. Tidak hadir. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**: Tuan Speaker, soalan 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK :** TANAH RIZAB ORANG ASLI

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan keluasan tanah rizab orang asli yang digazetkan sejak Mei 2013 sehingga sekarang? Senaraikan.
- b) Sila nyatakan tanah-tanah yang dalam proses mendapatkan pelan pra-hitungan dan berapa lama telah diambil?
- c) Bagaimanakah kerajaan boleh mempercepatkan proses penggazetan tanah rizab orang asli?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, keluasan rizab Orang Asli yang terkini yang diukur adalah 300. Seluas 333.78 ekar ianya berada di daerah Hulu Selangor dan Kuala Langat. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui MMKN yang Ke 31/2015 pada 22 September 2015 secara dasarnya telah meluluskan permohonan pewartaan penempatan Orang Asli dan tindakan untuk proses pewartaan sedang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Sepang. Tanah Rizab tersebut seluas 210.257 ekar yang terdiri daripada tiga kampung Orang Asli di Daerah Sepang.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor berusaha dalam proses, peringkat proses untuk mendapatkan pelan pra-hitung tanah Orang Asli bagi tujuan pewartaan sebagai rizab Orang Asli. Anggaran masa untuk proses ini adalah daripada permulaan pemetaan komuniti dan pemetaan pelan pra-hitungan boleh mengambil masa sebanyak selama satu tahun. Antara kawasan-kawasan tersebut yang dalam proses untuk mendapat pelan pra-hitungan adalah seperti Kampung Orang Asli Pulau Banting, Kampung Orang Asli Kepau Laut, kedua-duanya di Daerah Kuala Langat. Di Daerah Sepang adalah Kampung Orang Asli Jambu, Kampung Orang Asli Bukit Tampo Tasek Seberang dan Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek dan jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat pelan pra-hitungan adalah RM191,828.20. Lokasi-lokasi Kampung Orang Asli yang dalam tindakan untuk mendapat sebut harga bagi penyediaan pelan pra-hitungan adalah:-

1. Kampung Orang Asli Sungai Kelubi
2. Kampung Orang Asli Sungai Naning

Kedua-duanya di Hulu Selangor dan juga di Hulu Langat *respectively* dengan izin dan Kampung Orang Asli Bukit Jenok dan Kampung Orang Asli Galor di Daerah Sepang.

Jadi kita sedang tunggu sebut harga daripada syarikat-syarikat yang berkenaan dan soalan daripada Damansara Utama macam mana Kerajaan boleh mempercepatkan proses penggazetan tanah rizab Orang Asli sebenarnya prosesnya bukan senang dan bukan cepat ianya adalah satu proses di mana ada beberapa peringkat dan setakat ini KPI ataupun fokus *target* kita untuk menggazetkan beberapa kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor adalah menepati masa yang dirancangkan. Dengan izin, Tuan Speaker, saya juga ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 252 daripada Yang Berhormat Jeram tentang Orang Asli juga, soalan pokoknya adalah berkenaan bantuan Kerajaan Negeri kepada Mualaf Orang Asli yang melalui MAIS pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1. Bantuan bina rumah, 48 bilangan rumah. Amaun yang dikeluarkan oleh MAIS adalah RM2.669 juta.
2. Bantuan modal perniagaan berjumlah RM48,400. Maksudnya empat puluh lapan ribu empat ratus ringgit.
3. Bantuan pendidikan kepada 17 mahasiswa ataupun pelajar mualaf Orang Asli jumlahnya adalah RM104,200.00.

Selain daripada itu terdapat pelbagai bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak MAIS kepada asnaf mualaf Selangor termasuk Orang Asli seperti bantuan bulanan

sebanyak RM300.00 bagi individu mualaf berumur 18 tahun ke atas dan tambahan RM100.00 bagi setiap tanggungan Ketua Keluarga.

Jumlah soalan kedua daripada Jeram adalah jumlah keluasan hasil pemetaan komuniti tanah adat Orang Asli untuk tahun ini adalah 3,779.33 ekar yang terdiri daripada kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan rayau Orang Asli dan untuk tahun 2014 dan tahun 2015 kita telah adakan beberapa program ataupun projek pembangunan untuk dua-dua tahun ini kita fokus kepada satu projek yang dipanggil projek tanpa rumah. Maksudnya kita, bantu membina rumah baru yang dirosakkan kerana dirosakkan oleh bencana banjir ke, api dan sebagainya ataupun yang amat-amat miskin. Jadi jumlah unit yang dibina untuk tahun 2014 adalah 13 unit berjumlah RM257,000.00 dan untuk tahun 2015 kita dalam proses untuk membina 21 unit rumah di Negeri Selangor khususnya untuk Orang Asli.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tadi saya tertarik dengan KPI yang dikatakan oleh YB. EXCO. Apakah KPI Kerajaan Negeri dari pra-hitungan ke penggazetan tanah rizab Orang Asli dan apakah KPI Kerajaan...

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Maaf satu soalan, ok. Boleh saya, *let me try to understand, what is our KPI* , apakah KPI kita? Dari penyediaan pelan pra-hitungan sehingga ke penggazetan saya pun tak begitu faham. Tempoh ataupun bilangan?

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tempoh.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tempohnya kita harap enam bulan boleh selesai. Enam bulan sehingga satu tahun. Satunya bila kita membuat pelan pra-hitungan ianya mengikut pelan pemetaan komuniti yang disediakan selepas itu Pejabat Tanah Daerah akan melihat kawasan tersebut dan melihat adakah ianya sesuai. Kadangkala pelan pemetaan komuniti boleh masukkan Hutan Simpan sebagai contohnya ataupun Tanah Milik Persendirian dan sebagainya jadi itu perlu dengan izin *filter out* selepas itu satu pelan yang baru mungkin perlu disediakan selepas itu ianya akan di bawa ke EXCO dan juga Pejabat Dato' Menteri Besar untuk digazetkan. *So that is the more less the process.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** So, apakah KPI?

**TUAN SPEAKER :** Damansara Utama.



**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *Sorry, sorry..* apakah KPI keluasan dan ataupun nombor kampung Orang Asli yang dari Mei 2013 sampai pilihan raya akan datang?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Oh.. Pilihan raya akan datang kita tidak ada senarai tersebut dan kita bekerja tidak kira ada pilihan raya atau tidak. Apa yang telah kita sediakan sebenarnya perancangan tersebut telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini cuma saya tidak boleh ingat semua senarai kampung-kampung Orang Asli yang kita telah sasarkan untuk tahun ini. Jadi saya akan jawab melalui jawapan bertulis.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Terima kasih, Tuan Speaker No. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : AGIHAN DAN PERUNTUKAN SEKOLAH-SEKOLAH**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri yang diagihkan, mengikut kajian serta keperluan dalam pembangunan sesuatu sekolah SJK (T), SJK (C) dan SAR.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**: Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Serdang. Pelaksanaan agihan Program Bantuan Sekolah yang dilaksanakan adalah dengan mengkaji keperluan sekolah-sekolah melalui dua kaedah:-

1. Berdasarkan maklumat keperluan sekolah yang dinyatakan oleh sekolah dalam borang permohonan bantuan sekolah.
2. Melalui satu Mesyuarat agihan bantuan sekolah yang diadakan bersama Ahli-Ahli Dewan Negeri dan juga wakil-wakil Pusat Khidmat Masyarakat,

dan akhir sekali berdasarkan kedua-dua kriteria ini kita akan melihat jumlah peruntukan yang masih ada sebelum kita membuat keputusan akhir pengagihan bantuan sekolah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas dahulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih. Terima kebbaikannya atas pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah tapi saya nak minta EXCO, apa KPI kita di pejabat EXCO untuk keluarkan cek-cek ini lepas diluluskan oleh Jawatankuasa. Berapa lama diambil untuk cek ini dikeluarkan dan masanya untuk dikeluarkan ya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** dia selepas mesyuarat diadakan oleh untuk menentukan jumlah ini mesyuarat terakhir diadakan kemudian kita akan Kertas MMKN untuk kelulusan dan selepas Kertas MMKN tersebut diluluskan baru proses pembayaran oleh pihak Perbendaharaan. Jadi kita biasanya dalam tempoh satu hingga 2 bulan selepas mesyuarat proses pembayaran itu akan dilaksanakan.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Sejauh manakah Kerajaan memantau peruntukan yang telah diberikan kepada agihan sekolah-sekolah ini di atas keperluan setiap sekolah itu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Kita memang buat masa ini yang kita adakan ialah lawatan secara rawak daripada pihak Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah. Kita tidak mampu untuk memantau semua sekolah-sekolah tetapi berdasarkan satu lawatan yang rawak dan kedua juga kita terima laporan kadang-kadang bila pihak sekolah tidak mematuhi ya sebab bantuan ini ialah untuk bantuan infrastruktur. Kita nyatakan secara jelas tetapi kita ada terima maklumat bahawa ada sekolah-sekolah tertentu menggunakannya untuk program, menggunakannya untuk acara dan sebagainya dan itu sebenarnya tidak mematuhi piawai yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri. Malah ada yang minta untuk bayar hutang sekolah pun ada jugak. Jadi sebab itu, apa yang kita ni, kita turun ke bawah dan sekiranya wakil-wakil rakyat ada maklumat terdapat percanggahan maka sila maklumkan kepada kita dan perkara ini akan diambil maklum untuk pengagihan yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : BANTUAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai di Selangor yang mendapat pertolongan daripada Bahagian Bantuan Sokongan Keluarga mengikut tahun sejak diwujudkan?
- b) Bagaimana BSK dapat membantu ahli keluarga yang dalam proses perceraian, selain daripada bantuan nafkah?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Taman Medan. Taman Medan bertanyakan berkaitan dengan bantuan sokongan keluarga ataupun BSK. Sejak penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga pada tahun 2009 sehingga 13 Oktober 2015 sebanyak 726 kes telah dibantu di Unit Khidmat Nasihat Perundangan ataupun UKNP.

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor bahagian sokongan keluarga menyediakan bantuan pendahuluan nafkah yang akan diberikan kepada plaintif ataupun bekas isteri yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan sebelum defendan melaksanakan perintah Mahkamah.

Selain daripada bantuan pendahuluan nafkah tersebut, BSK juga memberikan khidmat nasihat perundangan mengenai prosedur-prosedur Mahkamah yang perlu diketahui dan tindakan penguatkuasaan yang harus diambil sekiranya perintah yang telah dikeluarkan tidak dipatuhi oleh pihak defendan terutamanya sekali berkaitan dengan perintah nafkah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER**: Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Adakah khidmat nasihat guaman yang telah diberikan oleh Bantuan Sokongan Keluarga ini boleh dipanjangkan supaya mereka juga mewakili pihak isteri-isteri di dalam Mahkamah?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya kira ini tidak menjadi masalah dan setakat ini pun Bahagian Jabatan Kehakiman Syariah Selangor kita dalam proses mear-warkan dan hatta kita juga maklumkan melalui beberapa sumber-sumber seperti jabatan di peringkat daerah untuk perkara-perkara ini dimaklumkan kepada masyarakat.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Puan Speaker, soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK: LEBUH RAYA DASH**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan muktamad Kerajaan Negeri berkenaan pembinaan Lebuh raya DASH?
- b) Apakah maklum balas Kerajaan Negeri berhubung memorandum "Yes To DASH"?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Dengkil ingin mendapatkan penjelasan tentang pembinaan Lebuh Raya DASH. Dan untuk mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan saya pohon izin daripada Yang Berhormat Tuan Speaker untuk mengambil sedikit masa bagi memberikan fakta tentang pembinaan Lebuh Raya DASH. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 7 Disember 2011 dan disahkan pada 14 Disember 2011 telah menimbang dan bersetuju supaya Jabatan Perancang MBSA dan MBPJ mengkaji dan meneliti dengan terperinci pembinaan lebuh raya ini dan jajaran-jajarannya untuk diselaraskan dengan pelan struktur Kerajaan Negeri Selangor. Selaras dengan keputusan tersebut, pada 8 Februari 2012 sehingga 23 Februari 2012 pihak MBSA dan MBPJ telah mengambil tindakan untuk membenteng dan mempamerkan pameran dan taklimat awam. Hasil daripada pameran awam tersebut, maklum balas yang didapati adalah 98% bersetuju dengan pembangunan DASH manakala 2% sahaja yang tidak bersetuju. Setelah tindakan pameran awam tersebut dilaksanakan, cadangan jajaran Lebuh Raya DASH telah sekali lagi dibawa ke Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuarat MTES pada 12 April 2012 dan kemudiannya dibenteng dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 April 2012. Dalam mesyuarat berkenaan, MMKN telah bersetuju supaya jajaran Lebuh Raya DASH dimasukkan ke dalam Pelan Rancangan Tempatan MBSA dan MBPJ. Kerajaan Negeri juga meminta supaya Kerajaan Persekutuan memasukkan klausa apabila kutipan dan keuntungan telah mencapai sasaran. Projek perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Ini termasuk penamatan tempoh konsesi jika pulangan yang diunjurkan dicapai lebih awal. Pada masa yang sama, bagi memastikan pengagihan keuntungan projek yang adil maka klausa untuk *down side* juga perlu diadakan jika sasaran tidak tercapai. 2 jenis pulangan perlu dinyatakan dalam perjanjian konsesi berkaitan pembinaan lebuh raya ini iaitu *construction return* dan *equity return*. Pada 21 November 2012 laporan EIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tempoh kelulusan EIA berkenaan adalah sehingga 21 November 2016. Selain daripada laporan EIA, laporan TIA ataupun *Traffic Impact Assesment*

juga telah disediakan pada 11 Mac 2013 dan dikemukakan kepada agensi yang terlibat iaitu Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan PBT-PBT yang berkenaan. Kemudian daripada itu, jajaran DASH telah dimasukkan ke dalam Draf Rancangan Tempatan Shah Alam dan Publisiti Awam ke atas Draf Rancangan Tempatan ini telah diadakan pada 22 Ogos sehingga 20 September 2013. Berdasarkan kepada EIA dan TIA yang telah diluluskan itu dan serta pendengaran awam yang telah dibuat maka Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 1 Tahun 2014 yang bersidang pada 10 Februari 2014 telah mengesahkan kemasukan jajaran DASH dalam Rancangan Tempatan Shah Alam Pengubahan 2/2020 MBSA. Apabila saya dilantik Menteri Besar pada bulan September 2014, saya telah menerima kunjungan daripada kumpulan "Say No To DASH" pada 16 Disember 2014. Dalam perbincangan tersebut, mereka telah memaklumkan pada prinsipnya mereka menerima pembangunan Lebuh Raya DASH. Namun bantahan yang dikemukakan oleh mereka adalah jajaran yang melalui Damansara Perdana. Perbincangan dengan "Say No To DASH" turut dihadiri oleh Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan sebagai wakil kawasan yang berkenaan dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Subang. Maka, saya telah mengambil inisiatif, saya telah mendengar pandangan dan maklum balas daripada Kumpulan "Say No To DASH" untuk mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadhilah bin Haji Yusof bersama dengan pegawai-pegawai tertinggi dari Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 19 Mac 2015. Dalam pertemuan tersebut, saya memaklumkan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Kumpulan "Say No To DASH" dan meminta supaya pihak Kementerian dan LLM serta pihak Prolintas dalam meneliti bantahan tersebut dan seterusnya mengemukakan opsi-opsi lain terus kepada penduduk-penduduk yang berkenaan dengan mengambil kira pandangan yang telah diluahkan dalam pertemuan tersebut. Saya juga telah meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengambil kira pandangan penduduk yang terlibat pada jajaran yang terakhir iaitu yang melalui Damansara Perdana. Pihak LLM dan Prolintas telah mengambil langkah segera untuk mempertimbangkan bantahan-bantahan yang dikemukakan pada ketika, dan pada ketika ini sedang berlaku proses perbincangan dengan pihak penduduk yang berkenaan. Saya difahamkan pihak Prolintas telah mengemukakan *design* baru untuk jajaran yang terakhir dan akan dikemukakan kepada penduduk untuk mendapatkan maklum balas sebelum keputusan terakhir diperolehi. Dalam pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tersebut, Kerajaan Negeri juga telah memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan Seksyen 20A di bawah Akta 172 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah menyatakan bahawa menjadi kewajipan setiap jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang mengenai apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang untuk dijalankan di dalam negeri itu. Ini bermakna, Seksyen 20A membolehkan *engagement* dilakukan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Dalam pertemuan itu juga Kerajaan Negeri telah menegaskan tentang hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian sebanyak 60:40

berbanding nisbah yang telah ditetapkan oleh SPAD iaitu 40:60. Seperti yang telah saya nyatakan dalam pembentangan Belanjawan 2016 Negeri Selangor, tekanan pembangunan yang pesat di negeri ini telah melebihi kemampuan kapasiti sistem pengangkutan yang sedia ada. Justeru itu Kerajaan Negeri yakin pembangunan infrastruktur pengangkutan perlu beranjak kepada sistem pengangkutan awam yang bersepadu, berkapasiti tinggi dan lestari serta mesti diselaraskan dengan penggunaan tanah yang optima. Sekali lagi saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa lebuhraya bukan penyelesaian mutlak kepada masalah pengangkutan. Pelan struktur sistem pengangkutan awam perlu mengambil kira pandangan ramai keperluan pertumbuhan baru, kepadatan penduduk dan juga zon pembangunan TOD di Negeri Selangor. Terima kasih semua.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PEMASANGAN CCTV DI DUN TERATAI**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit CCTV yang telah dan akan dibekalkan di sekitar DUN Teratai demi keselamatan penduduk dalam tahun 2013-2016?
- b) Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Teratai. Sebanyak 10 unit CCTV telah dipasang di sekitar DUN Teratai dengan penggunaan kos sebanyak RM113,580.00. Sekian.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dalam menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya ialah memandangkan pemasangan CCTV dapat mengawal, salah satu merupakan salah satu langkah-langkah untuk mengawal keselamatan bandar, jadi adakah Kerajaan Selangor mempunyai pelan-pelan untuk memasang CCTV di setiap taman dan rumah pangrapuri kos rendah? Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tak ada satu pelan yang untuk seluruh Negeri Selangor untuk kita memasang CCTV untuk kita bantu Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan PBT ataupun PBT sendiri dengan status kewangan dan juga kerjasama dengan pihak ADUN kita boleh bantu untuk memasang CCTV di tempat yang sesuai.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK: PASUKAN KAWALAN KESELAMATAN KAMPUNG (PKK) JKJK.**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat dan peranan penubuhan pasukan ini serta bajet kewangan yang diluluskan?
- b) Bagaimanakah pasukan ini beroperasi tanpa peruntukan kewangan tahunan?
- c) Berapakah peruntukan tahunan yang telah diserahkan?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Meru bertanya berkaitan dengan Pasukan Kawalan Keselamatan Kampung ataupun PKK. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk kampung di Negeri Selangor. Sehubungan itu pada tahun 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelaksanaan Program Pasukan Kejiranan Kampung di Kampung-kampung Tradisi, Kampung Baru, Tersusun dan Bagan dan Komuniti India dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,460,000.00. Pada tahun 2014 program ini telah diteruskan pelaksanaannya di 368 buah kampung tradisi yang melibatkan implikasi kos berjumlah RM1,840,000.00. Melalui program ini setiap kampung telah diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 bagi melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan kampung dengan lebih efektif dan cekap. Objektif utama penubuhan PKK di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Negeri Selangor. Di samping itu penubuhan ini akan meningkatkan hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk kampung itu sendiri. Namun begitu adalah menjadi peranan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

sendiri di dalam menjaga keselamatan kampung supaya kehidupan masyarakat kampung diperkukuhkan. Dengan wujudnya PKK di peringkat kampung tradisi, keselamatan dan kemajuan kampung telah dapat dipertingkatkan. Pewujudan PKK adalah bersifat sukarela. Bagi membantu mengurangkan kadar jenayah di kampung dan tidak melibatkan pembayaran elaun. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5,000.00 secara *one-off* kepada setiap kampung bertujuan untuk pembelian peralatan keselamatan. Dengan pembelian peralatan keselamatan tersebut, diharapkan agar PKK dapat berfungsi dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Cuma saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah ditengok balik tentang 5K yang dibagi itu sebab saya difahamkan di Meru sendiri alat-alat peralatan yang dibagi itu pertama macam tidak, tidak apa, tidak sesuai. Contohnya *waklie talkie* hanya dibagi 2 dan dibagi ni apa nama kasut *Phua Chu Kang*. Ini bukan untuk ni. Yang keduanya nak bagi tahu kami juga dibagi tahu bahawa Pejabat Daerah mengambil balik. Ada *reminder* tu diambil balik, tak bagi semua 5K itu. Sila.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih atas maklumat daripada Meru ini. Saya kira saya akan melihat atau meneliti keadaan yang sebenarnya. Cuma tempoh hari diperuntukkan RM5,000.00 setiap kampung tujuannya antaranya adalah bagaimana inisiatif dari kampung itu sendiri untuk melihat apa perkara-perkara yang perlu untuk dibeli daripada peruntukan itu. Atau sebahagian daerah saya dimaklumkan memang ada perbincangan di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah untuk memutuskan peralatan-peralatan yang perlu. Pun begitu saya harapkan, mungkin saya pun sedang meneliti bagi program yang baik ini boleh diperkasakan untuk masa akan datang yang mungkin melibatkan peruntukan-peruntukan yang, yang lebih daripada ini. Tetapi hasrat yang utamanya adalah seperti mana yang saya katakan tadi paduan di antara masyarakat dan dia juga sebagai satu inisiatif dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan akhirnya keselamatan kampung ini dapat sama-sama diambil tanggungjawab bukan sahaja oleh JKK tetapi setiap masyarakat ataupun penduduk di kampung tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Jam telah menunjukkan 11.30 pagi, maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.



### III. RANG UNDANG-UNDANG

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli YB sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang untuk dibahaskan. 15 minit seorang. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Selamat pagi Dato' Menteri Besar, Tuan Speaker, YB-YB EXCO, YB-YB, Pegawai-pegawai Kerajaan dan pelawat-pelawat sekalian.

Pertama sekali Damansara Utama ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dato Menteri Besar kerana telah kerana telah membentangkan satu bajet yang amat menyeluruh yang terutamanya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato Menteri Besar kerana telah membuat satu keputusan yang berani untuk memperuntukkan RM778 juta untuk membina dua loji rawatan air di Jenderam Hilir dan di Kuala Langat. YB-YB sekalian ini adalah satu keputusan yang sangat-sangat penting. Saya sering risau, dua ribu bermula 2017 kita akan .....tengok nombor-nombor kita akan menghadapi satu krisis air...bekalan air terawat dan saya kira ini adalah sangat penting untuk memastikan bahawa negeri Selangor ada "*sustainable water supply*" dengan izin. Bekalan air yang mencukupi bukan sahaja penting untuk kehidupan penduduk-penduduk Negeri Selangor tetapi juga untuk ekonomi Negeri Selangor. Bayangkan kalau peniagaan-peniagaan tidak tau dan risau tentang bekalan air di Negeri Selangor macam mana mereka akan *invest* di Negeri Selangor. So saya kira satu keputusan yang baik, drastik dan berani. Itu syabas dan tahniah kepada Dato Menteri Besar. Cuma saya ingin memohon penjelasan kerajaan bila tender terbuka akan dibuat, pihak manakah yang akan bertanggungjawab dengan pengendalian projek ini iaitu sama ada YB Exco Infrastruktur ataupun UPEN ataupun siapa yang akan mengendali projek ini dan paling penting bilakah projek ini akan siap sebab *dateline* kita adalah '*mid of 2017*' dengan izin. So saya kena pastikan yang ni kita akan dapat projek ini akan siap 2017, pertengahan 2017. Saya rasa masa amat suntuk. So kita hanya ada sedikit daripada satu tahun, satu tahun setengah. So Damansara Utama mendesak kerajaan Negeri Selangor supaya boleh menubuhkan satu *Task Force* khas untuk memastikan kita menetap...kita '*stayed to the dateline*' dan selambat-lambatnya pertengahan 2017 kita akan *deliver* loji rawatan air ini.

Apa yang kita fahamkan dari sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Air adalah Langat 2 tidak akan mengatasi masalah yang kita ada. Dari 2017 hingga 2019, itu hakikat. Itu hakikat kerana *even the first phase, first stage of the first phase of* Langat 2 boleh disiapkan pada 2019 sahaja. So, tempoh dua tahun ini sangat penting

dan saya kira ini satu keputusan yang baik. Ini adalah satu keputusan yang boleh menyelamatkan bekalan air di Negeri Selangor.

Perkara yang kedua yang saya nak bangkitkan ialah berkenaan dengan Projek SJK(T) Ladang Desa Coafields untuk kemudahan pendidikan pekerja ladang. Saya berterima kasih kepada Dato Menteri Besar kerana amat prihatin kepada anak-anak ladang. Walaupun saya sekarang ADUN dari Petaling Jaya saya berasal dari ladang. Emak saya kerani di ladang GOMALI di IOI Berhad. Oleh itu saya sangat berterima kasih kerana dalam belanjawan ini kita membawa kebajikan kepada anak-anak ladang yang sering kali menghadapi masalah pendidikan. Sering kali *Job out rates are very high in* ladang-ladang ini. Walau bagaimanapun saya ada cuma sedikit pandangan tentang sekolah berasrama. Dasar menubuhkan sekolah berasrama untuk murid-murid sekolah rendah. Bulan lepas seluruh Malaysia digemparkan oleh kes kehilangan 7 orang asli di Pos Tohoi saya dan rakan saya ahli Parlimen Batu Kawan (nama tak jelas) mewakili DAP untuk melawat ibu bapa mangsa-mangsa. Kita bersembang dengan mereka. Salah satu *finding* yang kita dapat ialah mereka berkata bahawa memang tidak wajar anak-anak sekecil tujuh....umur tujuh masuk asrama. Kenapa....kerana mereka tidak tahu pun menjaga diri. Mereka tidak tahu pun mandi dengan sempurna. Saya tahu ahli-ahli Dewan Undangan Negeri banyak ada anak-anak, saya tak ada

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Sekejap, boleh tanya soalan

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Ya....

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Saya masuk cepat dia kata asrama anak-anak sekolah rendah. Saya minta maaf ya ADUN Damansara. Saya yang terlibat dengan ini. Saya minta ada lebih baik.....sebab asrama ini bukan untuk sekolah anak-anak sekolah rendah. Asrama ini dibenakan untuk sekolah menengah. Bukan untuk sekolah rendah. Itu khususnya di negeri dan cadangan itu dibawa pada waktu yang lepas untuk sekolah menengah bukan sekolah rendah. Dan tanah ini bukan dengan sekolah yang sama. Tanah dia lebih dekat 4 km dari sekolah Coalfield yang lain tu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ini sangat berita yang baik sebab dalam ucapan bajet adalah SJKC(T). So *its* sekolah rendah so berita yang baik so saya tidak akan masuk berita kepada sekolah rendah dan asrama. Sebab ini adalah bukan memang dasar yang baik. Anak-anak kecil kena berada dengan ibu dan bapa sebaik mungkin. Apabila mereka besar baru mereka boleh pergi asrama.

So saya *skip* kan yang *point* ini, ini memang berita baik. Seterusnya saya akan bangkitkan satu lagi juga berkaitan dengan lawatan saya pergi pos Tohoi. Di perjalanan saya pergi pos Tohoi saya sempat melawat tapak kerja projek kerajaan

Negeri Selangor untuk membina 60 unit rumah mangsa banjir di Mukim Manik Urai daerah Olak Jeram. Saya dapati daripada papan tanda bahawa projek ini sepatutnya siap 16 Jun 2015. Tetapi sampai bulan 10 saya melawat di sana hanya 50 ataupun 60% yang siap. Saya kira ini memang tidak wajar. Sudah satu tahun mangsa-mangsa telah tinggal di *temporarily* di tempat-tempat lain-lain dan kerajaan Negeri Selangor telah berjanji untuk menghabiskan projek ini 16 Jun 2015. So saya mohon kerajaan boleh memberi kerangan dan penjelasan tentang *delay* projek ini.

Dan yang seterusnya saya nak bangkitkan sedikit sahaja tentang infrastruktur di negeri Selangor. Dato' Menteri Besar *stress* banyak tentang infrastruktur *development fund* dan lain-lain. Saya nak memberi satu aspirasi ataupun cabaran kepada Dato Menteri Besar bahawa *make Selangor so change so tangible that the moment people come to Selangor they feel the difference*. Inilah satu aspirasi yang saya tengok adalah boleh dicapai tetapi belum lagi boleh kita capai sekarang. Saya tunjuk satu contoh, *example*, Port Klang. Saya pergi Pelabuhan Klang. *Drive* pergi sana. *This is*, ini Pelabuhan Antarabangsa yang Ke 5 besar di dunia. Tetapi kalau YB-YB pandu di sana tau jalan berlubang-berlubang. *This is what we call first world ranking but third world infrastructure*. Memang saya tahu banyak jalan itu jalan-jalan Persekutuan tetapi saya ingat JKR agensi Kerajaan Negeri perlu mendesak untuk membaiki infrastruktur Port Klang Antarabangsa.

Perkara yang terakhir ataupun aspek yang terakhir saya nak *catch* kan ialah *accountabilty* Kerajaan Negeri. Saya kira Dato Menteri Besar....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta Penjelasan....

**Y.B. PUAN YEO EEE YIN :** Ya....

**TUAN SPEAKER :** Minta penjelasan boleh tapi kalau nak bagi penjelasan biar datang daripada pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Memang pun saya ingin bertanya kepada Y.B. Damansara Utama, fenomena infrastruktur yang sangat teruk ini bukan berlaku di Pelabuhan Klang sahaja malahan ia berlaku di hampir seluruh Selangor khususnya infrastruktur yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Lebuhraya kita khususnya SKVE terumbang-ambing. KLIA 2 pun kononnya tenggelam. Jadi saya ingin bertanya kepada Y.B. Damansara Utama apakah cara penyelesaian yang kita boleh beri kepada kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Saya kira ini kena budi baik daripada YB-YB daripada pihak pembangkang supaya boleh menimbulkan membangkitkan soalan ini kepada Kerajaan Persekutuan supaya boleh menambah baik infrastruktur di Negeri Selangor. Bagi Negeri Selangor Kerajaan Negeri Selangor agensi-agensi kerajaan perlu proaktif. Walaupun bukan di bidang kuasa kita tetapi kita kena proaktif supaya

untuk memastikan infrastruktur kita adalah baik. Jangan kita sekali skala kata Selangor adalah ekonomi yang tertinggi di Negara Malaysia tetapi infrastruktur kita tiada pergi *standard* itu. Kalau kita pergi Melaka dia punya jalan raya di Melaka baik. Kalau kita pergi Kuching, itu pun baik juga. Apakah perbezaan di antara Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor berbanding dengan Pihak Berkuasa Tempatan di Melaka. Ini yang kita kena ada satu *not a slightly difference*. *We must make it very different for us to win in the election and for us to show to the Malaysian that there is a better government*, dengan izin.

Perkara terakhir ialah *accountability*. Saya kira Dato Menteri Besar memang sangat menitik berat *accountability* kerana beliau memulakan ucapan dengan *accountability* dan menghuraikan tiga cabang utama prinsip kebertanggungjawaban. *As and then accountability, current accountability and exposed accountability*. Oleh itu saya yakin bahawa Dato Menteri Besar sedia untuk membuat pembaikan dengan sistem ini. Saya hanya ada....seperti hikmah yang Dato' Menteri Besar petik dalam ucapan bajet *we must draw back the curtain and lets the sunshine in because sunshine is the best* (perkataan tak jelas). Dengan ini saya nak membangkitkan lima perkara yang saya harap kerajaan negeri boleh men *sunshine* kannya, dengan izin. *Smart Selangor*, UMNO. Pertama sekali saya, pertama sekali ialah mengenai *Wifi Selangorku* ataupun sekarang dikenali sebagai *WIFI SMART Selangor*. Saya menyambut baik Projek *Wifi Selangorku* dengan 2500 *hotspot*. Walau bagaimanapun dalam soalan yang saya tanya di sidang yang lepas saya tanya tentang kontrak *Wifi Selangorku* sejak 2010 dan saya mendapat jawapan yang saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Saya mendapat penjelasan bahawa kontraktor untuk 2013 Extol Corporation kaedah perolehan adalah tender terhad. 2015 kaedah perolehan kontraktor adalah Celcom Asiata Berhad kaedah perolehan juga rundingan terus. Dan Jun 2015 Telekom Malaysia menjadi kontraktor kaedah perolehan juga rundingan terus.

Saya pasti ada penjelasan yang baik daripada Kerajaan Negeri dan saya sedia menerima penjelasan tersebut. Perkara ke-2 yang saya nak *sunshine* kan ialah berkaitan dengan gaji, elaun serta semua kemudahan yang diterima oleh setiap pengarah dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Saya bertanya soalan ini berkali-kali di soalan mulut, soalan bertulis saya tetapi saya sering tidak dapat fakta-fakta yang saya nak, apa yang saya dapat jawapan untuk sidang yang lalu ialah walaupun GLC merupakan entiti yang dimiliki dan dikawal oleh sepenuhnya oleh kerajaan Negeri Selangor pendedahan maklumat peribadi pihak pengurusan atasan pertamanya yang berkaitan dengan gaji, bonus dan faedah-faedah perkhidmatan adalah dianggap sulit dan rahsia. Walaupun enakmen kebebasan maklumat Negeri Selangor 2011 boleh digunakan untuk setiap individu hak untuk mengakses yang munasabah ke atas sebarang maklumat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor perkara berkaitan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan ini tertakluk kepada pengecualian maklumat seperti yang termaktub dalam seksyen 14 Enakmen Kebebasan Maklumat.

Saya nak tanya anak-anak syarikat adalah milik Kerajaan Negeri iaitu anak-anak syarikat adalah milik rakyat Selangor. Saya tengok ini adalah jawapan yang tidak munasabah, saya berasa bahawa Kerajaan Negeri perlu mendedahkan dan mengumumkan segala kemudahan gaji dan elaun yang diambil oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah di GLC-GLC bukan pendapatan mereka yang lain tetapi apa yang mereka “draw from” gaji di GLC-GLC. And Enakmen FOI juga digelar sebagai enakmen *Sunshine* ataupun “*sunshine law*”. Kenapa Enakmen FOI di Selangor boleh digunakan untuk menyekat pendedahan-pendedahan maklumat yang begitu penting. Saya ingin dengan ini saya menggesa kerajaan untuk memberi sedikit penjelasan untuk men *sunshine* perkara ini. Perkara ketiga yang saya nak bangkitkan ialah berkaitan dengan gaji, elaun dan juga kemudahan yang diterima oleh Dato’ Menteri Besar sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat. Saya tanya soalan, ini juga soalan yang ditulis pada sidang yang lalu tetapi jawapan sampai sekarang saya tidak dapat menerimanya. Apa yang menariknya ialah dua tahun dahulu saya juga bertanya dengan soalan yang sama dan saya mendapat jawapan yang penuh. Oleh itu saya sangka, saya kira, saya yakin bahawa

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF :** Tuan Speaker boleh mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya Dengkil minta mencelah.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF :** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama jadi saya ingin meminta pandangan daripada Yang Berhormat, pandangan. Adakah Damansara Utama bersetuju bahawasanya Enakmen FOI yang telah dilaksanakan sejak 2 tahun yang lalu ini tidak begitu efektif dan berkesan? Memandangkan apa yang diminta oleh Damansara Utama sejak sekian kalinya tidak dapat ditunaikan oleh pihak Kerajaan Negeri, terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Saya rasa YB.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF :** Apa yang tidak berkaitan, setuju atau tidak.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** YB Dengkil kena faham di peringkat persekutuan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF :** Setuju atau tidak, “*Freedom Of Information Act*”.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *Freedom don't have Freedom Information Act.* Sekarang kita memang, kita ada kelemahan tetapi kelemahan ini telah ditinjau bukan sahaja oleh kita tetapi oleh SELCAT. Beranikah Kerajaan Persekutuan untuk membentangkan dan meluluskan "*Freedom Of Information Act*" di Persekutuan. Berani tak, boleh tak YB-YB dari Barisan Nasional untuk membangkitkan ini di Kerajaan Persekutuan supaya membentangkan satu "*Freedom Of Information Enakmen Act the Persekutuan*". Kalau boleh saya tunggu memorandum dari pihak UMNO Selangor supaya untuk sampai ke *Prime Minister Office* dapatkan paskan meluluskan "*Freedom Of Information Act*".

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF** : Tapi tidak jawab soalan saya tadi maknanya FOI itu masih boleh ditambah baiklah.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Ada kelemahan, yang kita akan perbaiki, kita akan menyempurnakannya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF** : "*All right*" ok, itu terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : So yang pertama sekali ialah Persekutuan kena ada "*Freedom Of Information Act*" dan negeri-negeri lain juga. Balik kepada gaji dan elaun, kemudahan saya memang tertarik kepada ini apa yang nak saya katakan saya yakin bahawa Dato' Menteri Besar ada standard ketulusan yang tinggi. Saya rasa *probably because...* jawapan tidak sampai kepada saya so saya berharap bahawa saya boleh mendapat jawapan dari Pejabat Dato' Menteri Besar untuk soalan saya pada sidang yang lalu. Perkara keempat ialah tentang Darul Ehsan Investment Group seperti yang kita sedia maklum tujuan perniagaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Damansara Utama nak habiskan tujuh-tujuh sekali ke.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tujuh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : *Point* itu boleh ringkaskan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : 4 minit lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Perkara keempat yang saya nak bangkitkan ialah tentang Darul Ehsan Investment Group seperti sedia maklum penyata DEIG bukan kerana untuk penyelewengan telah dilakukan tetapi satu langkah proaktif untuk memastikan *Corporate Governance* yang mengenali DIG aset yang bernilai 6.3 bilion adalah telus dan terbuka. Memang saya tahu ini telah digunakan dan disalahgunakan oleh Pihak Pembangkang untuk mengalih perhatian orang ramai kepada

skandal yang sebenar iaitu skandal 1MDB. Walau bagaimanapun penyata JP-ABAS sidang yang lalu telah menyarankan kerajaan untuk membekalkan dan membentangkan *white paper* tetapi sidang ini kita dapat maklum balas daripada kerajaan yang berbunyi seperti berikut Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 21 Oktober 2015 mengambil maklum tentang penyata. MMKN menegaskan bahawa penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam dewan selepas penyata ini dibentangkan semasa mesyuarat kedua penggal, ketiga Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas pada 18 Ogos 2015 adalah memadai sebagai maklum balas dari Kerajaan Negeri. Dato' Menteri Besar juga telah pun membetulkan fakta di dalam dewan berkenaan ketika penjelasan di dalam dewan. Saya ingin memetik sebelum saya pergi jauh saya, saya ingin memetik kenyataan MB pada sidang yang lalu tentang ketelusan di Negeri Selangor. MB berkata "*we will upload the highest form of government*" dalam Negeri Selangor. Saya kira membentangkan satu *white paper ataupun anything black or white tentang corporat government*. Di dewan adalah satu permintaan yang sangat kecil untuk kerajaan yang berhasrat untuk mencapai *highest form of government* dalam Negeri Selangor. Saya berharap bahawa "*highest form of government*" bukan berbanding dengan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tetapi berbanding dengan negeri-negeri maju. Oleh itu saya mungkin kerana kerajaan tengok sidang yang lalu sampai sekarang ada dua bulan sahaja dan kerajaan memang sibuk. Saya tahu sibuk dua bulan ini mungkin sidang ini tidak boleh membekalkan satu "*black and white*" tetapi saya masih juga berharap bahawa sidang yang akan datang kami akan menerima "*black and white*" tentang "*corporat governance*" dan langkah-langkah untuk memelihara aset RM6.3 bilion yang dikendalikan oleh DEIG. Untuk sidang ini saya memohon jasa baik daripada Dato' Menteri Besar boleh sekurang-kurangnya memberi sedikit "*update*" tentang DEIG dalam ucapan penggulungan. Tentang perkara yang kelima tentang saya minta penjelasan Kerajaan Negeri untuk men *sunshine* kannya ialah berkaitan dengan Penyata Kewangan 2014, muka surat 24 tentang pinjaman kerajaan kepada anak-anak syarikat dan badan berkanun. Saya mendapati bahawa pinjaman KEDB adalah RM637 juta bukan RM400 juta lebih yang kita sedia maklum. Saya nak minta penjelasan di manakan RM200 juta ini dari manakah RM200 juta pinjaman ini adalah untuk objektif apa, yang kita pinjam kepada KEDB. Dan yang kedua saya amat hairan tentang RM120 juta yang dipinjam kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Saya amat hairan sebab ini tidak pernah saya tengok di sidang, mungkin saya terlepas tengok tetapi saya nak minta penjelasan apakah kegunaan RM120 juta ini kegunaannya. Dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kita boleh mengutip balik RM120 juta ini dan tidak mendapat kelambatan seperti yang kita alami sekarang dengan KEDB. Begitulah lima perkara yang saya nak *sunshine* kan 1.5 Selangorku gaji, elaun, kemudahan ahli lembaga pengarah, anak syarikat, gaji elaun kemudahan Dato' Menteri Besar dalam anak-anak syarikat dan badan-badan berkanun sebagai ahli lembaga pengarah dan keempat DEIG "*black and white corporat governance*." Kelima pinjaman kepada KEDB dan juga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Saya kira itu sahaja habislah perkara yang saya nak bangkitkan Damansara Utama mohon mencadang.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta kerajaan izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan tahun 2016, saya telah merujuk kepada beberapa teks ucapan, ringkasan ucapan, berdasarkan *slide pre council* dan membandingkan antara bajet 2015 dan 2016. Dan saya membawa tema pada hari ini perbahasan saya adalah 44 persoalan daripada aspek belanjawan ini yang pada saya perlu saya persoalkan, perlu saya mendapat pencerahan namun walau bagaimanapun saya akur kepada undang-undang dan disiplin masa yang telah ditentukan. Sebelum ini, sebelum saya mengulas dengan lebih lanjut, izinkan saya menzahirkan kekaguman saya kepada pembentangan belanjawan yang pada saya hampir dua jam itu penuh dengan dramatik, ada air mata dan ada sebak tetapi yang tidak terkecuali ialah kecaman berterusan kepada Barisan Nasional seolah-olah Barisan Nasional itu tidak ada kebaikan langsung. Jadi saya menilai, saya meneliti sama ada ia air mata yang asli palsu tetapi mengecam Barisan Nasional itu saya lihat berterusan. Bajet 2015 saya tidak rujuk bajet 2016 itu, saya rujuk kepada bajet 2015 ini yang memperuntukkan sejumlah RM2 juta kepada DEI belum lagi DEIG, Darul Ehsan Institut iaitu sebagai satu *flat from* rangka kebijakan dan kecemerlangan Negeri Selangor. Dan apabila saya melihat kepada tema bajet ini membangun SMAT Selangor yang peduli, saya mendapat banyak *feed back* terutama daripada agama, daripada ahli bahasa, daripada pakar-pakar bahasa yang jelas ia bercelaru dan mencampuradukkan perkataan Inggeris dan juga perkataan Melayu. Semalam perbahasan ada menyebut perkataan soal UMNO itu sendiri perkataan ekronik, saya boleh menerima kalau *SMART* itu satu ekronik maksudnya S untuk Selangor, M itu untuk menuju, A itu amanah, T itu teladan saya boleh terima. Tetapi pada saya perkataan *SMART* itu kalaulah menggunakan bahasa Melayu walaupun bukan dengan laras yang tinggi, laras yang sederhana sahaja, kita boleh guna Selangor pintar sebab pada saya dalam Bahasa Melayu itu sudah cukup melainkan kalau *SMART* itu adalah merupakan satu erotik daripada perkataan-perkataan. Ini menimbulkan persoalan kita meletakkan bajet sebanyak RM2 juta kepada Darul Ehsan Institut, tidak adakah di situ pakar bahasa, adakah tidak dirujuk perkara ini kepada Dewan Bahasa atau tidak setidak-tidaknya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Saya ingin mencelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Atau setidak-tidaknya rujuk kepada satu.



**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Teratai minta mencelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN B. ZOHDİ** : Sekejap, yang akhirnya tidak

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ** : Selama ini bersama-sama dengan rakan-rakan di Pakatan. Ya silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih saya ingin mendapat Yang Berhormat bahawa adakah dalam bahasa Malaysia ada terdapat tatabahasa kata nama khas dan kata nama am. Kadangkala kita guna kata nama khas untuk tema, untuk nama buku dan selainnya. Saya juga sesungguhnya yakin bahawa nama Yang Berhormat juga merupakan satu kata nama khas untuk Yang Berhormat, terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ** : Ok terima kasih. Sekinchan jangan gelak dahulu. Boleh tidak ada masalah, saya terbuka dalam perbahasan ini saya nak rujuk pada perkara ini pertama ialah kalaulah perkataan *Smart* itu merupakan akronim daripada itu untuk Selangor, S itu untuk Selangor, M itu untuk menuju, A itu untuk Amanah, tiada masalah tetapi perkataan yang rapat dan yang paling dekat untuk *Smart* pintar persoalannya mengapakah tidak dirujuk dengan pakar-pakar bahasa kenapa tidak dirujuk pada Dewan Bahasa atau pun tidak rujukkanlah kepada Darul Ehsan Institut yang pada tahun 2015 dalam bajet telah diperuntukkan sebanyak RM2 juta.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** Saya fikir EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** EXCO ada nanti pada ketika penggulungan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Bukan penggulungan saya nak tanya sedikit, keliru sedikit.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Bukan penggulungan, saya nak jawab.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Tuan Speaker. Saya ada masa dalam 15 minit, buat masa penggulungan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Keliru, saya nak tanya, tak faham.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Tuan Speaker, saya minta EXCO nanti masa penggulungan dia buat. Saya hanya ada masa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi saya tanya Sungai Panjang ya, Sungai Panjang bagi atau tidak.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Saya hanya ada masa lebih kurang dalam 15 minit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya ingat dia keliru, saya boleh jawab dengan betul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang nak bagi laluan kepada Sungai Pinang, ini pertanyaan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Dia ada banyak masa ketika penggulungan, dia boleh perelaskan atau perbetulkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Persoalan saya nak dapat soalan yang betul, kalau soalan tidak betul jawab tidak betul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nak bagi penjelasan atau nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Siapa yang jadi Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Siapa yang jadi Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang bagi atau tidak bagi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Saya tidak faham kenapa dia berdiri, nanti dia ada penggulungan, ada penghujahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang bagi atau tidak bagi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Masa penggulungan dia ada penghujahan, dia ambillah pada ketika itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang bagi tahu saya bagi tidak bagi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** Saya tidak bagilah. Dia ada masa yang banyak masa penggulungan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Tuan Speaker, saya bukan nak ganggu dia.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** Saya tidak bagilah. Tuan Timbalan Speaker siapa sebenarnya sekarang ini yang menjadi Speaker.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Tuan Speaker, saya minta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nak tanya tentang Speaker atau Sungai Panjang.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Timbalan Speaker membuat keputusan dah tak bagi suruh duduk. Duduklah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN BUDIMAN B. ZOHDİ:** Tuan Timbalan Speaker

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Tuan Timbalan Speaker saya merujuk kepada peraturan tetap sekarang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, peraturan tetap.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** Tuan Timbalan Speaker, saya cuma ada 15 minit sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, peraturan tetap, duduk.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** Tuan Timbalan Speaker, dia juga tidak duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHİM:** Peraturan tetap, duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Speaker, saya nak mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, peraturan tetap, duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Speaker, yang boleh membuat, memerintah orang untuk duduk cuma speaker bukannya ahli dewan lain, selain daripada Speaker. Dia tidak ada hak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya arahkan Batang kali duduk, Batang kali duduk.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** nanti dia ada penggulungan ada penghujahan dia ambillah ketika penghujahan EXCO.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang beritahu saya bagi ke tak bagi

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Saya tak bagilah dia ada masa yang banyak ketika penggulungan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tak saya bukan hendak ganggu dia ya Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Saya tak bagi dia Tuan Speaker. Tuan Speaker siapa yang sebenarnya sekarang ini yang menjadi Speaker

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN :** Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya minta Tuan Speaker

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN :** Tuan Speaker buat keputusan tak bagi suruh duduklah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Tuan Timbalan Speaker

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya merujuk kepada Peraturan Tetap

**TUAN SPEAKER :** Ok. Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Tuan Timbalan Speaker saya hanya ada 15 minit sahaja. Tuan Timbalan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap. Peraturan Tetap. Duduk

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Timbalan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Dia juga tidak duduk

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Duduk

**TUAN SPEAKER** : Sila Sungai Panjang

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Speaker. Speaker

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Peraturan Tetap. Duduk dulu

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya hendak mencelah.

**TUAN SPEAKER** : Peraturan Tetap. Duduk

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Yang boleh memerintah duduk cuma Speaker bukan Ahli Dewan lain selain daripada Speaker. Dia tiada hak

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Tidak ada hak sebarang Y.B. melainkan Speaker. Yang boleh mengarah sesiapa untuk duduk. Baca peraturan Dewan...

**TUAN SPEAKER** : Ok saya arahkan Batang Kali..

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Kalau macam itu semua orang boleh bercakap...

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pinang duduk. Duduk bagi Batang Kali ini Peraturan Tetap. Sila Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya berdiri dia berdiri. Sila duduk

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pinang duduk dulu. Peraturan Tetap

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya itu baru betul.

**TUAN SPEAKER** : Sila Sungai Pinang. Sila.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya Tuan Speaker saya ingin meminta petua di bawah Peraturan Tetap 87 itu caranya kena belajar. Tuan Speaker sebab saya ingin memberi penjelasan memang pihak Kerajaan hendaklah memberi penjelasan ke atas segala persoalan yang ditanyakan oleh apa ni ADUN tapi masalahnya bila soalnya tidak jelas kita hendak minta supaya kita dapat jawab dengan baik, kalau soalan tidak betul nanti jawab tidak betul nanti dia melenting. Sebab itu saya minta petua sama ada saya boleh tanya tak, kalau saya tanya nanti jawab diberi tak betul jangan melenting itu sebabnya kita bukannya nak kacau dia buat apa saya hendak

kacau dia kalau perbahasan di antara ADUN. Kita cuma dan juga di Dewan ini semua ada ADUN ada hak yang sama. So walaupun saya mewakili Kerajaan saya juga Ahli ADUN. Dia kalau tidak faham Tuan Speaker saya minta dikursus kan kita boleh hantar dia pergi London ikut Tuan Speaker ini.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Kadang saya rasa pelik Peraturan kali ini.

**TUAN SPEAKER :** Ok. Saya minta Sungai Panjang teruskan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Terima kasih Dato'. Ok.

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN :** Mencelah sikit.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Apa nak mencelah lagi. Silalah.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara hendak pula mencelah. Silakan

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN :** Tuan Speaker saya bersetuju apa yang dikatakan oleh ADUN mana tu Sungai Panjang. Dia kata dikenakan kursus kan sebab saya tengok yang jadi Kerajaan Negeri pun dah jadi Pembangkang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sungai Pinang

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN :** Sebab saya nampak panjang ni. Pohon maaf Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ini juga kena hantar ke London juga ni. Dia minta nak pergi London sebab dia bangun.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Tak apa, tak apa kalau hendak pergi kursus bawa ramai-ramai jangan bawa saya seorang sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Ok. Sungai Panjang sila.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Ok. Itu isu yang pertama.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Boleh sekarang ini saya minta ni, boleh minta ni penjelasan sebab saya sudah jelaskan kalau dia tak nak jawapan yang betul tak apa.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pinang minta penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tak nak jawapan yang betul, ok, tak apalah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Tak ada masalah. Bagi saya hanya ada waktu yang terhad saya kira. Saya hendak merujuk kepada perkara yang kedua. Dalam perkara yang kedua ini dalam ucapan Bajet ini merujuk kepada dicatatkan jangka hasil 2016

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Tuan Speaker Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Saya difahamkan bahawa Y.B. Sungai Pinang. Merujuk kepada Peraturan 87. Peraturan Tetap ini telah melanggar Peraturan 37(1). Duduk. Saya ingin menyatakan

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN** : Siapa Speaker suruh duduk ini

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jangan perkataan duduk. Itu

**TUAN SPEAKER** : Ok. Saya minta Pandamaran duduk.

**Y.B. PUAN HALIMATON SADDIAH BINTI BOHAN** : Siapa beri arahan ini. Dia faham tak faham tu

**TUAN SPEAKER** : Duduk. Semua duduk. Duduk. Semua duduk. Sg. Panjang pun duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran hendak memberi perutusan apa.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Sekarang ada 2 isu Peraturan Tetap. Peraturan Tetap yang Pertama merujuk kepada peraturan 37(1) menyatakan bahawa sesiapa (A) seorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali jika hendak mengeluarkan teguran dengan perkara tertib Mesyuarat ketika itu Ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dan Ahli yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian perkara yang hendak dikeluarkannya. Buat pengetahuan Mesyuarat dan diserahkan kepada itu kepada Pengerusi untuk memutuskannya. Jadi sesiapa Ahli Dewan yang membangkitkan isu Peraturan Tetap maka sesiapa yang sedang berucap hendaklah duduk inilah mereka yang perlu belajar. Jadi saya rasa saya minta Dewan Yang Mulia ini mengambil tindakan terhadap sesiapa tadi yang melanggar Aturan 37 ini yang pertama. Yang kedua saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat Sg. Pinang telah merujuk kepada Aturan 87 memerlukan Timbalan Speaker membuat satu keputusan sama ada untuk melaksanakan budi bicaranya untuk membenarkan permintaan daripada Y.B. Sungai Pinang. Tetapi saya rasa Tuan Timbalan Speaker belum lagi membuat keputusan. Jadi itu bukan

untuk merujuk balik kepada sesiapa yang sama ada mereka ingin memberi peluang atau pun tidak tetapi Aturan 87 memberi budi bicara kepada Tuan Timbalan Speaker untuk membuat keputusan. Jadi saya pohon satu keputusan dibuat oleh Tuan Timbalan Speaker sebelum untuk mereka dibenarkan membuat keputusan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tuan Speaker. Saya juga merujuk kepada Peraturan Tetap 87

**TUAN SPEAKER :** Ok. Saya dah faham duduk, duduk. Saya faham. Saya telah memberikan peringatan tadi supaya semua pihak harus mengikuti peraturan yang sedia ada. Dan terima kasih kepada Pandamaran yang memberi peringatan kepada kita semua. Dan saya telah membuat petua saya iaitu meminta Sg. Panjang meneruskan ucapannya. Silakan. Sungai Panjang teruskan. Ya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Ya. Boleh saya teruskan. Baru *gear* pertama dah dicampak dalam air. Dalam isu yang kedua saya merujuk kepada teks ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang dijangkakan hasil 2016 adalah sebanyak RM2.25 Bilion ok. Namun sumbangan pertama pada hasil ini adalah kategori had hasil bukan cukai iaitu saya melihat sebanyak RM1.4 Bilion iaitu lebih kurang 6.2% daripada hasil. Jadi saya bertanya kepada Menteri Besar lazimnya sumber hasil sebuah Kerajaan Negeri itu adalah daripada cukai. Jadi kalau jika ia bersumber bukan cukai adakah penjualan aset Kerajaan Negeri akan berlaku. Kebimbangan pertanyaan ini saya fikir patut dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri. Yang ketiga saya melihat *blueprint*, Selangor Pintar atau *Smart* Selangor ini sebanyak RM10,000,000 untuk tempoh 3 tahun. Dan saya bertanya lagi RM10,000,000 untuk menyiapkan lagi satu *blueprint* pada saya satu jumlah angka yang sangat besar. Adakah penyediaan ini ada kaitan dengan pihak perunding swasta daripada luar apa pun menggunakan tenaga kerja dalaman. Dan apakah kemahiran dan kepakaran dalaman akan digunakan dalam menyediakan *blueprint* ini. Saya juga bersetuju dengan Damansara Utama soal *Wifi Smart* Selangor. Satu ketika dahulu kita diperkenalkan dengan *Wifi* SelangorKu. Dan apabila saya merujuk Bajet Tahun 2015 yang mencatatkan sebanyak pada Tahun 2013 *Wifi* SelangorKu hanya terdapat sebanyak 112 sahaja iaitu *hotspot* yang ada. Dan diperuntukkan sebanyak RM13,000.000. Dan akhirnya pada tahun 2013 *Wifi* SelangorKu hanya ada terdapat 112 sahaja iaitu *hotspot* yang ada. Dan diperuntukkan sebanyak RM13,000.000. Dan akhirnya pada sebanyak 250 *hotspot* itu dengan kadar kelajuan 1mb % itu boleh digunakan dalam lingkungan 100 meter. Ternyata Bajet 2016 menyebut lagi soal *Wifi* tetapi ia bersalin kulit kalau dulu namanya *Wifi* SelangorKu, kali ini dia bertukar kepada *Wifi Smart* Selangor. Sekali lagi saya bertanya dan merujuk kepada perbahasaan merujuk kepada penghujahan yang dikemukakan oleh Damansara Utama tadi tentang tender terhad, tentang tender terpilih dan adakah ini menjadi faktor menyumbang kepada perkhidmatan yang disediakan kerana terlalu acap kali sangat bertukar tukar jenama akhirnya saya fikir rakyat itu harus diutamakan dari segi kegunaan *Wifi*. Dan saya melihat daripada segi kemudahan *Wifi* ya betul daripada segi *Wifi* itu ya patut ada.



Tetapi yang lebih patut ada ialah satu proses pelatihan satu proses perundingan terhadap aktiviti gerak kerja bagaimanakah perniagaan-perniagaan secara *online* itu patut untuk kita lakukan. Jadi saya fikir soal penggunaan, kekecundangan, menukarkan jenama daripada *Wifi Smart* Selangor daripada *Wifi* SelangorKu kepada *Wifi* Selangor saya fikir akhirnya ia tidak memberi kebaikan yang penting adalah soal pelatihan. Bajet pada kali ini juga meletakkan peruntukan sebanyak RM15,000,000 kepada MPAJ kepada MBSA, MBPJ dan MPK terhadap kajian pembangunan Sungai Klang. Saya fikir amaun yang cukup banyak sebanyak RM15,000,000. Dan apa jaminan perkara ini tidak bertindan dan bertembung dengan apa insentif yang dibuat oleh Kerajaan Pusat iaitu soal menghidupkan sungai. Iaitu soal *River of Life* dan kalau ia bertindan sudah tentulah pada saya pembaziran itu akan berlaku kerana dalam pada masa yang sama kenapa pula Kerajaan Negeri melakukannya dan Kerajaan Pusat juga melakukan. Saya hendak rujuk ini kerana dalam masa yang sama daripada segi catatan bajet juga meletakkan RM9,000,000,000 diperuntukkan untuk pemeliharaan. Dan ini menimbulkan persoalan dari segi angka mengapa soal kajian sebanyak RM15,000,000,000 pelaksanaan operasi sebanyak RM9,000,000,000. Mengapa tidak soal kajian itu hanya sekitar RM5,000,000,000 dan aktiviti operasi itu sebenarnya lebih daripada itu. Jadi angka-angka yang dikemukakan ini pada saya walaupun tidak menimbulkan keraguan tetapi kita merasakan ada kewajaran supaya pihak Kerajaan Negeri menjawab isu dan persoalan ini. Saya hendak merujuk isu soal basmi kemiskinan saya fikir suatu data penting iaitu soal basmi kemiskinan ini memberikan bantuan asas makanan kepada sebanyak 5,000 keluarga iaitu RM250 sebulan dan asas ini dikemukakan untuk memberikan bantuan makanan asas. Dan saya hendak rujuk kepada apa yang berlaku di gelandangan pada yang berlaku di gelandangan dan kadang-kadang satu keluarga miskin dalam pada masa yang sama dia menerima JKM, dalam pada yang sama dia penerima bantuan daripada ICU, dan dalam pada yang sama dia penerima bantuan daripada Pusat ZAKAT. Isu hendak saya kemukakan kalaulah tidak ada satu pun pangkalan data yang pada saya penting untuk kita menyenaraikan supaya isu pertindan ini ia tidak berlaku maka saya fikir yang paling penting soal memberi makan pun penting tapi yang paling penting ialah soal mengadakan pangkalan data itu sendiri. Sebab dalam dua tiga sidang DUN saya bercakap dalam soal yang sama keperluan kepentingan pangkalan data untuk mereka yang miskin ini supaya isu pertindan ini tidak berlaku. Saya hanya membawa isu soalan kawasan dalam isu perkara kecil tetapi harus diberi kewajaran itu soal persisiran pantai, soal tebing di persisiran pantai sering kali pada saat ini saat hujan lebat saya kira persisiran pantai sepanjang Pantai Sungai Limau, Pantai Sungai Hj. Dorani sampai pakej ke 60, 100 saya fikir keadaan tebingnya bila-bila masa sahaja boleh runtuh. Jadi saya melihat soal Bajet yang besar diperuntukkan kepada JPS mengapa tidak isu yang saya bawa kepada isu penggal pertama ini diambil kira. Sebab saya fikir di kawasan persisiran itu ada kawasan kampung nelayan, di penghujungnya ada kawasan kampung nelayan yang besar di pertengahan, ada kawasan kampung nelayan Sungai Hj. Dorani, di sebelah hujungnya ada kampung nelayan kampung Sungai Nipah. Saya tidak tahu apa persiapan sekiranya banjir besar dan pertembungan

antara pembuangan air sawah padi dengan kenaikan air pasang daripada laut. Kalaulah kawasan-kawasan ini dilanda banjir saya fikir satu kos yang lebih besar akan kita peruntukkan untuk membasmi perkara ini. Ya saya mendapat *signal* daripada Timbalan Speaker walaupun saya ada 44 hujah persoalan yang saya nyatakan tetapi saya fikir saya beri peluang kepada rakan-rakan lain untuk turut serta dalam penghujahan ini. Dan saya sekali lagi memperkatakan ada isu-isu yang perlu diambil kira saya fikir Kerajaan Negeri bercakap isu ketulusan tetapi Menteri Besar juga jangan gopoh melakukan tindakan. Saya fikir ada beberapa kajian kes seperti DEIG itu isu kepongahan itu ada kalanya ia menyebabkan ia dilihat *transparent*. Itu sahaja Sungai Panjang mohon undur diri mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kampung Tunku.

**TUAN SPEKAER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN WENG SAN** : Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Khalifah Abu Bakar As-Sidiq pernah berkata 'Wahai manusia sesungguhnya aku telah dilantik menjadi pemimpin kamu. Bukan lah aku yang terbaik di kalangan kamu. Jika aku betul tolonglah aku, jika aku salah betulkan lah aku kerana yang benar itu adalah amanah yang bohong itu adalah khianat'.

Tuan Timbalan Speaker, saya berharap saya dapat mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan mengambil pendekatan ini iaitu *Honest Politics Strict Talking* ataupun Politik Jujur dan Perbicaraan Terus Terang. Pendekatan yang pada pendapat saya tiada agenda tersembunyi hanya hasrat untuk mempertingkatkan pentadbiran kerajaan. Semalam ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional telah mengambil bahagian dalam perbahasan malahan saya percaya bahawa sekiranya mereka percaya apa yang mereka bahas itu adalah benar maka mereka perlulah bersikap terbuka dan berani mengambil soalan dari daripada ADUN kerajaan. Kononnya semalam ada disebut bahawa ADUN Barisan Nasional cuba menafikan kejayaan kerajaan Selangor dalam membentangkan sebuah Belanjawan dengan 50% peruntukan pembangunan. Mereka berkata kononnya kerajaan Selangor tidak perlu membayar gaji penjawat awam yang besar kerana itu kita dapat memperuntukkan 50% untuk pembangunan. Ulasan saya ialah kalau Barisan Nasional tidak mampu membayar gaji penjawat awam di peringkat persekutuan, maka senang saja, serahkan lah saja Putrajaya kepada Pakatan Harapan nescaya kami akan melaksanakan tugas kami dengan lebih baik daripada Barisan Nasional. Ya semasa...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Boleh, boleh bertanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, silakan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Kampung Tunku. Boleh tahukah apa yang boleh jelaskan sama ada yang disebutkan semalam itu ialah kerana belanja itu besar, kerana tanggungannya besar, di Selangor tu belanjanya kecil, kerana tanggungannya kecil. Jumlah penjawat-penjawat awam di peringkat persekutuan jauh lebih besar kerana itu jumlahnya jadi besar. Itu yang menyebabkan perbelanjaannya besar.

**Y.B. TUAN WENG SAN :** Saya boleh menjawab soalan ini. Di bawah Perlembagaan Persekutuan kebanyakan sektor atau bidang yang besar seperti ketenteraan, pendidikan kesihatan diletakkan di bawah kerajaan persekutuan, jadi adalah menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan untuk membayar gaji penjawat-penjawat yang berkhidmat di bawah sektor-sektor ini. Sekiranya saya cadangkan kerajaan persekutuan merasakan bahawa ini adalah sangat berat, maka saya ada dua cadang. Yang pertama ialah serahkan Putrajaya kepada Pakatan Harapan, tapi yang kedua Kerajaan Persekutuan boleh buat pindaan Perlembagaan Persekutuan, serahkan tugas itu kepada kerajaan negeri dan daripada *income tax*, cukai pendapatan yang dikutip daripada kerajaan persekutuan sebahagian besar dia diberi kepada pulangkan balik kepada kerajaan negeri biar kerajaan negeri menguruskan sektor-sektor ini. Ini adalah cadangan yang saya yang pada pendapat saya boleh dilaksanakan dalam masa terdekat tidak melibatkan pula apa-apa pilihan raya umum ataupun kecil. Jadi saya harap Yang Berhormat Sungai Burong tolong panjangkan. Jadi saya ingin menyentuh juga Tuan Timbalan Speaker sedikit tentang latar belakang ekonomi negara kita dan semasa negara semakin terjebak dalam krisis kewangan dan asas ekonomi negara yang semakin bergoyang, bukan sahaja kerajaan Selangor perlu membentangkan sebuah belanjawan yang bersifat inklusif dan mampu memperbaiki kelemahan-kelemahan Putrajaya dalam mengurus ekonomi negara. Malahan kerajaan Selangor juga harus jujur apabila berdepan dengan rakyat Selangor. Secara *prima facie* kami yakin bahawa politik di Selangor ini stabil tapi untuk memastikan Belanjawan di Selangor ini dapat ditadbir dengan baik kestabilan politik di Selangor perlu berpanjangan dan ini hanya akan berlaku apabila Pakatan Harapan diiktiraf dalam pentadbiran kerajaan. Salah satu fakta yang harus kita terima ialah kerajaan Selangor sekarang adalah dipimpin oleh Parti Keadilan Rakyat, DAP, Amanah dan PAS. PKR, DAP, Amanah telah bergabung di bawah Pakatan Harapan dan oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar harus tegas bahawa kerajaan Selangor yang ada sekarang ialah kerajaan Pakatan Harapan. Terdapat satu pepatah Cina yang saya ingin ambil di sini iaitu; (Bahasa Cina) iaitu sesuatu kerja itu tidak akan lancar kalau namanya tidak betul. Oleh sebab itu pengiktirafan yang sewajarnya harus diberi kepada Pakatan Harapan dan Parti Amanah Negara. Pada masa kami bangga dengan Belanjawan *Smart* Selangor *#smartselangor* apa yang sama penting dalam perjuangan kita menentang kezaliman UMNO ialah adanya kawan-kawan seperti Amanah yang ikhlas dan komited menentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Kalau ada rakan-rakan PAS yang ikhlas dan berjanji menentang UMNO habis-habisan yang tidak ingin menjadi penasihat kepada UMNO...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Ingin bertanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku, Sungai Burong minta ingin mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tadi kekal dalam kerajaan Pakatan Harapan. Ya, silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Ni nak tanya dengan Kampung Tunku la. Adakah Pakatan Harapan ni dia berjuang untuk Amanah ke atau pun orang-orang yang kecewa orang yang dah kalah dalam pemilihan? Orang ini yang nak diangkat dan ditegakkan sangat. Sedar ke dalam tempoh kerajaan Selangor memerintah kita tau kestabilan telah berlaku, keadaan ketidakstabilan telah berlaku dalam kerajaan, kita tengok dah bertukar Menteri Besar sehingga melambatkan urusan beberapa keperluan yang telah berlaku, seperti contohnya; masalah air.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Jawapan saya kepada Yang Berhormat Sungai Burong, apa yang penting dalam Pakatan Harapan ialah kami di Pakatan Harapan menentang UMNO habis-habisan, itu sahaja. Kalau PAS, ada rakan-rakan kita dari PAS yang menentang UMNO habis-habisan tak nak jadi penasihat kepada UMNO kita terima mereka. Ini adalah pendapat dan pendirian kami.

Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang sedikit tentang perangkaan Belanjawan ini. Perangkaan Belanjawan 2016 ini sememangnya tidak boleh dirangka di dalam bilik gerak, ia mesti serasi dan *compatible* dengan iklim pelaburan dan iklim ekonomi sedunia. Ekonomi Malaysia telah menghadapi kegawatan pada tahun 1973, 1983, 1998 dan 2007. Lebih kurang 10 tahun setiap satu kitar. Oleh sebab itu pada pendapat saya adalah sangat penting agar belanjawan ini menyiapkan setiap seorang daripada Selangor untuk menghadapi kegawatan ekonomi yang bakal melanda Malaysia dan Selangor tidak lama lagi. Apakah ciri-ciri sebuah Belanjawan yang diperlukan oleh rakyat Selangor? Antaranya :-

- (i) Ia akan mengenal pasti kelemahan-kelemahan ekonomi yang sedia ada merangka cara-cara penyelesaian yang sesuai memperuntukkan untuk mengatasi kelemahan ini sekali gus membangunkan ekonomi yang kalis kegawatan ekonomi.

- (ii) Ia akan memastikan kesinambungan semua pembangunan yang telah dirancang setahun dan tahun sebelum dan ianya boleh diteruskan di tahun-tahun yang akan datang.
- (iii) Memastikan kemungkinan berlakunya ketirisan diminimumkan melalui pengukuhan mekanisme semakan yang kukuh sama ada melalui usaha eksekutif ataupun legislatif. Keterbukaan dalam pentadbiran adalah penting bagi memastikan kesemua ini berlaku.
- (iv) Ia perlulah boleh membantu rakyat mengatasi masalah-masalah kesusahan. Contohnya kesan-kesan regresif pelaksanaan GST
- (v) Membuka aktiviti-aktiviti perniagaan baru dengan membangunkan bakat-bakat yang ada di pemuda pemudi kita.

Tuan Timbalan Speaker, Belanjawan ini telah membangkitkan beberapa perkara yang sebenarnya telah pun dikemukakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor tahun 2010. Perkara-perkara ini pernah hangat seketika waktu tapi akhirnya tidak diberi tumpuan yang berterusan. Saya bangga kerana kali ini ia diberi penekanan. Terdapat 3 perkara yang saya rasa telah penting telah wujud dalam pakej Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor tahun 2010 tapi diberi penekanan dalam Belanjawan Tahun 2016 ini.

- (i) Pembangunan Serendah sebagai Hub Aero Angkasa Automotif dan Industri-industri Berteknologi Tinggi.
- (ii) Rancangan untuk mempertingkatkan tahap kegunaan pengangkutan awam di Selangor. Saya memuji usaha kerajaan dengan mewujudkan begitu banyak bas percuma di Selangor.
- (iii) Yang ini penting, disebut juga oleh Sungai Panjang tadi, pembersihan dan rehabilitasi Sungai Kelang. Saya ingin memperbetulkan Sungai Panjang. Isu ini telah pun dibangkitkan oleh negeri Selangor seawal tahun 2010 disusuli dengan rancangan kerajaan persekutuan *River of Life* selepas itu dan sekarang kerajaan negeri Selangor akan memulihkan program ini dan saya rasa kita akan bekerjasama dengan kerajaan persekutuan tapi untuk perkara ini saya berpendapat Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu pergi jauh ke Sungai Cheonggyocheon di Seoul. Kita sebenarnya boleh mengambil contoh yang dekat kononnya contoh Sungai Melaka, contoh di Singapura, Sungai Kallang. Ini adalah contoh-contoh yang dekat dan kita boleh mengambil dan belajar daripada mereka.

Tuan Timbalan Speaker, ada juga beberapa kekuatan dan juga kelemahan dalam Belanjawan ini. Antara yang paling menarik ialah :-

- (i) Bantuan yang akan diberi kepada golongan miskin B40 dalam bentuk pengecualian cukai taksiran rumah kos rendah serta pengecualian bayaran fi dan lesen bagi petak pasar malam.
- (ii) Pengiktirafan sijil UEC untuk mengelak *brain drain*.
- (iii) Pembangunan infrastruktur bagi jalan-jalan negeri dan sebagainya
- (iv) Bantuan kepada kaum ibu yang terpaksa berhenti bekerja untuk menjaga rumah tangga.

Bagi saya keempat-empat perkara ini adalah yang sangat penting yang perlu kita ketengahkan dalam perbincangan Belanjawan 2016 ini. Dewan Negeri Selangor harus menyokong semua usaha murni ini untuk meningkatkan ekonomi Selangor. Belanjawan 2015 yang defisit dahulunya sekarang telah menjadi surplus dan semestinya ini adalah sesuatu yang membanggakan rakyat Selangor. Saya mengucapkan syabas kepada barisan MMKN tapi kita tidak juga boleh melupakan kerja keras rakan-rakan di Perbendaharaan khususnya yang telah menyumbang kepada Belanjawan surplus tahun 2015. Walaupun begitu terdapat juga kelemahan di mana golongan M40 iaitu golongan menengah, jika dibandingkan dengan golongan B40, mereka tidak menerima manfaat secara langsung daripada Belanjawan ini. Saya bercadang agar kerajaan menyerapkan kesemua atau pun sebahagian cukai GST yang terpaksa dikenakan oleh PBT seperti yang dilaksanakan di Pulau Pinang dan Johor kerana ini akan memberi kesan yang positif yang lebih besar bukan sahaja kepada golongan B40 tetapi golongan M40. Apatah lagi jika jumlah ini sebenarnya boleh ditanggung oleh PBT khususnya di peringkat bandar raya.

Seterusnya berkenaan dengan pengurusan tanah. Saya menyeru kerajaan mengambil iktibar daripada *Singapore Land Authority* (SLA) di mana kerajaan boleh mengenal pasti tanah-tanah milik swasta, milik individu ataupun *pocket lands* di kawasan bandar untuk diambil semula supaya kerajaan boleh memperkayakan rizab tanah kerajaan dan rizab tanah GLC di kawasan bandar untuk kegunaan strategik. Semalam dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, saya setuju tapi selain daripada digunakan untuk tujuan rekreasi, kerajaan dan GLC boleh menjalankan usaha sama dengan pihak swasta melalui *Reverse Privatization* supaya kerajaan masih mempunyai peranan yang boleh dimainkan dalam pembangunan di kawasan-kawasan yang sudah matang di bandar. Berkaitan dengan pembangunan infrastruktur, selain daripada beberapa projek naik taraf jalan raya dan projek bas percuma, saya ingin bertanya mengapakah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perancangan Bandar tidak meninjau kemungkinan untuk menyuraikan kesesakan lalu lintas dengan membina lebih banyak jambatan merentasi hilir Sungai Kelang bermula dari jajaran selepas Kuala Lumpur sehingga ke Kelang. Bayangkan kalau

ada jambatan merentasi Sungai Kelang dari Taman Medan ke Taman Kuchai, dari USJ ke Puchong, dari Putera Heights ke Puchong Prima dan dari Putera Permai ke Kota Kemuning maka keadaan trafik di sepanjang lembah Sungai Kelang ini akan diperbaiki malahan ini boleh membantu mengurangkan beban kewangan rakyat yang terpaksa berulang alik menggunakan lebuh raya bertol.

Tuan Timbalan Speaker, saya sebut tentang isu tol lebuh raya. Kerajaan negeri Selangor perlu menggunakan pengaruhnya sebagai pemegang saham minoriti dalam syarikat-syarikat pemegang konsesi tol seperti SPRINT untuk memastikan kenaikan tol itu adalah tidak keterlaluan. Kumpulan Perangsang Selangor contohnya, dia memegang saham minoriti dalam SPRINT. Dia boleh menggunakan kedudukannya sebagai *minority share holder* untuk mengemukakan resolusi dalam mesyuarat agung tahunan syarikat berkenaan agar semua kenaikan tol di masa depan perlu dirujuk dahulu kepada Lembaga Pengarah sebelum dikuatkuasakan dan saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini perkara ini sebenarnya diperuntukkan di dalam Seksyen 145 Akta Syarikat.

Dalam isu pendidikan Tuan Timbalan Speaker Kerajaan semasa membentangkan Belanjawan 2015 pernah mengumumkan akan memperuntukkan RM5 juta sebagai Biasiswa ... Ijazah tapi apa yang saya teliti selama setahun ini program ini masih belum dilaksanakan, borang saya tak tahu ia masih dapat diisi atau pun dikeluarkan. Tapi nampaknya ianya masih belum dilaksanakan dan saya memohon penjelasan daripada Kerajaan supaya biasiswa sebanyak RM5 juta untuk Ijazah *Post Graduate* ini disegerakan. Saya juga menyeru agar Kerajaan jangan terlalu berkira sangat dengan soal panduan kewangan untuk sekolah, sudah sampai masanya bantuan ini dipertingkatkan, dinaikkan dan saya cadangkan bantuan untuk Sekolah Agama Rakyat kita perlu naikkan ke RM12 juta, bantuan untuk SJKC untuk Sekolah Menengah semua perlu dinaikkan ke RM10 juta, bantuan untuk SJKT dinaikkan ke RM6 juta. Janji Manifesto PRU Ke 13 kita tidak boleh lupakan begitu sahaja. Ada memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM2 juta untuk Sekolah Kebangsaan dan SMJK ianya mesti ditunaikan dalam Belanjawan Tahun 2016.

Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan juga harus dalam menghadapi kegawatan ekonomi kita hendak tarik lebih ramai pelancong, lebih ramai pelabur ke Selangor ini, kita perlu mempertimbangkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pentadbiran kedua untuk mempertingkatkan daya saingan Selangor Arena Antarabangsa. Cadangan ini bukan daripada saya, cadangan ini telah pun dibangkitkan di negeri Johor oleh Sultan Tuanku Selangor, Tuanku Sultan Johor itu sendiri. Baru-baru ini pun Kementerian Pendidikan melancarkan *dual language* program dan sekali gus ini membuktikan bahawa Malaysia tidak boleh terus tercicir dalam persaingan global dan saya menyarankan kepada ADUN daripada Barisan Nasional jangan kita mempolitikkan isu ini. Ini adalah isu tegang *survival*, *survival* seluruh rakyat isu Malaysia, *survival* BN, *survival* PAS, DAP, Amanah, PKR, *survival* Malaysia, *survival* Selangor. Jadi saya harap isu ini kita bicara dengan hati

yang terbuka dan saya sebenarnya memuji usaha Majlis Perbandaran Ampang Jaya di mana *bulletinnya* ditepikan dalam *dual* bahasa dan saya rasa, dan saya yakin ianya akan membantu, mempertingkatkan imej Kerajaan Selangor kerana ia akan memudahkan para pelabur asing dan pelabur memahami aktiviti dan perkhidmatan PBT. Saya juga perhatikan bahawa Kerajaan semasa membentangkan Belanjawan 2016 ini dia tidak menyentuh beberapa dasar reformasi yang telah disebut dalam Manifesto PRU yang lepas dalam Buku Jingga ini. Iaitu pelaksana *dicentralised* melalui pelaksana Pilihan Raya Kerajaan Tempatan secara beransur-ansur serta pengukuhan peranan DUN dengan melalui Pembentangan Rang Undang-undang Enakmen SELESA malahan saya juga dapati bahawa Peruntukan kepada B.03 Pejabat Dewan Negeri Selangor telah menyusut daripada RM36 juta pada tahun 2015 ke RM26 juta sahaja untuk tahun depan. Jumlah yang diperuntukkan kepada B.03 ini untuk beberapa tahun dahulu hanya pada di paras RM21 juta. Jadi saya bertanya pada Kerajaan apa rasionalnya peruntukan ini dipotong sebanyak 27% sedangkan pelbagai aktiviti Dewan ini sedang rancak dijalankan. Kita ada Jawatankuasa Pilihan, kita ada satu program ADUN Muda, kita ada lawatan dan sebagainya, kita memerlukan peruntukan yang lebih kepada Dewan Negeri Selangor. Seterusnya Kerajaan perlu berhati-hati Tuan Timbalan Speaker, ada wujudnya elemen-elemen regresif dalam Pentadbiran kita yang berniat untuk menggagalkan dua saranan ini dalam Manifesto. Saya memberi amaran kepada elemen-elemen regresif ini bahawa Tuanku Sultan Selangor pernah bertitah kepada Kerajaan baharu yang di bentuk sejurus selepas PRU 2013 bahawa kita mesti mengotakan semua janji dalam Manifesto Pilihan Raya. Kita tidak ada pilihan rakan-rakan sekalian di dalam Dewan Yang Mulia ini. Ini apa yang kita janji kita perlu laksanakan, seterusnya saya ingin menyentuh tentang kebebasan maklumat dan saya menyarankan kepada Kerajaan supaya semua keputusan yang dibuat oleh Kerajaan itu perlulah telus, semua perjanjian antara Syarikat Swasta dengan Kerajaan, dengan GLC, dengan DEIG, dengan MBI, dengan KDEB, dengan PKNS dan semuanya ia tidak boleh mengandungi kerosakan kerahsiaan ianya perlulah boleh dibuka untuk tatapan umum selepas tempoh tertentu tanpa perlu mendapat kebenaran daripada pihak yang satu lagi. Saya juga mencadangkan supaya Enakmen MBI ini perlu dipinda supaya MBI perlu membentangkan laporan penyata kewangan Dewan Yang Mulia ini sekarang dengan Enakmen yang setia ada MBI tak perlu jawab kepada Dewan Yang Mulia ini. Saya memohon kepada Barisan MMKN supaya Enakmen ini perlu dipinda Rang Undang-Undang ini perlu dihantar dibentangkan secepat mungkin. Selain itu gaji dan bonus yang dibayar kepada

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Kampung Tunku banyak lagi ke?

**Y.B. TUAN LAU WENG SANG:** Bagi saya 10 minit.

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Eh....banyak sangat itu. Saya bagi 2 minit.



**Y.B. TUAN LAU WENG SANG:** Okey, selain itu gaji dan bonus yang dibayar kepada Ahli Lembaga dan para pegawai GLC juga tidak boleh dirahsiakan. Kalau gaji dan bonus Ahli Lembaga dan Pegawai Tertinggi di syarikat-syarikat Bursa Malaysia boleh diketepikan di dalam Laporan Tahunan maka saya tidak menampak rasionalnya untuk kita merahsiakannya. Saya juga ingin mencadangkan agar ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemantauan Belanjawan untuk memantau keberkesanan Perancangan Jabatan dalam membelanja semua peruntukan pembangunan yang diluluskan dalam Belanjawan ini. Saya juga ingin memetik perhatian kepada satu peruntukan pembangunan di bawah Kepala P.01 yang sangat-sangat penting. Pemantauan perlu dijalankan terhadap Perbelanjaan di bawah P.01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah meningkat daripada RM390 juta tahun 2015 dinaikkan ke RM634 juta tahun 2015 dan seterusnya tahun depan ke RM857 juta iaitu peningkatan lebih daripada 2 kali ganda hanya dalam masa 2 tahun sahaja. Saya berpendapat ini perlu diberi perhatian dan yang seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang isu integriti dalam Pentadbiran PBT. Satu perkara yang telah menjejaskan integriti MBPJ telah berlaku di kawasan saya iaitu isu permintaan bazar Deepavali di Kampung Baru Sungai Way. Cadangan meminta bazar ini selaras dengan kehendak penduduk setempat, ianya dikemukakan oleh seorang Ahli Majlis PAS dalam satu Mesyuarat yang di pengerusi oleh seorang Ahli Majlis PKR, keputusan ini kemudian diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Penuh MBPJ pada bulan Mac 2015. Kemudiannya atas satu Memorandum yang ditandatangani oleh 9 orang Ahli Majlis PKR dan 3 orang Ahli Majlis PAS, Datuk Bandar telah menukar keputusan tersebut. Soalan pertama bukan kah Datuk Bandar terlebih dahulu mendapat kelulusan dalam Majlis Mesyuarat penuh. Soalan kedua adakah sesuatu keputusan PBT boleh diubah bila-bila masa sahaja. Hanya melalui Memorandum dan ketiga adakah kita akan mentadbir Kerajaan Negeri ini melalui penghantaran Memorandum? Adakah Ahli-ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan kita sendiri hantar Memorandum kepada Kerajaan kita sendiri pula? Adakah ini masuk akal? Yang terbaru insiden ini sekarang kita telah gunakan sebagai presiden oleh segelintir penghasut untuk mengapi-apikan sentimen melawan arahan MPK di bazar Deepavali di Jalan Tengku Kelana, di Klang dan berdepan dua keadaan yang hampir sama. Apakah keputusan Kerajaan dalam isu di Jalan Tengku Kelana, Klang ini?

Tuan Timbalan Speaker, saya menyentuh sedikit tentang Muzium MBPJ, Muzium Petaling Jaya, saya telah mendapat sebuah buku *coffe table* yang dihasilkan oleh PKNS dan saya merujuk, mengaitkan isu ini dengan cadangan untuk membangunkan Petaling Jaya sebagai Kota Seni. Saya rasa ianya adalah tidak cukup kalau ianya hanya sebuah sekadar sekota seni tanpa unsur kemanusiaan. Maka saya mencadangkan agar peruntukan tambahan diberi untuk menaiktaraf Muzium Petaling Jaya dan melalui *coffee table book* yang ditepikan oleh PKNS ini saya percaya kita boleh bekerjasama dengan PKNS kerana PKNS mempunyai banyak maklumat *artifact* yang boleh dikongsikan kepada Muzium Petaling Jaya ini

kerana kita tahu PKNS yang membangunkan Petaling Jaya pada awal 50an dan 60an. Jadi saya percaya PKNS boleh menyumbangkan banyak *artifak* dan gambar foto yang bernilai kepada Muzium ini dan saya berharap pihak EXCO boleh membincang perkara ini dengan PBT dan juga PKNS. Saya juga ingin menyentuh sedikit terhadap masalah tunggakan cukai yang tidak disebut. Ini kita boleh gunakannya untuk menjana lebih banyak pendapatan.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta Kampung Tuanku pendekkan.

**Y.B. TUAN LAU WEN SANG:** Ya, pendekkan ini 2 perenggan terakhir sahaja. Pertama kita ada banyak sangat penunggak cukai dan saman dan denda. Saya menyarankan kepada Kerajaan, kepada Kerajaan Pusat juga, kepada Kerajaan Negeri, kepada Kerajaan PBT masukkan nama-nama orang ini ke dalam CITOS senaraikan hitam nama mereka ini supaya mereka boleh bayar saman mereka, bayar tunggakan mereka tepat pada waktunya. Kalau tidak tunggakan itu selama-lamanya takkan kekal di situ dan saya bercadang, berharap sangat ini boleh dilakukan oleh pihak Pentadbiran secepat mungkin dan saya dapat tahu *points* ini saya ambil dari salah sebuah PBT, mereka melalukan perkara ini dan responsnya sangat bagus, saya berharap ini boleh dilaksanakan di semua peringkat Jabatan dan Kerajaan Negeri Selangor. Yang terakhir memang terakhir elaun Ahli Majlis dan elaun Ketua Kampung. Saya kira sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri Selangor berlaku adil pada mereka. Semalam ada kata bahawa mereka kerja 24 jam sehari, 7 hari seminggu, itu salah. Mereka bekerja 25 jam sehari, 8 hari seminggu, jadi kira dengan elaun bulanan yang tak sampai RM2,000 untuk Ahli Majlis tak sampai RM1,000 untuk Ketua Kampung. Kerja mereka ini lebih teruk daripada pekerja asing. Saya berharap teguran ini diambil kira. Saya sudah banyak sebut kali saya tak segan nak sebut sekali lagi tahun ini kalau tahun ini tak laksanakan tahun depan pun saya akan sebut sehingganya dilaksanakan dan saya berharap saya tidak perlu menyebutnya sekali lagi dan kesimpulannya Tuan Timbalan Speaker ialah Belanjawan 2016 dia sebuah Belanjawan yang seimbang dan menarik dan saya berharap sangat semua teguran yang dihasratkan oleh ADUN di Dewan Yang Mulia ini boleh diterima baik oleh Eksekutif kita perlu ingat. Apa yang saya sebutkan tadi sedutan pun kuota yang saya ambil daripada Khalifah sekiranya bukannya yang terbaik sekiranya apa yang baik dan saya kita ambil yang buruk kita buang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Selat Klang. Sila

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakuh dan salam sejahtera, Bismillahi rahmani rahim, Alhamdulillah* saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT dan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan

Selangor yang telah menyediakan Belanjawan yang baik dan mengemukakan 5 strategi Belanjawan 2016 untuk mencapai matlamat negeri Selangor yang maju yang bercirikan persekitaran teknologi maklumat atau *Smart Selangor*. Saya tertarik dengan tema Belanjawan tahun ini Membangun *Smart Selangor* yang Peduli. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, strategi pertama iaitu Menerajui Gagasan Selangor merupakan usaha Kerajaan Selangor menyediakan prasarana fizikal yang lengkap dan holistik dengan membentuk Majlis Perundangan *Smart Selangor* dengan peruntukan RM10 juta untuk menyediakan *route Map* atau *Blueprint Selangor* sebagai *Smart State*. Saya berharap Kerajaan Selangor terus istiqamah menggunakan belanjawan 2016 ini untuk membangunkan Selangor yang baik, makmur, aman, sejahtera serta diampuni dan diberkati oleh Allah SWT dengan izin Selangor *As A Blessed State* seperti yang ditemankan oleh Allah SWT dalam surah Sabbah ayat 15 yang dikenali sebagai *Baidatun toibatun goraobbungaffur*. Saya yakin Kerajaan Selangor juga memanfaatkan Selangor yang terkenal, dalam prasarana kegagasannya. Usaha mahu membangunkan Selangor dengan kemajuan ilmu sains dan teknologi perlu disokong. Namun saya berharap Kerajaan Selangor membangunkan negeri secara holistik atau menyeluruh. Rakyat Selangor perlu di persiapkan untuk menerima gagasan besar Kerajaan Selangor ini. Ini bermakna kemajuan teknologi mesti dikembarkan dengan pembangunan kekuatan minda, emosi dan rohani bagi melahirkan penyediaan benteng pertahanan individu keluarga dan masyarakat Selangor. Perlu dirancang dalam peringkat *Exante-accountability* untuk menunjukkan keutamaannya. Perlu jelas usaha makruf ..... *Smart Selangor* mesti melahirkan ramai insan yang ... dan bertakwa kita tidak mahu *Smart Selangor* mengundang .....dan membiakkan manusia ... yang gemar merosakkan bumi dan mencetus huru-hara dengan kepandaian teknologi. Penyimpulan contoh, penyimpulan besar, pemerdagangan manusia dan penghambaan manusia melalui hutang boleh berlaku dengan hujung jari.

Kebijakan Selangor perlu memikirkan dan bersedia menangani semua ini. *Preamble* atau persediaan kesan negatif saya mengharapkan pembangunan ini juga mengambil kira kebarangkalian kesan negatif daripada kemudahan dunia tanpa sempadan ini kerana golongan yang mudah terpengaruh kepada golongan budak terpengaruh seperti remaja, belia dan juga sindiket berangkai pemangsa berkaitan dadah, perjudian, jenayah dan dengan izin *commercial crimes*. *Blueprint Smart Selangor* mesti mendepani isu ini. Saya mengesyorkan Kerajaan Selangor membina *this is not physical* dengan izin tetapi membina tabung akaun kebaikan Selangor sehingga mampu mendepani suasana yang *Smart* sebegini yang diidamkan. Mahkamah Syariah mestilah sentiasa Kerajaan Selangor mesti sentiasa memelihara daripada *syndrome care* KKN yang sinonim dengan Barisan Nasional. Minta maaf kawan-kawan, korupsi dan nepotisme yang ADUN dari PAS, PKR dan DAP sebelum 2018 tentang bersama. Hanya ciri penting sebagai tanda ukur kejayaan sebuah Kerajaan yang bagus kerana berjaya mengamalkan dengan izin *good governance*. Biarlah rakyat yang memerlukan bantuan diproseskan dengan adil dan saksama dan jangan ulangi kesilapan pihak BN sebelum 2018. Yang penuh

dengan ugutan dan kepartian mendesak rakyat menyokong parti tertentu sebelum diproses dan diluluskan. Kerajaan yang peduli rakyat tidak boleh sama sekali mengamalkan budaya ini, penerangan yang berkesan. Selat Klang mengharapkan Kerajaan Selangor yang mahu membedayakan rakyat dan mempunyai kecapaian kesemua kelompok penduduk di mana jua mereka berada mesti mempunyai sistem penerangan yang berkesan. Rakyat Selangor memerlukan sumber maklumat yang tepat dan lengkap. Bahan penerangan Kerajaan mestilah menyeluruh, saya menyarankan Kerajaan Selangor merancang bagaimana menyalurkan maklumat yang tepat, pantas dan menyeluruh di semua DUN termasuk segala maklumat tentang peluang kursus dan kemahiran serta segala bantuan yang ada dipaparkan dan melibatkan semua DUN, bukan hanya DUN terpilih. Janji ketelusan Kerajaan mestilah dikotakan, maklumat mestilah sampaikan ke pejabat ADUN seawal mungkin bukan seperti yang berlaku sekarang ini, kadang-kadang beberapa hari, kadang-kadang ada yang selepas program baru sampai. Rakyat jelata tidak sempat diberitahu. Selangor Kini perlu memuatkan lebih banyak berita mengenai rakyat supaya dilihat *inclusive* dan bukan *exclusive*. Senarai jadual program Kerajaan sepatutnya boleh diuar-uarkan awal supaya ADUN dan rakyatnya boleh memanfaatkannya sama ada dalam bahan media, cetak mahupun di ruang *cyber*. Sama ada berkenaan dengan usahawan PBT, Jabatan Agama Islam Selangor dan sebagainya. Saya menyokong falsafah yang dipandu prinsip akhlak dan kepedulian sosial, bagi menjamin prinsip keadilan sosial. Kekuatan ekonomi perlu diperoleh dari sumber hal dan baik dan memerlukan kebijaksanaan mengurus sumber terhad untuk menghasilkan pendapatan optima. Penggunaan hasil pula mestilah diagihkan secara adil bagi menjaga dan mencegah masa . Inilah faktor kritikal mencapai *Insyah-Allah* Kerajaan Selangor harus lebih melabur untuk memastikan modal insan yang dipertanggungjawabkan untuk peranan penting. *Key person* ini dilatih, digilap, didedahkan kepada ilmu baru yang sangat luas melalui kursus, seminar, bengkel termasuk di peringkat Antarabangsa. Dasar Kerajaan Selangor mempertahankan disiplin fizikal mengamalkan Pengurusan berhemah harus dipuji dan disokong justeru Kerajaan harus bersedia menerima dan bertindak atas aduan-aduan yang membayangkan. Ada penyimpanan daripada disiplin itu daripada mana-mana peringkat golongan. Selat Klang mengucapkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan negeri yang telah berjaya menaikkan elaun guru KAFA ke RM1,500 sebulan yakni garis kemiskinan Selangor dan sekali gus menepati janji Manifesto Pakatan Rakyat PRU Ke-13. Diharapkan cengkaman ekonomi yang ditambah buruk dengan zalim GST Kerajaan Persekutuan akan melegakan Guru KAFA Selangor. Selat Klang menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri mengambil tindakan berani mengecualikan cukai taksiran dari rumah kos rendah dan rumah kampung yang keseluruhannya berjumlah 220,247 buah dan P lesen perniagaan kecil, pasar malam dan pasar tani yang seramai 67,804 pemegang lesen untuk tahun 2016. Begitu besar ertinya apabila Kerajaan sanggup melepaskan pendapatan Kerajaan daripada golongan yang *Insyah-Allah* akan menyokong dan mendoakan kesejahteraan negeri ini agar dipelihara oleh Allah SWT.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan peruntukan Sekolah Menengah Agama persendirian RM4 juta setahun. Belanjawan 2015 bertema Bangun *Smart* Selangor yang dipedulikan namun ada kelompok yang belum masuk senarai kepedulian Kerajaan Selangor secara khusus. Alangkah baiknya sekiranya Kerajaan Selangor juga boleh meninjau Institusi Pendidikan yang telah tumbuh dengan keringat dan poket rakyat Selangor yang memiliki sistem yang lebih baik, lebih berkesan melahirkan insan-insan efektif yang menjadi, yang boleh menjadikan komoditi negara. Sekolah Menengah Agama rakyat wujud bukan kerana mereka kaya atau mampu tetapi mahu mencari bagi lebih meyakinkan dan dipelopori oleh insan tulus yang mahu menaburkan bakti membangunkan insan yang beriman dan bertakwa. Maka saya mencadangkan Kerajaan Negeri membantu Sekolah Agama Merakyat Peringkat Menengah yang mempunyai sistem Pendidikan Integrasi seperti PT3, SPM, SMA dan sebagainya dengan menyediakan peruntukan secara khusus seperti kerjaya Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan RM2 juta untuk 4 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina setahun. Nisbah tidak seimbang Sekolah Rendah JAIS yang jumlah lebih kurang 250 dengan Sekolah Menengah Aliran Agama Kerajaan di Selangor ini yang berjumlah hanya 25 jadi 250 hingga 25 menjadi faktor utama ibu bapa terpaksa menghantarkan ke Sekolah Menengah Agama Integrasi maka dengan bantuan kursus RM4 juta setahun kepada Sekolah Menengah Agama Rakyat ini akan mendapatkan pengiktirafan dan penghargaan yang luar biasa ibu bapa yang dikesampingan selamat ini. Kerajaan Selangor harus menjalinkan dengan erat hak agar umbi Pejabat ADUN terutama sekali di *Hotspots* Denggi. Ini cerita Denggi jadi saya menyerukan kepada Kerajaan Selangor di mana peringkat yang telah melancarkan ada seperti Selat Klang telah melancarkan Denggi Selat Klang melibatkan JKKK Ahli Majlis NGO, Wanita, Belia dan sebagainya perlu diberikan bantuan khas. Peruntukan khas, peralatan khas dan sebagainya untuk menjayakan program *inclusive* dan holistik bersifat jangka panjang ini. Budaya menanam atau *soft shells*, bumi Selangor adalah subur dalam keghairahan Kerajaan Negeri mengambil tindakan bersifat megah tidak salah saya kira Kerajaan Negeri dalam keadaan tertentu mengambil tindakan dengan izin *think small*. Terus kepada individu ibu tunggal pada individu, tunggal kecil rumah perlu diingat kecil yang cukup bilang boleh mengimpak *significance* kepada kestabilan ekonomi dan kesihatan tubuh badan keluarga rakyat. Beri lah insan benih, baja ajarlah tips sebagaimana nak menanam dengan baik *Insyah-Allah* dengan pelaburan mungkin tak sampai RM100 mungkin RM50 ini. Ini adalah *long term* dan apa mudah dicapai untuk menjaga rakyat kesihatan rakyat. Kerajaan sepatut mengkaji bagaimana mahu memberi galakkan kepada penduduk atau insentif bercucuk tanam seperti makanan keperluan asas yang penting untuk produktiviti keluarga terutama pelajar, contoh terbaik adalah tanam sayur dan buah-buahan yang sesuai. Langkah praktikal ini boleh mengimbangi kegawatan ekonomi di mana keutamaan perbelanjaan akan ditumpukan kepada membayar bil dan perlu asas seperti beras minyak dan susu baik. Dan kawasan tanam tanah boleh menanam sayur buah yang sesuai yang boleh ditawarkan 3 bulan contoh terbaik penduduk di Pulau Ketam di mana mereka buah delima, mengkudu, limau kasturi, serai dan sebagainya. Akhir sekali

saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri. Ini tentang keadilan sosial yang akan menyempurnakan pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Desa Coalfield. Ini satu kemajuan dalam komitmen dan saya mengharapkan yang Selangor mengutamakan pelajar yang miskin agar mereka menikmati prestasi persekitaran pembelajaran yang lebih konklusif daripada rumah sendiri. Melihat keperluan Kerajaan Negeri memberi peruntukan yang lebih banyak untuk golongan khususnya golongan miskin kaum India dan Cina. Alhamdulillah bagi fakir miskin beragama Islam kita mempunyai Zakat Selangor. Namun bagi peruntukan non Muslim bukan Melayu di bawah Jabatan Kebajikan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kecil tak cukup. Sebagai Kerajaan saya berharap segala program yang dirancang untuk dijalankan perlu melibatkan wakil daripada setempat yakni ADUN dan pandangan serta teguran pada ADUN setempat patutnya diambil kira dalam pelaksana program. Bagi saya ia sebagai program *concurrent* akauntabiliti yang diperkata ini adalah penting untuk memastikan wang rakyat yang dirancang untuk digunakan pada mana-mana kelompok dalam kawasan DUN tersebut memang menghasilkan hasil yang diharapkan. Saya berharap program melibatkan wanita, generasi muda dan sukan mengambil kira kepelbagaian dan keperluan Mana sama dikota Badan di desa, sama di tempat yang bagus pra struktur dan tidak. Adalah baik sekiranya cadangan dari permintaan DUN seperti tempat serius bukan polisi *stereotype Financial for all* dengan izin. Permohonan ADUN bahkan kepada keperluan rakyat bawah jagaannya. Akhir kalam saya mengingatkan Selangor agar bertakwalah kepada Allah SWT dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan wang rakyat dan mentadbirkan negeri Selangor ini. Ketakwaan ini akan memastikan segala perancangan *Insyah-Allah* akan berjaya memastikan peniaga rancak kehendak kesemua kaum dan kestabilan politik. Ingatlah **(Bahasa Arab)** yang bermaksud *orang yang beriman kiranya kamu menolong mentadbir bumi Allah ini Allah akan menolong kamu dan mengukuhkan kedudukan kamu*. Surat Ayat 7 Selat Klang menyokong dan Kerajaan Selangor 2016 dan saya doakan mudah-mudahan Allah SWT memelihara negeri Selangor ini dan memastikan kita tetap, utuh, stabil dan *Insyah-Allah* mudah-mudahan kita akan menjadi sepakatan yang telah diberi semenjak 2008 sehingga seterusnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Selat Klang. Jam menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : *Assalamualaikum warahmatullah*, selamat petang. Dewan disambung semula.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : *Alhamdulillah*. Ok. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang telah memberikan Meru peluang untuk berbahas pada petang ini dan *Alhamdulillah* kita dah dengar ramai daripada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang telah bahas dan saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Ada beberapa perkara yang saya nak sentuh. Yang pertamanya tentang lima strategi belanjawan akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan saya ingin fokus kepada strategi yang kelima iaitu membangun kapasiti wanita generasi Y dan ekonomi kreatif. Saya nak fokuskan sikit saja tentang PWB ataupun Pusat Wanita Berdaya yang diasaskan antara lain bertujuan membangunkan komuniti perniagaan kecil dan sederhana dari kalangan wanita luar bandar. Meru menyokong bukan 100% tetapi 152%, Program Perintis Selangor, *Home Maker* Program dan sebagainya. Dan Meru juga menyokong peruntukan RM3 juta bagi tahun 2016 kepada program-program yang bakal dijalankan oleh pihak PWB. Cuma apa yang Meru nak persoalkan ialah peruntukan yang sekarang ini yang diberikan RM30 ribu kepada PWB dan diperuntukkan kepada setiap DUN. Seperti saya dapat banyak apa nama ni juga ni apa nama *complaints* daripada *others* DUN juga termasuk di Meru. Daripada 30 ribu ni yang sepatutnya dia bagi kepada penyelia-penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) ni. Sepatutnya RM30 ribu ni dia bagi kepada pihak DUN ni. *That's it*. Pihak DUN lah yang akan, yang akan apa nama menguruskan segala-galanya. Tetapi apa yang kita dapati bahawa hanya daripada RM30 ribu tu RM15 ribu sahaja. Yang apa nama diuruskan oleh pihak ADUN, DUN sendiri. RM15 ribu lagi tu tidak diberikan langsung. Malah *sorry to said*, seolah-olah kena dapat banyak pula apa nama ni kelulusan daripada PBTlah apa nama *sorry* daripada Pejabat Daerah lah bagai-bagai dan akhirnya tak sampai kepada ni. Jadi apa yang minta maaf saya mintalah supaya EXCO berkenaan untuk menjawab benda ni. Nampak macam dengan izin *something wrong somewhere or everything is wrongs everywhere*. Yang keduanya tentang ni Generasi Y. Yang disebut di dalam lima subjek belanjawan ini. Generasi Y ini memang pemuda ni dan pemudi juga di generasi Y ni ada satu apa nama *force* yang cukup hebat yang pernah Mao Tse Tung sendiri sebut. Mao Tse Tung sebut kalau tak betul, betulkan sayalah. Dia kata apa, Mao Tse Tung pernah menyebut bahawa berikan saya seratus orang askar yang hebat. Saya pasti akan jatuhkan sebuah negara. Berikan

saya seratus orang pemuda yang hebat, saya pasti akan jatuhkan sebuah empayar. Haaa itu kata-kata Mao Tse Tung. Apa yang disebutkan oleh Imam al-Syafie, Imam al-Syafie mengatakan "*Innafianshubarammararummah wafiakdalihim hayaataha*, sesungguhnya di tangan pemudalah terletaklah pengurusan ummah atau generasi ini dan pada langkah-langkah arah tuju merekalah bergantungnya maju atau mundurnya sesebuah syarikat ataupun negara itu. Sebab itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut bahawa negara China adalah sebuah negara yang cukup ke depan dan dia ada mengatakan bahawa kalau negara China ni bersin maka seluruh dunia ni akan meriang. Meriang ni minta maaf dengan izin meriang ni yang bagi tahu aku nilah Y.B. Sekinchan, meriang tu maknanya demam. Ya, demam. Tetapi tuan-tuan tahu tak untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian Rasulullah SAW dah sebut dengan izin *one thousand and four hundred years ago*, lebih daripada tu. Apa kata Rasulullah? Kata Rasulullah, *ottrobulain hattabissin*. Tuntutlah kamu ilmu walaupun kamu terpaksa belayar untuk pergi ke Negara China. Haa itu nak bagi tahu. Sebab itu hari ini, kita tengok bahawa banyak perkara yang telah dipertikaikan oleh yang kita dengar tadi daripada pembangkang dan juga daripada kita nak tahu apa benda ni, *Smart* Selangor ni apa dia? *Service Oriented People Sentric Result Oriented*, Pembangunan berkualiti sebenarnya ok. Saya nak ambil sat-satu ni lah. Kita ambil *Smart*. *Smart* ni orang boleh fikir macam-macam tentang *Smart*. Ada perompak-perompak yang merompak rumah-rumah kediaman dan wang di mesin-mesin ATM di waktu malam tanpa disedari oleh masyarakat sekelilingnya. Mungkin mereka mengatakan mereka golongan *Smart*. Ada penyamun-penyamun yang masuk rumah taman-taman perumahan dan menyamun di waktu siang melalui pelbagai cara dan muslihat, mungkin mereka juga mengatakan mereka itu *smart*. Ada juga pemimpin yang juga menipu rakyat dengan mengubah istilah rasuah kepada derma peribadi sehingga melibatkan RM2.6 bilion. Depa mungkin katakan juga dia juga *smart*, tetapi apa yang saya nak bagi tahu bahawa ya tadi kita dengar yang saya sebut tadi itulah yang *Smart* Selangor *Service Oriented People Sentric Result Oriented*, Pembangunan berkualiti. Semua ini saya nak bagi tahu saya cukup setuju bahawa semua ini hendaklah berlandaskan agama. Mana-mana agama dalam dunia ni kita kena ingat senantiasa mengajar kita buat benda yang baik antaranya kalau kita tengok kitab-kitab daripada orang India sendiri daripada *Tirukural*, *Tiruarupavedas*, dan *Ramayanas*. Hari ini minta saya dengan izin saya nak baca sikitlah. Ini banyak ni! Ya banyak, ni buku *Tirukural*. Haaa ni *Tirukural with English version*. Saya tak nak baca banyak sangat sebab dia banyak sangat *chapter*. Hari ini saya pilih *chapter 52*. Lima puluh dua juga? Haa *chapter 52*, saya terpaksa, banyak ni. Tapi di *diverses* saya nak baca dalam in English. Saya tak ada masa untuk bahasa yang dia bagi pada saya ni saya nak baca in English sahaja ya. Dia kata apa, ni apa nama *Tirukural*, ni apa nama *chapter 52*. Tentang *verse 513* dia kata apa, *select those who have gain clear perception by wisdom love descending with freedom and freedom from last*. Maknanya kita cari orang ni dia kata. Siapa nak tahu makna dia lepas ni jumpa saya. Lepas-lepas sidang. Kemudian dalam *515* juga *verse 515*, kitab ini juga menyebut *access people knowledge and ability to turn a job to success before assigning them*



*responsibility*. Dan akhirnya 516 pula dia sebut, *choose useful person proper for a job and course it to be done and appropriate time*, itu yang disebut. Kemudian juga dalam apa nama, dalam kata-kata, kata-kata yang ni.. bukan Meru tetapi kata-kata daripada Mother Theresa. Mother Theresa juga mengatakan bahawa apa yang Mother Theresa sebut, dia menyebut bahawa *at the end of your life. We will not be judge by how many diplomas we have achieve, how much money we have made, how many great things we have done. We will judge by i was hungry, you give me to eat, i was naked and you cloth me, I was homeless and you took me in*. Sebab itu saya mengatakan bahawa saya juga bawa pada hari ini, haa. *The Courts of Gandhi*. Haa ini kata-kata Mahatma Gandhi. Haa ini buku dia.. Perh banyak ni.. Sampai page.. Sampai page.. Haaa ni apa nama 252. Lima puluh dua juga? Tapi saya ambil *certain pages* je la.. Nak kata, apa kata Mahatma Gandhi. Mahatma Gandhi menyebut bahawa *a vow is a purely real act which cannot be taken in a feed of passion, it can be taken only with my eye purified and compose and with god as witness*. Dia juga mengatakan bahawa *religion is more than life. Remember that his own religion is a trust to every man and even is it stand low inner skill of philosophical comparison* dan akhirnya ini akhir pun. Ini apa namanya saya pilih ini *page 52* jugalah. Dia kata apa Mahatma Gandhi mengatakan bahawa dengan izin *I believe absolute one of gods and therefore also of humanity*. Ini nak bagi tahu semua agama sebab itulah saya mengatakan bahawa, apa yang kita tekankan semua yang kita sebut yang tadi-tadi mestilah *base* kepada agama tanpa agama tuan-tuan cakaplah apa sekalipun tetapi benda ni sebab itu saya cukup setuju apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang Maqasid Al-Syariah yang tadi yang di apa nama antaranya yang telah disentuh bukan saja oleh Y.B. Sabak tetapi juga oleh Y.B. Sekinchan ada sebut benda-benda begini. Ini penting. Dan sebenarnya terharu bila mendengar kita punya ini apa nama Menteri Besar bila dia hampir-hampir menitiskan air mata. Hampir-hampir menitiskan air mata bila melihat apa yang berlaku kepada ini Wak Suparman. Wak Suparman ni ramai tau kat Meru pun ramai Wak Suparman. Suparman, kita ingatkan Superman bukan, Suparman. Wak Suparman. Jadi saya menyokong penuh. Saya sebenarnya saya nak ingin sampaikan saya ingin bagi tahu kepada kita punya Menteri Besar sebenarnya ini apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.. Ketika surah *attamuaffinatjabbarqiaman*. Apa kata rasulullah? Ya Muaz, sekiranya kamu boleh meringankan, meringankan bebanan seorang cukup daripada orang yang berjumpa kamu daripada dia susah bebanan berbanding kamu, ringankan bebanan dia apa semua, kamu boleh. Dan dia lepas tu dia bersyukur apa semua, kamu boleh apa nama, boleh selesaikan masalah satu cukup. Pahalanya. Dia lebih baik daripada seluruh dunia dan isinya. Lebih baik daripada seluruh dunia dan isinya. Sebab itu Islam pun mengatakan *khairunnas bat anfrunlinnas*. Sebaik-baik manusia dia ini akan berupa nama bermanfaat kepada semua manusia. Tak sebut pun *khairunnas bat anfahumlilmuslimin*. Tak ada. Islam tak pernah cakap begitu. Sebaik-baik manusia dia baik pada orang Muslimin tidak ada. Tetapi dia naklah baik kepada seluruh manusia. Saya rasa setakat itulah apa yang saya nak sampaikan *Insyah*

*Allah*. Saya bagi peluang kepada orang lain. Saya difahamkan tak ramai yang.. terima kasih. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM** : *Bismillahi rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Yang Berhormat Tuan Speaker, rakan-rakan sekalian. Pertama, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan ini. Saya juga ingin menyatakan saya sempat di Parlimen melihat satu drama di mana perbahasan yang diwar-warkan dalam surat khabar boleh tak jadi sebab speaker telah membuat keputusan bahawa jika mereka yang berbahas itu mereka tidak lagi ada hubungannya dengan PAC. Ini bererti, Tony Phua kena tidak ber menjadi ahli PAC dan juga Arul Kanda tidak juga boleh membuat kenyataan dalam PAC. Tapi ini akan sibuk diperbahaskan hari ini dan seterusnya. Saya sangat tertarik dengan usaha untuk menentukan bahawa belanjawan ataupun bajet negeri Selangor ini dimantapkan daripada segi konsepnya supaya kita dapat menentukan negeri Selangor ini diurus dengan baik dan berterusan. Kita tidak boleh membandingkan bajet negeri dengan bajet persekutuan. Sebab bajet negeri hanya mempunyai had-had yang tersendiri dan persekutuan ialah satu bajet yang lebih luas dan tataranya berbeza. Walau bagaimanapun ada tiga perkara yang jelas dalam bajet negeri iaitu pendapatan kedua perbelanjaan dan ketiga berapa banyak lebihan ataupun *reserve* yang kita ada. Jadi yang sebenarnya untuk negeri digalakkan untuk menjalankan bajet yang berhemah. Sebab apa yang kita dapat kita boleh belanjakan sebab dengan cara itu kita tahu. Dan kalau tidak kita belanjakan kita dapat simpanan ataupun dipanggil dalam kenyataan adalah *reserve*. Kalau kita berbelanja lebih daripada pendapatan kita ada dipanggil defisit, kita kena juga pakai simpanan yang dulu yang kita ada. Jadi konsep ini sangat penting supaya dia akan membahagi kita tatacara untuk menilai bajet-bajet yang akan datang dan sebagai contoh kita sudah tengok bajet-bajet yang kita telah keluarkan. Satu perkara yang jelas yang kita boleh nyatakan kita tidak boleh membuat apa yang dipanggil jangkaan yang tepat. Jangkaan yang tepat itu kita tidak akan dapat lakukan. Itu sebab saya melihat dalam meneliti dalam Belanjawan Negeri Selangor itu, *supplementary budget* (bajet tambahan) bukanlah satu kesalahan tetapi satu usaha untuk menentukan ketetapan kita kerana apa yang jelas kalau kita ada duit banyak lagi kita gunakan lagi, kita ada bajet tambahan kerana kita ada duit untuk kita buat lagi perbelanjaan. Jadi dengan cara itu kita menjaga berapa banyak apa yang dikatakan pendapatan yang kita dapat kita juga menjaga berapa banyak perbelanjaan yang kita lakukan. Jadi dan simpanan yang kita lakukan. Jadi cuba kita perhatikan pengalaman tahun 2015 juga menunjukkan, walaupun kita buat bajet dan 2015 kita menunjukkan bahawa walaupun kita menjangkakan perbelanjaan kita RM2.4 bilion, sehingga sekarang kita masih bulan September yang diberikan RM1.4 ataupun RM1.5 bilion. Ini bererti kita tidak boleh jangkakan jumlah perbelanjaan yang dilakukan walaupun duit tu ada.

Kedua ini menunjukkan dikatakan bajet kita adalah *surplus* tapi dalam rancangan kita yang pada tahun 2015 ialah bajet defisit tapi kita tengok apa yang berlaku ialah perbelanjaan kita tidak meningkat cepat bukan kerana apa kerana ada kekangan yang berlaku. Oleh sebab itu, itu sebab digalakkan untuk mengadakan bajet yang berhemah dan apabila perlu ditambah, ditambah sebab sekarang oleh sebab teknologi maklumat sangat baik, Pegawai Kewangan Negeri boleh membuat *report* ataupun laporan mengenai keadaan kewangan setiap bulan bukan dua tiga bulan, setiap bulan dia boleh buat *report*. Jadi dengan cara itu kita boleh mengukur keadaan kewangan yang ada. Perkara yang saya nak sebutkan di sini ialah, pengalaman yang lepas menunjukkan kita ada apa yang dipanggil simpanan (*reserve*) tetapi simpanan yang kita ada itu bila kita ada perbelanjaan yang dipanggil defisit, kita akan gunakan simpanan tersebut. Apa yang saya hendak lakukan dan saya cadangkan negeri mesti mengumumkan tiap-tiap tahun berapa *reserve* simpanan itu.

Kedua, kita tidak boleh menggunakan simpanan tersebut melainkan untuk pembangunan. Dia tidak boleh dibelanjakan, dengan cara itu kita akan tahu kalau kita ada RM3 bilion, RM3 bilion ini akan jika kita perlu khas digunakan untuk pembangunan dengan apabila kita menggunakannya kita akan bentangkan di Dewan. Jadi dengan cara itu Dewan Negeri dapat mengukur dan mengetahui tentang apa kita guna untuk simpanan ini. Apa yang berlaku sekarang, bukan sekarang sahaja, satu dekad kita tidak boleh menyatakan simpanan ini pembangunan apa yang kita buat, tak ada. Oleh sebab itu kita mesti mengubah strategi, strateginya ialah setiap simpanan itu kita akan gunakan untuk pembangunan umpamanya untuk buat sekolah, bina masjid, bina jambatan tapi kita ada rekod daripada simpanan-simpanan ini, ini yang kita gunakan. Jadi buat masa sekarang tak ada rekod sebab dia dikumpulkan di dalam satu bajet yang secara keseluruhan. Jadi oleh sebab itu saya lihat pengalaman yang kita lihat kita mesti mengubah tatacara pengurusan perbelanjaan ini supaya kita dapat lagi lebih *targeted*, maknanya kita lebih kepada perkara-perkara yang kita hendak gunakan. Jadi pengalaman ini juga menunjukkan kita mungkin akan dapat menambahkan simpanan tetapi kita akan jaga tentang penggunaan simpanan itu dengan tertib, jadi dengan tertib. Jadi 10 tahun besok, dalam rekod Dewan Undangan Negeri simpanan negeri yang berjumlah RM6,000 juta telah digunakan untuk perkara-perkara tersebut, untuk jangka masa panjang masyarakat negeri Selangor. Itu yang kita mesti...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Pelabuan Klang, ada 5 minit lagi.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM :** Oh, jadi oleh sebab itu saya pergi subjeknya. Kedua saya akan hendak membuat kenyataan sedikit mengenai penyusunan semula air Selangor. Jadi untuk penyusunan semula air Selangor. Dua perkara yang mesti dicatat iaitu walaupun Selangor mempunyai sumber yang banyak tetapi Selangor juga berhutang dengan kerajaan persekutuan

lebih dari RM1,000 juta Selangor berhutang dengan kerajaan persekutuan, Ini bukan diambil masa sebelum 2008 lagi, dia hutang tetapi daripada RM1,000 juta itu hampir lebih kurang tapi saya tak ada *exact figure* sekarang RM800 juta adalah dari air. Pinjaman untuk membuat paip, apa semua itu dan di rekodnya dan negeri Selangor meminjam daripada kerajaan persekutuan. Saya strategi saya dan disetujui oleh kerajaan persekutuan apabila kita mengambil alih aset air Selangor ini hutang tersebut kita bayar melalui penyusunan semula tersebut supaya Selangor tidak lagi berhutang lebih daripada RM800 juta di sini. Jadi kita lakukan perkara tersebut. Itu satu untuk dibincangkan dan difikirkan.

Kedua, strategi yang kita lakukan dalam merancang pemberian air percuma itu lebih kurang 150 juta setahun kita juga telah membuat unjuran apa bila penyusunan semula industri air ini berlaku kita masukkan pembayaran air percuma itu ke dalam syarikat yang mendapat menguasai penyusunan semula tersebut. Jadi bererti bila kita masukkan begitu syarikat itu kena membayar kepada negeri lebih kurang sekarang sampai sekarang ialah RM1,000 juta supaya rizab negeri meningkat RM1,000 juta. Jadi itu baiknya untuk negeri jadi itu sebab kita perlu lihat bahawa itu akan perlu dibincangkan dalam supaya pemberian air percuma ini sekarang boleh dibuat oleh syarikat yang mengendalikan konsesi air.

Ketiga, syarikat juga mesti berjaga sebab salah satu yang belum selesai ialah tentang pembayaran kepada pemilikan SPLASH yang itu strategi yang paling penting ialah supaya kita tidak boleh membezakan pembayaran tersebut kita mesti mengadakan perundingan dengan kerajaan persekutuan supaya kita dapat menentukan kalau mereka tidak bersetuju dengan perkara ini berapa perkara yang boleh dilakukan antaranya ialah *bulk service rate* itu maknanya bayaran untuk *bulk service rate* itu juga kita kurangkan supaya kita dapat tentukan pendapatan syarikat-syarikat tersebut tidak melebihi daripada apa yang sepatutnya. Jadi saya tengok ada jawatankuasa Dewan boleh melihat tersebut dengan perbincangan dengan Lembaga Urus Air Selangor.

Perkara yang ketiga saya nak sebutkan di sini antara beberapa maklumat yang saya dapat, dan perlu dikaji oleh dalam kumpulan apa tu Jawatankuasa Dewan ialah tentang 2 kes iaitu kes kerajaan negeri mengenai 140 ekar tanah yang di Shah Alam jadi sebab itu nilai nya melebihi ratusan juta dan yang telah Kumpulan Lebar Daun yang telah dilantik PKNS pada 2002 untuk membangunkan sebidang tanah seluas 159 ekar di Seksyen 13 Shah Alam dan mereka telah diberi tempoh lebih daripada 9 tahun untuk menjalankannya dengan mesti membawa pulangan kepada PKNS RM180 juta. Malangnya mereka tidak menyiapkan perkara tersebut dan pada 2014 Lembaga Pengarah PKNS bersetuju tidak meneruskan perjanjian tersebut dan ini dapat memberi harta kepada PKNS dan nilainya tersebut.

Kedua, mengenai 100 ekar tanah di Setia Alam, Paksi Gagah Sdn. Bhd yang juga melibatkan nilai melebihi RM120 juta. Jadi nampaknya harta ini masih lagi masih lagi

belum dipegang dan dikuasai oleh pihak PKNS. Jadi saya ingat Jawatankuasa JP-ABAS boleh melihat perkara ini kerana perkara ini juga dibincang di Perbendaharaan Negara sebab wakil perbendaharaan ataupun wakil *treasury* juga ada dalam Ahli Lembaga Pengarah PKNS. Saya tidak boleh hendak sebut panjang sebab masa yang terhad. Perkara yang akhir, saya juga hendak menyebut tentang mengenai DEIG yang dikatakan tidak menjalankan aktiviti *business* tapi saya meminta pihak ABAS sendiri untuk membuat kajian, kalau dia tidak laku apa-apa kita juga membuat kajian tentang apa yang dipanggil *plenary adventure* salah satu perkara yang kita mesti tengok sebelum satu organisasi dilakukan ialah melihat berapa banyak *plenary adventure* sudah digunakan atau dilakukan. Dan adakah DEIG ini membuat transaksi ataupun urus niaga walaupun belum mendapat kelulusan muktamad dari kerajaan negeri. Ini sebagai beberapa contoh supaya bajet yang dilakukan ini dalam keadaan telus dan juga seperti yang dinyatakan di dalam bajet oleh Dato' Menteri Besar ialah bertanggungjawab yang sangat penting dalam menentukan harta-harta di negeri Selangor ini dijaga dengan penuh tertib dan penuh tanggung jawab

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Seri Serdang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang Sungai Pelek untuk membahas. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana Belanjawan 2016 Negeri Selangor memangnya satu belanjawan yang amat *Smart* selaras dengan Belanjawan Selangor 2016 yang bernama 'Membangunkan *Smart* Selangor Yang Peduli' saya amat bersetuju dengan Belanjawan 2016 yang diperuntukkan Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan dibahagikan secara 50/50. Jika dibandingkan dengan Belanjawan Persekutuan yang memperuntukkan pembangunan yang tidak melebihi 20% dari jumlah keseluruhan peruntukan. Belanjawan Negeri Selangor 2016 memang berhemah tinggi. Belanjawan Selangor bukan sahaja menumpu perhatian di pembangunan kawasan bandar tetapi juga tidak mengabaikan pembangunan di luar bandar. Di bawah rancangan pembangunan luar bandar, kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan-jalan kampung, membaik pulih dan membina balai raya serta jabatan pembangunan. Pembangunan ekonomi, nelayan, petani dan penternak serta pembangunan kampung baru amat memanfaatkan penduduk luar bandar. Kehidupan penduduk luar bandar lebih selesa. Taraf hidup penduduk dapat dipertingkatkan. Pembangunan Industri Pelancongan banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara terutama pada masa kegawatan ekonomi seperti yang sedang berlaku sekarang. Sektor pelancong bukan sahaja boleh menarik masuk wang asing tetapi juga menggalakkan rakyat tempatan melancong dalam negeri sendiri. Yang seterusnya, mengurangkan pengairan keluar wang ringgit. Memandang Sepang, KLIA merupakan pintu masuk antarabangsa maka kawasan Sepang harus

dipertimbangkan salah satu lokasi dalam pembangunan dalam sektor pelancong negeri Selangor. Tuan Speaker, pembangunan berkualiti rakyat di peduli, yang sedang dalam menghadapi tuntutan semasa. Setiap rakyat di negeri Selangor kaum mestilah menikmati di kehidupan yang berkualiti mempunyai rumah yang selesa dan mampu milik khususnya di kalangan generasi muda yang baru berumah tangga dan golongan berpendapatan rendah. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk meneruskan Skim DanaSel dengan jumlah peruntukan sejumlah RM10 Juta melalui kadar sewa dan milik bertujuan untuk membantu golongan pendapatan rendah. Sungai Pelek memohon agar Kerajaan Negeri Selangor mendirikan rumah sewa dan milik atau rumah mampu milik di DUN Sungai Pelek. Tuan Speaker, terima kasih Kerajaan Selangor juga pentingkan pembangunan generasi muda dan sukan terutamanya bola sepak. Sukan adalah satu platform untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum. Di sini Sungai Pelek ingin memohon pihak Kerajaan Selangor mengkaji semula dan membuat kajian terperinci berkenaan dengan permohonan pembangunan pembinaan kompleks sukan atau mini stadium untuk penduduk di bahagian selatan DUN Sungai Pelek. Diharap usaha untuk menjadi menrealisasikan pembinaan tersebut dipertingkatkan kompleks sukan tersebut ditingkatkan dengan bersungguh-sungguh untuk kegunaan rakyat setempat kerana kerajaan memberi jawapan. Di DUN Sungai Pelek *sport* kompleks di utara iaitu di Cyberjaya tetap kedudukan Cyberjaya sejauh 35 km dari bahagian selatan Sg Pelek yang pesat membangun. Akhir sekali Sungai Pelek amat yakin dengan belanjawan dan pengurusan Kerajaan Selangor *smart* dan berhemah. Kami pasti dapat menawan Putrajaya pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarukatu*, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam satu Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan bajet dengan tema membangun *Smart* Selangor yang peduli. Saya kurang bersetuju dengan jiran saya Yang Berhormat Sungai Pelek tadi berkenaan tema belanjawan kita pada kali ini. Walaupun tema nampak gah tetapi saya rasa banyak yang boleh dibaiki dan di persoalkan. Terutamanya, Sekinchan belum lagi ya. Baru mukadimah. Pertamanya saya hendak bandingkan dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan dari 3.2 deposit turun kepada 3.1 dan insya-Allah pada tahun 2020 ini kerajaan Persekutuan akan memperolehi bajet berimbang itu kita punya sasaran.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mencilah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Nanti. Ini baru dia mukadimah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Hendak beri atau tidak pada Taman Medan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya hendak beritahu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Belum beri lagi. Taman Medan duduk dulu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Sekejap lagi ya. Taman Medan Sekejap lagi. Saya nampak apa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bantah pada belanjawan pada kali ini. Kita bandingkan pada tahun 2015 RM452 Juta deposit, dan kemudian pada tahun 2016 anggaran bajet deposit RM630 Juta. Yang ini saya juga bersetuju dengan sahabat, bekas sahabat Yang Berhormat Dato' Menteri Besar DUN Pelabuhan Klang tadi yang mengatakan bahawasanya, bahawasanya kalau kita hendak membuat sesuatu bajet itu, seperti mana yang ditunjukkan sebelum ini bajet berimbang tetapi akhirnya bila hasil bertambah kita adakan *supplementary* bajet (dengan izin) bajet tambahan. Jadi secara tidak langsung, kita ada ADUN-ADUN dalam dewan ini juga boleh mengamalkan prinsip semak dan imbang, *check and balance*. Dalam masa setengah tahun kita kembali balik ke dewan untuk, Yang Berhormat hendak gulung?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Pinang bangun. Beri laluan tak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tapi saya bagi Puan Haniza dahulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Tadi Dengkil, cakap ada penyusutan dari segi defisit, adakah penyusutan ini disebabkan dapat derma RM2.6 Bilion?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tidak ada kena mengena dengan derma. Derma bukan duit kerajaan. Itu derma seperti mana yang telah dinyatakan oleh pihak SPRM semuanya sudah setuju. Sekinchan pun sudah menyokong SPRM dan saya rasa kita *pass subject* saya bagi laluan kepada Sungai Pinang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Timbalan Speaker, saya tertarik dengan hujahan daripada rakan saya daripada Dengkil yang bersetuju sepatutnya bajet imbang dikemukakan di dewan supaya kita dapat kaji. Dan beliau sudah tentu tidak bersetuju dengan bajet deposit. Tapi saya masih ingat lagi semasa Pelabuhan Klang menjadi Dato' Menteri Besar apabila semasa dia membantah bajet berimbang Dengkil pun bantah. Dulu lain, sekarang pun lain.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Dulu tidak kawan. Sekarang bolehlah, sikit-sikit. Itu soalan mengacau saya itu. Yang kedua, saya teruskan ya. Jangan ganggu fokus saya, *concentracion*. Ok, saya hendak teruskan dengan

menyentuh hasil. Hasil Kerajaan Negeri yang paling tinggi bayaran premium dan yang paling rendah cukai hiburan. Saya hendak disebutkan di sini, cukai hiburan naik dari tahun demi tahun. Tahun 2007 masa itu zaman BN awal-awal, akhir-akhir, akhir-akhir memerintah masa itu, masa itu RM21 Juta sahaja kutipan cukai hiburan. 2011 naik RM36 Juta. kemudian naik lagi Sekinchan. 2014 naik lagi RM49 Juta. 2015 RM51 Juta (anggaran) dan 2016 RM55 Juta. Maksudnya cukai hiburan ini untuk makluman Yang Berhormat sekalian ia berkadar terus dengan tumbuhnya bagaikan cendawan, pusat-pusat hiburan di dalam negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta pencerahan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, minta. Belum bagi lagi. Sekejap lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, ini yang ada potensi menjadi Ketua Pembangkang patut ditampilkan, saya ucapkan tahniah. Soalan saya ialah 2007, RM21 juta waktu Barisan Nasional pada waktu itu semua hiburan pun ada seperti sekarang ini juga. Kenapa hanya kutip RM21 Juta sekarang boleh kutip RM56 Juta sedangkan lesen baru kita tapis. Maknanya, setuju atau tidak waktu pada 2007 Barisan Nasional tidak tahu kutip duit, bocor sana bocor sini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN IN ABDUL RAZAK** : Ok. Bagi saya penjelasan dan jawab terus daripada

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Jawab Dengkil, bukan saya. Itu kena tanya Dengkil.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan-soalan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN IN ABDUL RAZAK** : Dengkil ini bukan potensi menjadi ketua Pembangkang dia potensi menjadi Menteri Besar.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Itu pun hendak kacau *line* tu, nanti kecil hati Dato' Menteri Besar. Ok. Masa itu kalau ikut rekod pusat hiburan ini tidak banyak yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Ia. Tengok rekod. Nanti, hari ini saya tidak bawa keratan akhbar. 700 sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dengkil, Kampung Tunku minta

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Beribu-ribu pusat hiburan bersepah di negeri Selangor ini. kita diberi ... dipersilakan Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Kampung Tunku.



**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kita kembali kepada balik kepada Sejarah. Saya tidak pasti tapi berbalik kepada sejarah bila Selangor serah kepada Kuala Lumpur kepada Persekutuan pada tahun 1974 dijanjikan bahawa Selangor berhak mendapat cukai yang dijana oleh kawasan Kuala Lumpur. Jadi bukannya benar sebahagian penambahan ini juga disumbangkan oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kalau kutipan cukai hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu naik dia mestinya disumbangkan kepada kerajaan negeri Selangor sebagai janji Persekutuan kepada negeri Selangor. Jadi, itu barangkali salah satu sebab mengapa ia naiklah. Jadi terima kasih kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Itu saya tidak pasti fasal Kuala Lumpur tapi yang pasti hasil daripada pengambilan kajian persekutuan untuk Kuala Lumpur diberikan kerajaan negeri. Hasil kehilangan Putrajaya juga diberikan kepada kerajaan negeri. Kita boleh tengok anggaran hasil. Ok. Saya teruskan saya tidak mempunyai banyak masa 15 minit lagi Tuan Timbalan Speaker, saya perlukan ada dua tiga perkara nak saya bangkitkan ini berkenaan dengan hiburan juga tadi. Saya “*confuse*” sekarang ini masa Sungai Pinang memegang EXCO PBT, dia mencadangkan supaya enakmen cukai hiburan ini dipinda, diperketatkan, dikuatkuasakan sekarang ini apa nama PBT boleh hanya menyita dan boleh memberi denda sebanyak RM1,000 sahaja. Itu saya ingat lagi janji Yang Berhormat Sungai Pinang semasa menjadi EXCO tetapi jawapan saya, jawapan mulut yang diberikan kepada saya secara bertulis oleh Yang Berhormat EXCO menyatakan bahawa enakmen hiburan ini tidak akan dipinda. Jadi saya minta kepastian daripada Kerajaan Negeri supaya perkara ini diambil berat lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah terjah longkang, dah terjah tempat sampah apa salahnya dengan bersama-sama dengan penguat kuasa menerjah pusat-pusat hiburan, karaoke ke, pusat judi siber dan sebagainya. Ini menunjukkan kepedulian kita untuk membanteras apa yang dipanggil pusat-pusat hiburan ini sesuai juga dengan apa yang dipanggil “*baidatul taiibah rabbun gafur*” dan juga prinsip Maqasid Syariah yang telah diperkenalkan atau pun dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya beralih kepada isu lain iaitu isu yang mengenai kesejahteraan rakyat, isu kesejahteraan rakyat ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk pertamanya untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi fasal loji rawatan air yang baru RM778 juta banyak itu. Kedua-duanya di DUN Dengkil, satu di Lebuan Dagang, satu di Jenderam Hilir. Saya nak kepastian daripada Kerajaan Negeri RM778 juta ini, kos ini amat tinggi siapakah yang membiayainya, adakah Kerajaan Negeri ataupun pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan melalui PAAB ataupun pinjaman daripada Bank atau sebagainya. Saya nak tahu bila dibina dan bila juga bakal disiapkan. Seterusnya mengenai kesejahteraan rakyat juga iaitu bagaimana Kerajaan Negeri boleh menambah baik apa yang dikatakan sistem pengangkutan awam Negeri Selangor. Saya juga mengalu-alukan komitmen daripada Kerajaan Negeri mengunjurkan 60/40 nisbah pengangkutan awam menjelang tahun 2020.

Peruntukan sebanyak 990,000.00 disediakan namun untuk “*improve*” dengan izin pengangkutan awam ini Kerajaan Negeri juga mesti ada *Smart* Selangor, *Smart “partnership”* dengan Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti SPAD dan agensi-agensi lain supaya pelan pengangkutan. Ini dapat dioptimumkan dan dilaksanakan dengan jaya bukan di atas kertas semata-mata. Yang kedua memberi kerjasama juga dengan Kerajaan Persekutuan untuk membina Lebuhraya baru. Saya mengalu-alukan Lebuhraya baru jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi berkenaan dengan Lebuhraya DASH dan saya juga harap ada lagi lebuhraya lain seperti Eas Klang Valley Way, EKVE dan Sungai Besi Ulu Kelang Express Way, SUKE, ini juga perlu diambil kira dan saya kira kita bila dah diluluskan secara dasar jangan tarik “*handbrake*” macam apa yang telah terjadi dengan Lebuhraya KIDEX tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan bawa-bawalah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mahupun dengan Syarikat Konsesi tentang apa sahaja komitmen yang perlu dipatuhi.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dengkil Kinrara minta mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Dipatuhi oleh pihak konsesi seperti masalah jajarannya, dari segi trafik kadar tolnya dan lain-lain lagi. Silakan sahabat saya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Saya ingin memohon pandangan YB Dengkil apakah pandangan YB Dengkil dengan kenaikan kadar tol, 18 lebuhraya baru ini? Bolehkah Kerajaan Negeri Selangor berbincang dengan Kerajaan Pusat?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih soalan itu saya tunggu-tunggu daripada Kinrara. Saya pergi kepada topik yang seterusnya iaitu berkenaan dengan Lebuhraya bertol ini. Tuan-tuan Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Persekutuan sebelum melaksanakan proses rasionalisasi subsidi telah banyak membantu rakyat dengan membayar pampasan yang besar kepada Syarikat Konsesi Tol untuk mengekang kenaikan harga tol sejak 2008 sehingga 2013 - 1.1 bilion, 2014 sahaja 403 juta telah diberikan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI**: Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER**: Dengkil, Kota Anggerik mohon mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF**: Syarikat Konsesi 2015

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI**: Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sehingga Januari hingga 14 Oktober, sekejap ya sebelum penyelarasan tol di 18 Lebuhraya pada 15 Oktober Kerajaan Persekutuan sudah bagi TM510 juta, keseluruhannya hampir RM2 bilion dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Adakah Yang Berhormat Dengkil.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Adakah Yang Berhormat Dengkil sedar dalam manifesto pilihan raya yang lalu Yang Berhormat Perdana Menteri berjanji kepada rakyat akan menurunkan kadar tol?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok terima kasih Kota Anggerik, itu terdapat dalam ucapan saya yang seterusnya. Saya nak tanya balik kepada Kerajaan Negeri untuk Negeri Selangor yang menikmati pampasan tol ini rakyat Negeri Selangor jumlah pampasan yang telah diberikan kepada Konsesi di Negeri Selangor hampir 800 ke 1 bilion dan satu lagi saya nak bagi tahu jumlah pampasan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan hampir RM523 juta. Saya nak ambil contoh KESAS, KESAS pada tahun 2007 diberikan pampasan RM150 juta kemudian pada tahun 2012 diberikan pampasan sebanyak RM80 juta. KESAS, PKNS ada 30%, SPRING, KPS, Kumpulan Perangsang mempunyai 20% saham tahun 2009 Kerajaan Persekutuan bagi RM30 juta, 2010 - RM48 juta, 2011 – RM54 juta, 2012 – RM66 juta, 2013 – RM59 juta, 2014 – RM66 juta. Total RM332 juta campur RM200 juta lebih kepada KESAS - RM530 juta. Persoalannya.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepang minta mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Ok All right.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Saya tertarik dengan fakta ataupun bacaan daripada Yang Berhormat Dengkil sedarkah Yang Berhormat Dengkil bahawa konsesi tol itu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah merupakan banyak kelemahan sehingga seolah-olah dalam perjanjian itu tidak ambil kira tentang aspek keprihatinan kepedulian kepada rakyat sehingga menyebabkan setiap hampir tiga tahun tol terpaksa *review* ataupun dinaikkan kadarnya. Dan jadi mengakibatkan kerajaan terpaksa bayar balik pampasan kepada konsesi tersebut.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjung Sepat tetapi sebab itulah pada masa sekarang ini konsesi tol telah pun ditambah baik dari masa ke semasa umpamanya di Sarawak tol dah *free* kemudian saya rasa dengan kerjasama dengan kerajaan Negeri juga nanti konsesi tol yang berada di Negeri Selangor ini akan ditambah baikkan juga dari masa ke semasa. Saya nak tekankan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga minta.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Dengkil, rakan saya dalam JP-ABAS, saya ingin bertanya kalau benarlah pampasan-pampasan ini baik dan menambahkan atau meringankan bebanan kepada pihak konsesi ya. Kenapakah tol Batu Tiga yang sepatutnya tamat konsesinya tamat 2018 telah dibuat konsesi tambahan sebanyak 4 kali sehinggakan konsesi itu disambung 2038? Jadi pada khidmat saya kalau ada duit daripada Kerajaan Persekutuan dan konsesi-konsesi ini telah pun mendapat jumlah kewangan yang mencukupi ini tidak perlu disambung. Malah mansuhkan sekarang pun dah cukup sebab Batu Tiga merupakan Tol Batu Tiga merupakan tol yang paling tinggi kutipannya di Malaysia. Sila jawab.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih saya ini nak jawab nanti takut orang kata saya Menteri Kerja Raya pula tapi sebenarnya kita pun, UMNO pun memperjuangkan isu Tol Batu Tiga Insyallah kita selesaikan secepat mungkin.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kalau macam itu. Mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga minta mencelah lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mencelah lagi, saya nak tutup dah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya nak tanya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kalau macam itu *insya-Allah* lepas sidang dewan ini saya akan buat satu demo untuk batalkan atau mansuhkan tol Batu Tiga harap Dengkil dan rakan-rakan bantu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh kita sama-sama jangan risau untuk rakyat Negeri Selangor, UMNO boleh *lead* kalau Batu Tiga nak bersama-sama dengan UMNO, Kota Anggerik pun boleh.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Macam mana dengan Lebuhraya Damansara Puchong LDP yang telah tidak dapat menampung lebih banyak kereta lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ialah KIDEX, kalau setuju KIDEX setuju ok *line clear*, ok *last*.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Macam mana dengan LDP.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sudah-sudah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Yang sudah tidak dapat menampung kenderaan yang lebih, kenapa boleh dinaikkan tol lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok-ok saya dah faham.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Kinrara dah faham soalan tadi. Sila

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Kinrara kalau boleh meyakinkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar *on* balik KIDEX saya sokong Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Apa kena LDP dengan KIDEX, sedarkan YB Dengkil. Dengan kenaikan 50sen di LDP. LDP akan mendapat keuntungan bersih sebanyak RM100 juta satu tahun, adakah kenaikan itu munasabah. Tolong jawab YB Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya jawab ini. Perlukah lebuhraya baru.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Adakah kenaikan tol ini munasabah?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Kinrara dah faham soalan itu sila Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok Tuan Speaker akhirnya saya menutup ucapan saya hari ini dengan ingin memberikan nasihat kepada Kerajaan Negeri, saya ingin menyeru dan menasihati Kerajaan Negeri agar bekerja keras, bekerja demi kuat lagi demi rakyat jangan banyak berpolitik walaupun kita tidak tahu siapa yang berkuasa di Negeri Selangor ini sama ada Pakatan Harapan ataupun Kerajaan Pakatan Rakyat yang dikatakan sudah berkubur ataupun kerajaan yang menyokong Azmin Ali walaupun ada diwar-warkan ada "*team presiden*" ada "*team timbalan presiden*." Walaupun dah ada ura-ura DAP nak membahagikan harta

rampasan perang dengan nak mengambil kerusi PAS tetapi hentikanlah semua ini untuk kita fokus kepada berkhidmat untuk rakyat dan membangunkan Negeri Selangor ini. Negeri Selangor yang kita cintai rakyat didahulukan pencapaian diutamakan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNOL BAHARUDDIN:** *Bismillahi rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas untuk menyokong belanjawan di Selangor 2016. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan bajet 2016 dengan tema membangun SMART Selangor yang peduli. Tahniah juga kepada Barisan EXCO dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah membantu dan memberikan cadangan dan maklum balas dengan bajet yang telah disediakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pada pandangan saya ini adalah bajet yang dapat memenuhi kehendak rakyat Selangor Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengemukakan idea-idea baru, pendekatan-pendekatan yang baru memperkukuhkan lagi program-program pembangunan dan memperkemaskan lagi program-program kebajikan untuk rakyat Negeri Selangor. Di dalam mukadimah belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada disebut bahawa negara telah dilanda jerebu politik dan jerebu ekonomi. Walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan bajet defisit tetapi akhirnya kita akan dapat lebih dalam akaun negeri pada tahun ini *insya-Allah* dan pada tahun hadapan *insya-Allah* kerana belanja secara berhemah dan tidak boros dan tidak rasuah. Berbanding dengan kerajaan pusat yang telah mempunyai bajet defisit selama 18 tahun berturut-turut yang mana hutang negara juga melebar daripada 200 bilion sehingga kini mencecah 800 bilion. Inilah jerebu politik yang menyebabkan rakyat semakin lemas dan terus dibebankan oleh GST, kenaikan tol, kenaikan harga minyak, kenaikan tarif elektrik dan kenaikan harga barang yang lain dan isu perkauman dan adu domba terus dimainkan dan ayat yang antara yang popular yang disebut oleh Batang Kali semalam Peterpan menjadi kuda tunggangan DAP. Saya pun tak tau mana Peterpan. Dan begitu juga gelaran-gelaran dan label yang lain yang telah disebut oleh ramai pihak dan di dalam Al-Quran dalam surah Al-Hujrat ayat 11 jelas menunjukkan bahawa gelaran-gelaran dan juga panggilan-panggilan seumpamanya adalah tidak munasabah. Dan tekad Kerajaan Negeri untuk tidak membentangkan belanjawan tambahan telah dibuktikan untuk tahun ini dan tahun hadapan *Insya-Allah* dan akan diteruskan langkah ini amat bijak dan kerajaan akan merancang perbelanjaan dengan lebih teliti dan dengan lebih tepat lagi. Sekiranya ada keperluan sebagaimana kita sedia tahu bahawa belanjawan tambahan ini bukanlah perkara yang dilarang. Bukan salah tapi kalau ada keperluan yang mendesak maka tentulah perkara itu dapat dipertimbangkan. Bukan perbelanjaan

yang kita tahu untuk membayar gaji, pembangunan yang kita dah tahu, pembangunan yang saban tahun kita lakukan maka perbelanjaan tambahan itu tidak diperlukan. Dan dalam belanjawan juga telah disebut bahawa terdapat peruntukan 208.07 juta iaitu sebanyak 14% diperuntukkan untuk pembangunan sosial untuk meneruskan program merakyatkan ekonomi Selangor program air percuma sebanyak 170 juta dan lain-lainnya saya kira program ini telah dilaksanakan dengan berkesan sehingga sampai ke sasarannya dan yang paling penting adalah sampai ke hati rakyat. Yang mana hasil daripada program-program inilah saya kira segala maklumat dapat kita sampaikan terus kepada rakyat dan juga segala kebaikan tersebut dapat dirasai oleh rakyat. Program bantuan pendidikan kepada sekolah agama rakyat, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil telah memberi manfaat yang sebaiknya untuk sekolah yang telah menerimanya. Cuma apabila saban tahun sekolah ini menerima bantuan dan apabila ditanya adakah dilakukan audit atau dilakukan semakan terhadap bajet yang telah kita berikan ternyata kadangkala tidak ada perkara tersebut dilakukan. Cuma apabila untuk tahun hadapannya memohon untuk tahun yang baru maka itu adalah pertimbangannya jadi saya kira dengan kita kenakan syarat kepada bantuan-bantuan yang telah kita berikan kepada sekolah agama rakyat, sekolah Tamil dan sekolah cina ini dan lain-lain bantuan maka laporan haruslah dihantar ke UPEN dengan ini dan kalau boleh ada salinan kepada Yang Berhormat kawasan dengan ini akan dapat kita memantau, dapat memanfaatkan bajet yang kita telah berikan. Dan dalam bajet juga untuk pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM18 juta untuk membina Maahad Tahfiz dan juga RM52 juta untuk MTIS Maahad Tahfiz Integrasi Sains di Pandan dan Bagan Lalang dan lain-lain RM3 juta untuk di Bagan Terap untuk menaiktaraf namun apa yang telah diluluskan kerajaan negeri untuk Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar saya dikhabarkan sebanyak RM20 juta tapi tidak dilaksanakan sehingga kini. Di mana kemudahan di Maahad Tahfiz Jugra ini amat kurang dari sudut infrastruktur sukan, surau terpaksa diasingkan lelaki dan perempuan dan apabila waktu bulan puasa mereka bersolat tarawih di bawah khemah dan ini adalah perkara yang harus disegerakan dan minta perhatian kerajaan negeri untuk menyelesaikan perkara ini. Dan seterusnya berkaitan dengan bas *Smart* Selangor yang telah diperkenalkan di MBSA dan juga MBPJ dan pada tahun ini pada tahun hadapan telah diperuntukkan Ampang Jaya dan Kajang (MPKj) 10 juta dan untuk saya kira untuk majlis daerah yang tidak mempunyai bajet yang cukup untuk melaksanakan program ini tentulah saya kira kerajaan negeri mengambil perhatian laluan-laluan di daerah Kuala Langat di daerah Kuala Selangor dan juga daerah Sabak Bernam di harap Kerajaan Negeri mengambil perhatian masalah ini. RM196.1 juta naik taraf jalan negeri telah diperuntukkan yang mana sebagai contohnya jalan negeri yang telah dinaiktaraf iaitu di B58 Jugra - Banting yang mana saya bertanya soalan di dewan ini yang mana tiga kali lanjutan masa telah diberikan dan jawapan yang telah diberi antaranya masalah pemindahan utiliti, masalah rumah ibadah yang berada di atas laluan jalan raya maka perkara ini saya kira kalau sekali atau dua kali lanjutan masa diberikan tentulah munasabah tapi sehingga tiga kali lanjutan masa dan juga antara masalah yang telah disebut oleh Jurutera Daerah bahawa kontraktor ini agak bermasalah

untuk menyusun jadual dan kontraktor ini tidak mahu melantik “Sub-Con” antara yang telah disebut kepada saya maka saya kira perlulah perkara ini diperhatikan dan dikenakan tindakan yang tegas terhadap pemaju dan sepanjang pembinaan jalan raya ini terdapat banyak masalah yang mana kita menjangkakan apabila jalan itu semakin siap tentulah kemudahan itu semakin sempurna tetapi saya kira daripada mula dibina hingga ke peringkat 80% pun banyak masalah banyak lubang, banyak kemalangan yang telah berlaku. Ada kemalangan maut juga telah berlaku. Saya kira perkara ini harus diambil perhatian oleh agensi pelaksana untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku. Dan untuk pembangunan di luar bandar RM40.48 juta iaitu naik taraf jalan kampung. RM5.65 juta untuk pembangunan ekonomi nelayan, penternak. RM5 juta untuk Kampung Baru saya kira cadangan ini amat baik. Walaupun mungkin kalau kita 9 daerah, mungkin satu daerah hanya dapat RM1 juta sahaja saya kira ini tidak mencukupi yang mana apabila kita melihat suasana jalan-jalan kampung dalam negeri kita ini agak kadangkala ada yang tidak diturap sekian lama ini mengakibatkan suatu cakap-cakap rakyat kita ada simpanan berbilion tapi jalan-jalan kita, kemudahan kita agak tidak setaraf dengan negeri kita yang maju. Juga saya ingin menyentuh mungkin perkara ini adalah telah diamalkan, telah diambil perhatian cuma penegasan saya kira itu soal tender terbuka dan monopoli dan apabila dalam tender terbuka ini pihak agensi yang telah memilih sesuatu kerja itu hendaklah memastikan harga tidak terlalu rendah sehingga mengakibatkan kualiti kerja terjejas. Dan yang akhir saya ingin menyebut berkaitan dengan menghapuskan cukai taksiran rumah kos rendah, rumah kampung, fee lesen perniagaan pasar malam dan pasar tani yang mengakibatkan kekurangan di pihak PBT sebanyak 41.7 juta saya kira cukai taksiran ini haruslah kita perhatikan dari segi sasarannya. Kadangkala cukai taksiran rumah kos rendah ini sudah menjadi rumah kalau tidak rumah mewah pun telah pun dibuat *extension* dan seumpamanya. Adakah pihak kerajaan negeri akan menghapuskan semua secara pukal kawasan-kawasan tertentu yang dianggap rumah kos rendah ataupun ada pertimbangan-pertimbangan lain dari segi mungkin fees cukai pintu tersebut telah ditingkatkan kerana tuan rumah telah buat *extension* atau seumpamanya ataupun rumah kos rendah ini telah diberikan kepada, telah disewakan kepada warga asing yang mendatangkan pendapatan yang lumayan jadi saya kira perkara itu haruslah dipertimbangkan memastikan sasaran untuk kita sampai kepada pihak yang kita hendaki. Jadi akhirnya saya ingin membaca surah Al-Ahzab ayat 72 yang bermaksud Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah kepada seluruh langit dan bumi serta gunung dan ganang maka semuanya enggan memikul amanah itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya dan dipikul amanah itu oleh manusia sesungguhnya manusia itu banyak membuat zalim dan bodoh. Jadi saya berkata untuk diri saya sendiri dan semua yang berada di dewan ini untuk melaksanakan tugas dan amanah kita kepada Allah dan kepada masyarakat dan rakyat keseluruhannya. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*



**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat sekalian, oleh sebab ramai yang nak berbahas kita minta kita menghormati masa tidak lebih 10 minit seorang lepas ini. Dipersilakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Batu Tiga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang mana belanjawan kali ini dengan tema membangunkan *SMART* Selangor yang peduli yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dato' Menteri Besar telah pun menetapkan *Smart State* sebagai satu agenda negeri antara lain Belanjawan 2016 ada disebutkan mengenai pembangunan Sungai Klang, Pelan Induk Pengangkutan Awam Selangor, TOD (Transit Oriented Development), Perancangan Pengurusan Sisa Pepejal yang mana ianya pembangunan fizikal yang begitu mampat dan cantik dan perlu dilaksanakan di Selangor. Dicadangkan agar semua inisiatif ini diletakkan di bawah satu kerangka yang lebih strategik untuk menjana potensi Selangor ke tahap yang lebih tinggi. Tuan Timbalan Speaker, saya mencadangkan selain perkara yang dinyatakan di atas sebagai contoh kita mahu negeri Selangor juga mengamalkan dan mengambil beberapa perancangan yang telah dinyatakan oleh *United Nation* dalam pembangunan bandar dan peranan negara iaitu kalau boleh kita mahu elemen-elemen peringkat global seperti pelancaran *United Nation Sustainable Goals 2015* yang menggantikan *UN Millenium Delevelopment Goals MDG* ataupun menyedari satu pendekatan holistik termasuk penggunaan kriteria *livable city* atau dalam bahasa Melayu dipanggil berdaya huni dan *juga monocle the most livable city index* diambil ukuran apa yang kurang sedikit di dalam perbelanjaan bajet kali ini kita lihat aspek keselamatan ataupun *personel safety* untuk memastikan jenayah tidak meningkat di Selangor ini mungkin tidak ada ataupun tidak dinyatakan berapakah perbelanjaan yang ingin diberikan. Oleh itu saya merasakan rakyat negeri Selangor telah sampai masanya untuk rasa aman dan selamat untuk duduk di negeri ini selain daripada kita mengukur dari aspek yang lain. Tuan Timbalan Speaker, bila dapat digabungkan segala cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh ADUN-ADUN sebelum ini termasuk ADUN Kajang yang telah pun memberikan satu cadangan *innovative state* adalah baiknya jika semua komponen yang sudah diumumkan dalam Belanjawan 2016 terutamanya *Smart State* peluang untuk negeri Selangor juga menggabungkan konsep *sustainable and livable state* ataupun negeri yang lestari dan negeri yang berdaya huni ini diletakkan supaya akhirnya *smart state* merupakan di antara elemen *holistic state* yang perlu kita ambil kira. Ini akan menjadi satu penanda aras baru pendekatan pembangunan untuk negeri Selangor kerana semua elemen dan komponen sudah sedia ada hanya diperlukan adalah untuk disusun atur dalam satu dasar pembangunan negeri yang lebih terurus dan terarah. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang isu yang berbangkit yang dinyatakan dalam belanjawan tentang isu wanita. Saya ingin berkongsi dan ingin nyatakan di sini bahawa kerajaan negeri Selangor perlulah mempamerkan segala keseriusan dalam menyejahterakan dan mempeduli aspek isu-isu wanita Selangor. Antara perkara yang perlu dilaksanakan bagi

memperlihatkan keseriusan ini adalah dengan mengambil cadangan-cadangan daripada UN *Women Progress of World's Women 2015, 2016* dengan izin iaitu pertama Kerajaan Negeri Selangor juga mesti menekankan atau mencipta lebih pekerjaan untuk wanita bagi meningkatkan status ekonomi mereka terutamanya bagi wanita ibu tunggal dan wanita-wanita yang memerlukannya. Saya rasa program yang dilaksanakan oleh Hijrah itu telah pun memulakan langkah tetapi aspek atau pun untuk mencipta lebih banyak peluang-peluang ekonomi perlu diberikan penekanan. Yang keduanya jaminan keselamatan kewangan sepanjang hayat. Wanita untuk mesti diutamakan dan mesti jelas mekanismenya. Saya rasa caruman Wanita Selangor yang telah pun diwar-warkan atau pun diminta oleh ADUN-ADUN sebelum ini perlu dan wajar diberikan atau pun diberi tumpuan dan dikaji supaya akhirnya dapat di laksana. Yang ketiganya kerajaan yang prihatin wajar melabur dalam perkhidmatan yang gender responsif. Yang keempatnya memaksimumkan sumber untuk mencapai kesaksamaan substantif. Kelima memberi sokongan padu pada organisasi wanita dalam menuntut keadilan dan membentuk agenda polisi dari segi semua peringkat pembuat dasar.

Komitmen kerajaan Selangor untuk melihat 30% wanita di semua peringkat ini perlu diberikan penekanan dan program pembangunan kepimpinan mestilah ditekankan. Yang keenam, kerajaan Selangor mestilah mengurangkan pengasingan pekerjaan dan jurang pendapatan gender atau pun gender *pay gap* dengan izin. Yang ketujuh kerajaan Negeri Selangor mestilah mengurangkan dan mengagihkan semula kerja penjagaan yang tidak bergajaran dengan izin *unpaid care* dan tugas rumah tangga ataupun *domestic works* yang mana ia perlu selain daripada *affordable care* yang telah kita buat perlulah diberikan tumpuan. Yang kelapan menyediakan *environment* yang sesuai untuk merealisasikan hak-hak wanita. Yang kesembilan, yang ini saya yakin ia adalah satu perkara yang penting iaitu menggunakan standard yang diperakui hak keinsanan atau Mahkamah Syariah untuk mengolah polisi dan sebagai pemangkin atau pun dorong perubahan. Dan akhirnya kesepuluh walau bagaimanapun kita bincangkan aspek wanita, menjana data dan maklumat sebagai bukti untuk membuat penilaian tentang kemajuan status dan hak ekonomi dan sosial wanita mesti diberi tumpuan.

Oleh itu, pastinya ia tidak cukup hanya dengan peruntukan sebanyak RM3 juta yang telah dinyatakan, saya mohon supaya diambil kira sepuluh perkara yang di atas ini. *Insyah-Allah* perbelanjaan itu sepatutnya wajar ditambah untuk masa-masa akan datang. Tuan Timbalan Speaker, *Alhamdulillah* hasrat Kerajaan Negeri meletakkan perbelanjaan negeri sebanyak walaupun RM3 juta kepada PWB sahaja tapi beberapa aspek-aspek di dalam PWB mestilah ditingkatkan. Sayugia diingatkan sejauh mana perkara ini boleh menjadi kenyataan. Saya agak bimbang kerana kebergantungan kejayaan PWB ini atau pun Pusat Berdaya ini adalah kepada sejauh mana berdayanya penyelia-penyelia yang telah kita lantik. Oleh itu, saya harap konsep pembudayaan mestilah benar-benar dihayati dan dibekalkan kepada wanita bukan hanya menurut atau memenuhi masa lapang yang ada.

Soal penyelia adalah menjadi nadi kepada perkembangan positif sesebuah Pusat Wanita Berdaya. Oleh itu saya harap program-program yang menyeluruh yang mungkin dalam usaha konteks pelan tindakan Wanita Selangor ia mesti menyentuh kesemua 12 bidang fokus dengan 11 kelompok sasaran wanita yang perlu diberikan pengiktirafan atau pun diberikan tumpuan. Oleh itu saya harap satu SOP yang jelas wajar dibekalkan dan penekanan kewangan juga wajar dinyatakan, *Insyah-Allah*. Akhirnya persoalan yang ingin saya timbulkan ada tiga perkara dalam aspek wanita ini, bagaimanakah gagasan SMART Selangor ini dapat menjadi agenda Pembudayaan Wanita diletakkan di tahap keutamaan. Terutama bagi memastikan agenda membangunkan kapasiti wanita yang ditekankan dan bagaimanakah kaitannya dalam membangunkan SMART Selangor yang peduli yang berpusatkan masyarakat atau pun *people stand raise*. Yang keduanya saya memohon kepada Kerajaan Selangor mengemukakan satu pelan perancangan yang lengkap. Kalau telah ada *Alhamdulillah*, kalau tidak ada saya harap dalam Bajet sepuluh tahun *road map* RM10 juta maaf, *road map* yang akan dibentangkan untuk terakhirnya terhasil SMART Selangor ini mestilah diletakkan elemen pembangunan wanita juga di situ.

Dan yang ketiganya Tuan Timbalan Speaker, walau bagaimanapun Belanjawan RM3 juta ini terlalu amat kecil. Saya mohon supaya kalau saya buat peratusan ia hanya 0.02% daripada Bajet Pembangunan yang ada. Jadi saya mohon, supaya kerajaan Selangor melebarkan lagi pendekatan dan bantuan kita atau pun pembangunan pada wanita. Seterusnya Timbalan Speaker saya ingin menyentuh tentang aspek *SMART People* yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya yakin satu negeri yang baik itu bermula daripada individu yang baik atau pun yang kita kata *smart people* maknanya akhirnya kita mesti ada individu yang baik selepas itu keluarga yang baik dan akan lahir masyarakat yang baik. Jadi apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor sehingga melahirkan *smart* keluarga yang kita ingin-ingin adakan atau pun ingin kita wujudkan. Apakah bentuk-bentuk program khusus ini dan bagaimanakah ianya dapat diperjelaskan agar akhirnya pembangunan sosial dan pembangunan fizikal dapat kita gabung jalinkan dan akhirnya *smart* keluarga akan dapat di realisasikan. Jadi saya tidak nampak apakah usaha-usaha yang perlu kita susun sebaik mungkin selain daripada *affordable child care* yang kita tekan tapi saya lebih lihat supaya aspek pembangunan famili atau pun *smart* keluarga ini dilihat dalam dua bentuk sosial dan pembangunan fizikal. Jadi untuk itu saya cadangkan supaya kerajaan Selangor mengambil ukuran *happy* indeks yang sebenarnya dalam Malaysia tidak masuk pun dalam *Happy Family Indeks* ini kerana kita terkeluar tetapi saya ingin supaya kerajaan Negeri Selangor memulakan hala tuju melihat kepada *Family Happy Indeks* ini supaya akhirnya Selangor menjadi menerajui kepada program pembangunan keluarga.

Akhirnya saya ingin menyatakan tentang program *affordable children care* yang mana PBT disarankan mengkaji garis panduan. Saya ingin menyatakan sebenarnya kalau di Batu Tiga banyak tanah-tanah yang telah pun di dalam perancangan yang

telah diletakkan lokasi itu Tadika dan Taska. Tetapi sehingga sekarang ianya terbiar dan dibiarkan semak samun. Tapak-tapak itu tidak dibangunkan saya boleh beri beberapa contoh di Jalan 20/1C, 18/4 Seksyen 19, Seksyen 24 banyak tanah-tanah yang sedia ada tetapi dibiarkan begitu saja. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan memulakan tapak-tapak semua di bawah Majlis Bandar raya Shah Alam, jadi saya mencadangkan supaya ia dimulakan ditapak-tapak yang sudah ada. Akhirnya saya ingin menyentuh tentang kajian dan RND ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Berapa kali akhir dah ni Yang Berhormat?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Yang ini akhir *point*. Saya mohon supaya sebagaimana yang Sungai Panjang sebutkan kita tahu ada peruntukan banyak tentang untuk membuat kajian dan sebagainya. RM10 juta untuk *road map*, RM15 juta untuk komprehensif pembangunan Sungai Klang tetapi saya harap supaya semua kajian-kajian ini diambil dua tiga pelajar daripada UNISEL untuk bersama dengan kerajaan untuk membuat kajian supaya akhirnya mereka ini akan dapat melaksanakan atau pun dapat pengalaman dalam membangunkan Selangor bersama.

Untuk Pembangkang di sana, saya rasa jangan risulah tentang Selangor sebab bagi kami ada DUN Kerajaan ini asal bukan UMNO, BN *Insyah-Allah* kami akan terus bekerjasama untuk memastikan rakyat Selangor akan terbela. Dan untuk itu, saya harap saya akhiri dengan pesanan ikhlas saya untuk Dato' Menteri Besar teruskan belanjawan yang berhemah, langit tidak selalu cerah simpan untuk masa susah. Harap-harap keadaan ekonomi global yang ada ini tidak menjadi kesan kepada Negeri Selangor, dengan ini Batu Tiga mohon menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ramai. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN :** *Bismillahi rahmani rahim. Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah* terima kasih Tuan Timbalan Speaker seterusnya Ahli Dewan yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* kita lihat sehingga kini Negeri Selangor kita kekal sebagai negeri yang berstatus prestasi kewangan yang sangat baik. Sebagai mana yang telah diunjurkan *Insyah-Allah* kewangan negeri akan surplus sehinggalah penghujung tahun ini. Maka sangat wajar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberikan atau pun mencadangkan bonus kepada seluruh penjawat awam di Negeri Selangor Darul Ehsan. Dan kita juga seharusnya memberikan pujian kepada Kerajaan Selangor di atas legasi diurus tadbir yang baik sehingga berlakunya surplus perbelanjaan walaupun pada awalnya unjuran menunjukkan Bajet Selangor 2015 adalah defisit.

Selain urus tadbir tata kelola yang baik kerajaan Selangor sekali lagi dengan berani membawa satu kelainan dalam Bajet iaitu dengan terus meningkatkan perbelanjaan pembangunan setara dengan perbelanjaan mengurus iaitu 50%. Hal ini tidak

pernah dilakukan di mana-mana peringkat hatta di peringkat Pusat sekali pun dan kalau kita lihat pada tahun ini kerajaan Pusat hanya memperuntukkan sekitar 20% sahaja untuk pembangunan keseluruhan. Ini menjelaskan dan membuktikan bahawa kerajaan di Selangor sentiasa mementingkan rakyat atau dengan izin *Service Oriented And People Centuries*. Kerajaan sentiasa komited dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat hasil maksimum yang dipungut dipulangkan semula kepada rakyat melalui pembangunan atau pun agenda pembangunan. Secara tidak langsung, kesan langsung dalam masa terdekat akan dapat dirasakan melalui Belanjawan ini adalah pendapatan boleh guna rakyat bahkan bertambah terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Pengecualian cukai taksiran sebanyak RM41.7 juta, kenaikan elaun Guru KAFA RM18.7 juta, program bantuan makanan asas RM3 juta, Pusat Sehenti Autisme RM500,000 dan bonus sebulan setengah untuk penjawat awam yang merangkumi RM44.1 juta. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu rakyat tatkala kita dihimpit tekanan ekonomi dan kenaikan harga barang hasil daripada pasca pengenalan GST. Inilah agenda bakti untuk semua yang wajar diberikan pujian kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, barisan EXCO dan seluruh kakitangan kerajaan yang sentiasa peduli akan jerih pedih rakyat.

Dalam masa yang sama Gombak Setia ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini walaupun perbelanjaan pembangunan ditingkatkan namun pembangunan fizikal dan pembangunan Modal Insan tetap seimbang. Ini berbeza dengan kerajaan Pusat yang hanya melihat pembangunan fizikal dengan projek-projek mereka. Kerajaan Selangor amat mementingkan pembangunan Modal Insan terutama anak Selangor kerana mereka ini adalah merupakan pemimpin pada masa yang depan yang bakal menerajui kerajaan Selangor. Ke arah yang lebih *smart* sejahtera dan berkeadilan. Kita lihat bagaimana antara program pembangunan Modal Insan yang diperuntukkan dalam Belanjawan kali ini seperti menaik taraf infrastruktur teknologi, biasiswa Selangorku RM10 juta, tiga Maahad Tahfiz RM18 juta. Dua Maahad Tahfiz Integrasi Sains Teknologi RM52 juta, Booth Camp RM1.5 juta, Program Kemahiran Pembangunan Sekolah Ladang Desa Coalfield RM4 juta, Program *Learning Centre*. Ini semua adalah merupakan suatu bakti yang kita berikan kepada seluruh rakyat hasil daripada pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor. Sidang Dewan yang mulia, bagi meneruskan perbahasan ini saya lebih menjurus untuk membahaskan strategi yang ketiga belanjawan iaitu mempertingkatkan pembangunan berkualiti dan inisiatif. Dalam strategi teras ini Gombak Setia ingin memecahkan kepada beberapa nota penting untuk perhatian bersama.

Yang pertama perkhidmatan air, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan di atas muktamadnya dan kita berjaya mengambil alih perkhidmatan air ini untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Dan ini sudah tentulah menggembirakan rakyat di semua peringkat dan dapat mengurangkan beban rakyat dan kita gembira apabila Dato' Menteri Besar mengumumkan bahawa tidak akan ada lagi catuan air di Negeri Selangor hasil perkhidmatan yang cekap bakal diberikan kepada rakyat. Dan

seterusnya program air percuma ini sewajarnya diteruskan oleh kerajaan negeri kerana ianya memberikan kelegaan kepada seluruh rakyat. Ini tanda kerajaan negeri terus prihatin dan peduli kepada rakyat. Oleh itu kecemerlangan ini wajar dan wajib diteruskan sebagai bakti kita kepada semua rakyat di Negeri Selangor.

Yang Berhormat Speaker, keduanya perumahan rakyat. Kita tahu bahawa perumahan adalah merupakan asas yang sangat penting bagi setiap rakyat. Dan dengan jumlah penduduk lebih kurang 6 juta dan kita dimaklumkan bahawa permintaan terhadap rumah mampu milik ini melebihi daripada apa yang kita mampu umpamanya dalam permohonan Rumah Selangorku juga sudah mencecah RM40 ribu. Namun bilangan unit yang dibina untuk pada tahun ini RM15 ribu. Kita mengharapkan mudah-mudahan kerajaan negeri akan terus dapat menambah bilangan-bilangan rumah mampu milik ini dan sudah tentulah mungkin beberapa perkara kita sudah melihat kawasan-kawasan perumahan-perumahan kos rendah atau pun flat kos rendah yang lama yang mungkin boleh dibangunkan semula supaya kita dapat membuat penambahan rumah-rumah yang baru di atas tapak-tapak sedia ada kerana kita sedia faham di Selangor ini tanah dan tapak yang kita perlu mungkin amat terhad keluasan atau pun seadanya.

Kedua tanah-tanah di kampung-kampung atau pun rizab-rizab Melayu yang mungkin hari ini masih lagi terbiar mungkin melalui anak-anak syarikat negeri atau pun melalui agensi-agensi kerajaan negeri kita boleh melihat bagaimana kita boleh membangunkan tapak-tapak yang ada di kampung ini supaya generasi kedua kampung sebagaimana generasi kedua FELDA dapat memperoleh manfaat dan kawasan-kawasan ini dapat dibangunkan secara berstruktur dan sistematik. Ini lah harapan kita supaya ianya akan dapat bertambah perumahan ini dapat bertambah sesuai Selangor menjadi pilihan dan sentiasa akan dibanjiri dengan mereka-mereka yang berhijrah untuk duduk di negeri Selangor Darul Ehsan dan tidak kita abaikan penduduk-penduduk asal di negeri Selangor.

Seterusnya yang ketiga, infrastruktur dan kemudahan awam. Keselesaan rakyat amat penting hasil daripada pembangunan yang berkualiti peningkatan peruntukan bagi infrastruktur dan kemudahan awam diharapkan dapat menjamin kemudahan dan keselesaan rakyat dalam menjalani kehidupan seharian setiap kawasan setiap tempat perlu diberikan perhatian yang sama supaya setiap rakyat dapat menikmati kemudahan yang disediakan. Namun, dalam masa kita melakukan program-program pembangunan dan penambahbaikan ini diharapkan kita dapat mengkaji kesan dan impak secara keseluruhan kita tidak mahu berlaku pembangunan di suatu tempat tetapi memberikan kemudahan kepada satu tempat-tempat yang lain. Hasil daripada pembangunan yang tidak dirancang dan diolah secara-secara bersahaja. Keempatnya nota saya kos sara hidup dapat dikurangkan, Alhamdulillah kita ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pembentangan kali ini yang telah membuat pengecualian cukai taksiran kepada rumah-rumah kos rendah, rumah kampung dan juga pengecualian fee lesen di kalangan para-para peniaga kecil.

Walaupun kita lihat kesan daripada ini akan memberikan kesan kepada majlis-majlis tempatan tetapi kita yakin bahawa strategi ini adalah strategi yang mengundang keberkatan daripada Allah SWT, kerana negeri yang baik negeri yang telah diberikan oleh Allah kelebihan dari sudut perolehan pendapatan dan sebagainya kita pulangkan balik kepada rakyat kita bela rakyat kita keluarkan rakyat daripada negeri atau pun *Darul Jibayah* kepada Darul Hasanah apatah lagi kita Selangor ini merupakan Selangor Darul Ehsan kita keluarkan *Darul Jibayah* daripada negeri yang mengutip cukai daripada rakyat kepada negeri yang mampu memberikan kebaikan dan kebajikan kepada rakyat. Yakin lah bahawa Insya-Allah kita akan menemui sumber-sumber pendapatan yang baru dalam menjana pendapatan semula. Dan saya nak mencadangkan supaya pihak PBT dengan kerjasama semua pihak Yang Dipertua, Ahli Majlis, Pengarah dan juga kakitangan PBT kita mencari hasil-hasil yang baru dan lebih kreatif dan di peringkat kerajaan negeri bolehlah menghargai kiranya PBT-PBT ini berjaya memperoleh pendapatan yang baru melalui hasil-hasil yang baru kita berikan insentif kepada mereka sama ada dalam pelbagai bentuk dan juga mungkin Ahli-ahli Majlis yang memberikan sumbangan yang baik untuk meningkatkan hasil Majlis kita pertingkatkan atau pun naikan elaun mereka daripada 1500 kepada jumlah yang lebih munasabah. Hasilnya Tuan Speaker, bagi pembangunan belia-belian bagi masa hadapan golongan belia merupakan generasi pelapis masa depan dengan situasi ekonomi yang merudum kos sara hidup yang menekan dan kadar pengangguran yang semakin tinggi melihat pembangunan belia amat serius perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa kita ucapkan tahniah di atas Program ADUN Muda Selangor yang dilakukan yang dianjurkan kerana ia nya akan melahirkan anak muda yang cakna tentang pentadbiran dan masa depan negeri namun dalam masa yang sama suatu visi yang lebih jauh perlu digagaskan bagi pembangunan belia di negeri Selangor. Dengan peruntukan RM25.8 juta untuk pembangunan generasi muda dan sukan dan RM1.45 juta untuk program dan kegiatan generasi muda melalui PEBT, Tunggak Belia Tempatan kita harap ia nya satu yang dapat merancakkan lagi program-program di kalangan anak muda, dan cadangkan juga mungkin PEBT yang berjaya menunjukkan prestasi yang baik dengan program-program yang memberikan impak yang baik agar dapat ditambahkan peruntukan bagi melaksanakan program-program tambahan pada masa yang akan datang. Maka pembangunan belia ini wajar diterjemahkan dalam bentuk model yang bersepadu dan sistematik bagi memastikan generasi akan datang mampu menangani masa depan yang lebih mencabar. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan satu institusi atau pun akademik pembangunan belia diwujudkan bagi menggunakan peruntukan yang telah disediakan bagi merencana, memikir dan menguatkuasakan apa jua strategik yang ada akhirnya tuan-tuan, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit dengan *Smart* Selangor atau pun *Smart State* yang merupakan satu gagasan baru YAB Dato 'Menteri Besar bagi mewajahkan negeri Selangor sebagai satu negeri contoh di Malaysia agar antara elemen penting juga yang mungkin boleh dimasukkan dan perbincangkan oleh Majlis Perundangan *Smart* Selangor ini dalam merangka *Road Map* dan *Blue Print* kita mengharapkan supaya elemen-elemen untuk meletakkan Selangor sebagai

negeri yang *barakah*, negeri yang diberkati oleh Allah SWT akan dapat masukkan supaya negeri kita ini akan terus menjadi *baidatul toyyibatul* (hadis). Sekian, terima kasih Gombak Setia mengundur diri.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong dulu. 10 minit

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Sejahtera Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia. Terima kasih Puan Speaker memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2016 pada kali ini. Bajet Selangor 2016 bukan menyaksikan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM8 bilion dengan pecahan RM1.46 bilion untuk belanja mengurus RM1.446 bilion belanja pembangunan. Bagaimanapun perbelanjaan ini menunjukkan kerajaan negeri memberi pendekatan perbelanjaan besar apabila bajet 2016 negeri Selangor meningkat melebihi daripada pendapatan yang menyebabkan defisit sebanyak RM630 juta malah jumlah defisit itu mencatatkan peningkatan sebanyak RM77.42 juta berbanding dengan bajet 2015 yang mana defisit sebenarnya mencatatkan lebih RM552.8 juta iaitu satu peningkatan daripada defisit asal RM450 juta. Justeru sekiranya kerajaan negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar menekankan duit perbelanjaan berhemah tadbir urus dan perancangan yang baik mengapa bajet negeri Selangor mencatatkan defisit malah kalau dilihat bajet defisit ini sebenarnya berterusan sejak 2008 lagi sebenarnya kalau kita mendapat hasil lebih atau banyak kita boleh belanja hasil tersebut tetapi berpada-pada dan berhemah supaya kita berbelanja pada hari ini dan sebahagian kita simpankan atau pun kita tingkatkan rizab kita supaya kita boleh belanja pada masa depan dan dalam terutama keadaan ekonomi dunia yang semakin mencabar dan dalam keadaan ekonomi *down* atau pun kemelesetan maka sudah tentulah keadaan perbelanjaan berhemah itu sangat ditekankan. Perbelanjaan mengurus dari segi trend perbelanjaan kerajaan negeri juga seolah-olah mengamalkan perbelanjaan besar apabila anggaran perbelanjaan bajet 2016 Selangor menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus pada kadar 11.7 peratus berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM1.288 bilion bagaimanapun trend tersebut kita lihat seolah-olah kos pengurusan pentadbiran negeri ini adalah tinggi. Justeru itu bagaimana pula komitmen YAB Dato' Menteri Besar untuk mengamalkan belanja berhemah dan berjimat bagi pengurusan wang rakyat. Ini sangat penting keran dalam keadaan suasana ekonomi dunia, ekonomi negara dan negeri ekonomi negeri yang dalam keadaan mengecut maka perbelanjaan berhemah itu sangat penting, penjimatan dalam kos-kos kepada perkara-perkara yang tidak perlu haruslah diberi tumpuan dan perhatian yang besar. Perbelanjaan pembangunan bajet 2016 memperuntukkan wang rakyat sebanyak RM1.44 bilion peningkatan sebanyak 21.2 peratus berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM1.1 bilion Kerajaan Negeri juga memberikan peruntukan bagi melaksanakan untuk menaik taraf jalan-jalan sebanyak RM4.3 juta dalam pembentangan bajet 2015 YAB Dato' Menteri Besar memperuntukkan RM12 juta untuk kawasan bandar termasuk RM600 juta



penyelenggaraan jalan di bawah MARRIS apa yang ingin saya bangkitkan berhubung menaiktaraf jalan ini ialah walaupun peruntukan yang besar telah diberikan tetapi malangnya kualiti jalan-jalan di mana yang dibina masih menjadi rungutan rakyat kerana didapati pembinaan-pembinaan menaik taraf jalan ini belum boleh lagi memenuhi standard atau kualiti kalau kita perhatikan kita banyak aduan-aduan terima jalan-jalan yang baru pembangunan naik taraf jalan yang baru di bina ini dalam masa yang singkat juga telah mengalami kerosakan dan apabila ditampal jalan tersebut juga dalam masa yang singkat telah mengalami dan perlu ditampal semula. Jadi kerana itu perlu diberikan bahawa standard dan spesifikasi jalan penyelenggaraan jalan ini perlulah dipertingkatkan ke tahap sesuai dengan negeri Selangor yang menjadi sebuah negeri maju, negeri yang *smart* dan pintar mesti mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik dan standard. Selain daripada itu juga saya perhatikan bahawa terdapat peruntukan yang diberikan dalam kawasan luar bandar itu juga terdapat agihan yang tidak sama rata kalau kita bandingkan walaupun banyak peruntukan telah banyak ditambah untuk kawasan-kawasan luar bandar dari segi pembangunan jalan-jalan tetapi bila dibandingkan dengan kawasan bandar dari segi nisbah dan *percentage* nya ia masih jauh dan perlu diberikan pengagihan yang lebih baik kepada kawasan luar bandar. Selain daripada itu juga kalau dilihat pada masa ini jalan-jalan yang terdapat di luar bandar terutamanya jalan-jalan di kampung standard spesifikasinya masih terlalu rendah kebanyakan jalan-jalan berturapnya kalau ditengok turapannya 2.4 inci berbanding berbeza dengan jalan-jalan yang diturap di kawasan-kawasan bandar, sebenarnya tidak ada beza sangat di antara kawasan luar bandar dengan kawasan kampung dengan kawasan bandar luar bandar di kampung-kampung bukan sahaja kenderaan-kenderaan seperti motosikal dan kenderaan ringan tetapi kenderaan-kenderaan berat seperti contohnya lori yang lebih daripada 10 tan juga menggunakan jalan tersebut tetapi jalan-jalan kampung hari ini masih dalam keadaan yang sempit lebarnya 8 hingga 10 kaki walaupun mempunyai rizab 66 kaki atau 130 kaki yang boleh di naik tarafkan jadi sesuai dengan semangat bajet 2016 yang menekan konsep *Smart* dan juga Selangor sebagai sebuah negara maju kita sangat berharap bahawa tumpuan pembangunan bajet di kawasan luar bandar ini juga ditingkatkan mengikut spesifikasi sebagaimana jalan-jalan yang dibuat di bandar saya rasa kalau jalan-jalan kampung boleh dilebarkan kemudian dinaikkan taraf dia sebagaimana jalan luar bandar maka dengan ini kita dapat keadaan pembangunan infrastruktur yang lebih baik di kawasan-kawasan luar bandar setara dengan kawasan-kawasan yang dibangunkan di luar bandar. Selain daripada itu juga berhubung dengan pembangunan infrastruktur ini juga di jalan kawasan bandar juga saya lihat masih terdapat juga pembangunan-pembangunan yang terpilih masih ada kawasan-kawasan yang masih terpinggir saya ingin mengambil contoh misalnya pembangunan infrastruktur di kawasan contoh sahaja salah satu di Klang Utara yang masih saya anggap kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar di Lembah Klang seperti kata lah Subang Jaya, maka keadaannya masih jauh dibandingkan itu. Dengan apa yang terdapat di kawasan Klang Utara. Selain itu juga, saya ingin bangkitkan juga masalah jalan ini sebab jalan hari ini sangat

penting, ia menjadi satu apa orang kata, alat perhubungan untuk pergi bekerja. Kemudian, digunakan boleh dikatakan hari-hari oleh setiap rakyat di negeri Selangor ini. Kita dapati masalah jalan ialah masalah kualiti jalan yang tidak mengambil kira keadaan iklim di negara kita. Kita dapati negara kita ini mengalami kawasan hujan yang paling banyak dan tinggi. Selalu dalam musim-musim tengkujuh dan hari ini, musim sudah tidak menentu. Ada masa-masanya, ya, hujan terlalu lebat dan tetapi apabila berlaku hujan lebat dalam masa sekejap sahaja terdapat jalan-jalan yang bertakung dengan air-air dan takungan air ini menyebabkan pertama, kesesakan laluan terutamanya dalam waktu-waktu *peak* atau waktu-waktu puncak menyebabkan orang kata, *jam* yang panjang, kesesakan dan sebagainya dan ini menimbulkan banyak kesesakan dan boleh menimbulkan kesan-kesan sosioekonomi dan psikologi kepada rakyat yang menggunakan jalan-jalan tersebut. Yang keduanya, juga perlu dilihat bahawa jalan-jalan ini juga apabila dibaiki ia cepat rosak kerana ia dipenuhi dengan air. Saya lihat perkara ini sepatutnya perlu dikaji, dirancang dengan baik supaya pembinaan infrastruktur jalan-jalan tersebut itu dapat dibaiki mengikut *standard* sesuai dengan orang kata keadaan negeri Selangor yang maju ini.

Seterusnya Puan Speaker, saya ingin membangkitkan mengenai pendapatan hasil negeri yang terdapat peningkatan tetapi kita lihat bahawa peningkatan hasil negeri ini bukanlah daripada hasil cukai tetapi adalah hasil daripada hasil bukan cukai yang memberikan sumbangan sebanyak RM1.4 bilion ataupun 62%. Hasil bukan cukai ini sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh bayaran-bayaran premium tanah yang merupakan satu sumbangan hasil yang *one off* dan ia tidak lestari atau tidak mempunyai *sustainability* kerana itu, ia tidak menjadikan sebagai sumber yang kita harus belanjakan sekali dalam satu masa. Kerana itu apabila kita mendapat peruntukan seperti ini sepatutnya kita kena simpan di dalam sebahagiannya dalam *reserve*. *Reserve* RM1.4 bilion ini lebih kurang RM1.44 sama dengan RM1.4 perbelanjaan untuk pembangunan. Selain daripada itu, saya ingin menggesa kepada Yang Berhormat Menteri Besar supaya cuba mencari ya, sumber-sumber selain daripada hasil bukan cukai terutamanya daripada premium sebagai satu perkara yang, untuk meningkatkan hasil negeri. Saya ingin mencadangkan supaya sistem peningkatan cukai-cukai di agensi-agensi kerajaan seperti di Pejabat Tanah dan PBT ini perlu dipertingkatkan menggunakan sistem yang lebih mesra rakyat, mudah untuk menarik ya, meningkatkan *marketing* untuk membolehkan pembayar-pembayar cukai ini meningkatkan hasil cukai ini, dengan ini dapat mengurangkan tunggakan kita. Hari ini kita telah, kerajaan negeri juga telah bajet mengenai *Smart Internet* - WIFI yang menggunakan teknologi *internet* dan saya yakin, saya hari ini kalau kita laksanakan di agensi-agensi kerajaan meningkatkan penggunaan ya, kutipan hasil dengan cara ini kita boleh meningkatkan pembayaran hasil dan meningkatkan hasil cukai negeri. Saya ingin juga, membangkitkan tentang strategi untuk menjana pendapatan negeri Selangor iaitu pertama sekali ialah dasar yang telah lama dirancang, dilaksanakan ini ialah pembangunan semula Sungai Klang ya. Kalau kita lihat sejak kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pentadbiran ini di bawah

projek pada masa itu, Rangsangan Ekonomi Selangor, peruntukan sebanyak RM2 bilion telah diunjurkan bagi membangunkan Sungai Klang. Saya amat setuju supaya Sungai Klang ini dipelihara dan dibangunkan sebagai bukan sahaja sebagai mercu tanda tetapi sebagai satu pendekatan sebuah negeri Selangor yang maju yang menekankan tentang lestari *environment*. Satu keadaan yang di mana pembangunan itu dapat sesuai dengan keadaan semula jadi alam sekitar ini dan mengelakkan daripada masalah orang kata, pencemaran seperti pembuangan sampah dan sebagainya. Tetapi malangnya, saya sangat berharap kepada Y.A.B. Menteri Besar walaupun disebut pada persidangan ini peruntukan sebanyak RM15 juta telah diunjurkan untuk dilaksanakan sama dengan pihak-pihak PBT untuk menjalankan kajian ya, tetapi kajian sebenarnya telah dijalankan sejak lama lagi. Saya ingat kajian yang seumpamanya pernah juga kita timbulkan dalam dewan ini ya, termasuk oleh yang dibuat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, PTG juga telah dibuat ya, termasuklah pewartaan, pelan khas, pelan-pelan guna tanah dan sebagainya. Dan di kawasan Hulu, projek kerajaan pusat melalui projek *River of Life* telah pun dilaksanakan. Oleh itu, saya ingat masalah ini jangan ditangguhkan lagi. Kita nak dengar, kita nak layat dewan ini, diberitahu bahawa kajian-kajian ini akan dibuat. Selepas beberapa penggal kerajaan Pakatan memerintah tapi masih lagi kajian. Saya hendak jaminan daripada Y.A.B. Dato Menteri Besar supaya direalisasikan kajian-kajian ini dengan seberapa segera dan kemudian ditunjukkan ya, supaya ia dapat dilihat bahawa pembangunan dan pemuliharaan semula Sungai Klang ini sebagaimana sesuai dengan konsep negara maju ataupun *Selangor Pintar* itu dapat direalisasikan. Kalau tidak, mungkin ia hanya dijadikan retorik politik sahaja.

Puan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini ya, ingin membangkitkan masalah pembangunan *Wifi* walaupun hari ini negara kita telah lama ya, kita penggunaan *internet* sebagai .. merupakan satu alat atau teknologi sesuai untuk membangunkan negara tetapi saya rasa pembangunan *Smart Wifi* yang telah dilaksanakan di peringkat terutamanya di negeri Selangor ini masih belum menyeluruh lagi. Walaupun telah disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa 200,000 *Generasi Y* telah dapat menikmati pembangunan WIFI .. *Smart Wifi* yang dibuat oleh negeri Selangor oleh kerajaan Pakatan Rakyat tetapi sebenarnya ia hanya sebahagian daripada generasi muda yang ada di negeri Selangor ini. Ia bukan telah mencapai *outreach* kepada generasi muda di negeri Selangor. Ini kerana pembangunan infrastruktur perlu juga dibangunkan supaya membolehkan *accessibility* kepada WIFI ini bukan sahaja di bandar-bandar tetapi di luar-luar bandar walaupun Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebut ia di Sabak Bernam telah ada, di tempat saya pun ada. Di Dewan Hormat Dato' apa ni Tanjung Karang, Dewan Dato' Hormat telah ada WIFI Selangor. Tetapi ya, kualiti, *speed*, kelajuannya ya, ini amat jauh dibandingkan dengan ada yang berlaku di kawasan Lembah Klang ya. Jadi, saya sangat berharap ya supaya program ini bukan kata sudah sampai masanya, sekarang ini sepatutnya sudah sampai kepada *outreach* ya, sasaran di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh terperosok kalau dengan nada..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Mohon mencelah..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Dengan nada hiba. Ok, Bukit Gasing ingin bertanya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Kerajaan Negeri telah membayar kepada Telekom untuk membekalkan perkhidmatan *internet* tetapi kalau di luar bandar itu *internet* perlahan, bukankah itu salah Telekom? Kenapa kerajaan Persekutuan yang menguasai bidang ini, kenapa mereka tidak memberi penekanan supaya kelajuan *Wifi* .. *Sorry*, kelajuan *Unifi* di luar bandar secukup luas seperti di kawasan bandar? Kenapa *internet* 30 *megabyte* yang kita hendak pasang, dia tidak ada di semua tempat. Jadi, ada tempat yang tak dapat pasang sebab tak ada. Mungkin itu kena cakaplah dengan Menteri Komunikasi, minta dia tak payahlah menjadi defendan Najib nombor satu, minta dia fokus kerja dia. Bawa *internet* lebih laju ke seluruh Malaysia.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Terima kasih, kalau nak jadi bangau boleh lah. Bangau oh bangau, baik susahkan bangau daripada orang lain. Saya cuba nak beritahu dari segi kerajaan Persekutuan, dia ada kampung *Wifi*. Dia pun buat program yang sama dan masalah sama. Tapi *outreaching* nya telah sampai 1 kampung 1 *WIFI*. Ini saya nak beritahu daripada segi kerajaan Persekutuan ya. Tapi yang saya nak cakap ni bajet kerajaan negeri, jadi perlu ditingkatkan, kalau Dewan Dato' Hormat di Tanjung Karang itu, kawasan Dun saya ada satu, ya, mungkin kena pergilah, seluruh kampung ada 32 kampung ya, di kawasan Parlimen Tanjung Karang, DUN Sungai Burong dan sahabat saya Dun Permatang, kena *outreach* kan ya, *Wifi* ini supaya kita boleh menggunakan kemudahan yang ada. Ini berhubung dengan permintaan saya dalam bajet 2016. Kalau nak jadi bangau senang sahaja lah, kita bercakap sahaja dalam dewan ini. Jadi, itu antara perkara-perkara yang saya ingin membangkitkan dalam bajet kali ini. Jadi, oleh sebab masa telah ya, sampai, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum WBT*.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tolong duduk dulu. Oleh sebab Urusan dewan masih panjang maka saya persilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah dilanjutkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 pada hari ini supaya pihak kerajaan boleh mula menggulung esok.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ :** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Ya.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN :** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat dulu.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN :** Terima kasih Tuan Speaker di atas kebenaran untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan bajet 2016 yang telah dikemukakan ataupun dicadangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar tempoh hari. Tanjung Sepat mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi kesempatan ini untuk sama-sama mengambil pengiktibaran dan juga peringatan terhadap pembentangan bajet yang bertemakan *Membangun Smart Selangor Yang Peduli*. Tahun 2016..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, 10 minit seorang ya.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN :** Tahun 2016 akan menyaksikan iklim politik, ekonomi dan pelbagai aktiviti yang dijangka penuh dengan cabaran. Sudah tentu untuk berhadapan dengan cabaran mendatang ini, suatu pendekatan yang lebih fokus dan memperkukuhkan perkhidmatan dan sistem penyampaian terbaik kepada rakyat menjadi keutamaan bagi pihak kerajaan negeri Selangor. Walaupun ia, bajet yang dibentangkan ini adalah merupakan bajet defisit tetapi kita amat yakin dan percaya ia dibentangkan dalam dewan ini bagi membuktikan kepada seluruh rakyat dan ahli dewan bahawa betapa bersungguhnya kerajaan dengan sifat ataupun dengan tema ketelusan kerajaan dalam mengurus bajet. Kini menjadi tugas semua termasuk ahli-ahli dewan untuk melakukan pemantauan dan juga teguran terhadap prestasi pelaksanaan seterusnya. Maka sebab itu, bajet 2016 ini melambangkan bahawa kerajaan bersedia untuk berbakti untuk semua lapisan masyarakat di negeri Selangor ini. Sehingga dalam bajet yang dikemukakan itu, mengambil pertimbangan dan mengambil berat tentang harapan daripada masyarakat Melayu Islam dengan memperuntukkan sebahagian daripada peruntukan ataupun bajet negeri Selangor untuk mempertingkatkan kualiti sekolah-sekolah agama dan juga mengambil berat keprihatinan guru-guru yang mengurus dan mendidik anak bangsa kita. Begitu juga dengan masyarakat Cina yang hari ini dalam bajet ini mengiktiraf tentang pendidikan masyarakat Cina dan juga masyarakat India dengan membangunkan sekolah SK (T) yang dikemukakan dalam bajet ini. Strategi dalam pelaksanaan Bajet 2016 seperti mana yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat, terdapat 5 perkara iaitu mempunyai gagasan *Smart*

*Selangor*, menjaga sumber secara sistematik, meningkatkan pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli, memperkukuhkan kualiti pendidikan dan latihan dan juga membangun kapasiti wanita *Generasi Y* dan ekonomi inisiatif. Dalam kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan strategi yang ketiga iaitu meningkatkan pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli. Menterjemahkan pembangunan berkualiti adalah menjadi cita-cita semua. Lebih-lebih lagi apabila kerajaan telah mengemukakan tema belanjawan 2016 *Selangor* ini iaitu membangun *Smart Selangor* yang peduli. Untuk memastikan strategi ini terlaksana, aspek pemantauan pelaksanaan perlu ditekankan. Penekanan terhadap kualiti masa dan juga masa serta pulangan yang bermanfaat kepada rakyat juga harus diambil peduli. Kita tidak mahu perbelanjaan yang dibentangkan ini gagal dimanfaatkan ataupun tidak mencapai peratus penggunaan perbelanjaan seperti mana yang telah ditetapkan. Lebih malang, kita bimbang sekiranya tanpa pemantauan yang baik, kualiti perancangan dan spesifikasi yang ditentukan tidak dapat dicapai ataupun dipenuhi oleh semua pihak.

Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri *Selangor* kerana bakal menggunakan sebahagian perbelanjaan tahun 2016 ini untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air. Dengan peruntukan sejumlah RM778 juta yang merupakan 27% daripada anggaran keseluruhan perbelanjaan 2016. Sudah tentu kita mengharapkan hasrat untuk melihat tiada catuan ataupun keputusan bekalan air ini berlaku. Lebih daripada itu, kita mengharapkan juga agar kualiti air yang dibekalkan berada pada tahap yang terbaik seperti mana yang ditetapkan dalam spesifikasi kualiti air. Membangunkan sumber-sumber baru air iaitu loji rawatan air Labohan Dagang di Kuala Langat. Dan juga loji rawatan air Semenyih 2 yang berada di Jenderam Hilir dijangka akan memberi tambahan kepada 500 juta liter sehari kepada rakyat *Selangor* adalah merupakan kepedulian kerajaan negeri *Selangor* dalam menyelesaikan masalah untuk membekalkan air bersih. Untuk ini, Tanjung Sepat ingin bertanya kepada kerajaan, apa kah kos ini termasuk tentang pengambilan tanah dan sekiranya ada, berapakah jumlah keluasan tanah yang bakal diambil? Menyedari betapa keperluan asas seperti air ini, campur tangan kerajaan melalui penterjemahan dasar kerajaan, sudah tentu isu ataupun masalah bekalan air di negeri *Selangor* akan mampu diselesaikan atau paling tidak ia dapat dikurangkan. Tanjung Sepat mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri *Selangor* kerana ia berjaya memuktamadkan perjanjian pengambilalihan perkhidmatan air dari pengurusan operasi Syabas dan juga Puncak Niaga Sdn Bhd. Walaupun pengambilan pengurusan operasi Syabas dan juga Puncak Niaga Sdn Bhd ini melibatkan kos tetapi Kerajaan Negeri *Selangor* dengan penuh komitmen memberi janji untuk meneruskan program air percuma. Dengan ini, sedikit sebanyak ia memberi manfaat kepada lebih 6 juta rakyat negeri *Selangor*. Lebih daripada itu, kita mengharapkan agar tarif ataupun kadar air bagi setiap liter padu dapat diturunkan pada kadar yang paling munasabah. Saya ingin memberi peringatan tentang betapa perlunya pemantauan terhadap infrastruktur bekalan air agar ia dapat diselenggarakan dengan baik dan dapat dibaikpulih dengan segera

sekiranya berlaku kerosakan ataupun kebocoran. Segala aduan dan kerosakan yang berkaitan kemudahan bekalan air ini memerlukan tindakan yang pantas. Jaringan dan laluan paip-paip bekalan air perlulah dipantau menggunakan sistem pemantauan berpusat. Untuk ini adalah dicadangkan satu sistem aplikasi pemantauan berkomputer berpusat yang mampu mengesan punca gangguan di jaringan ataupun jajaran paip berkaitan supaya dapat dilaksanakan dengan segera ataupun dengan tepat untuk mengesan kejadian kerosakan ini. Malah melalui aplikasi yang sesuai mungkin mampu mengesan paip-paip yang sudah uzur dan kurang berkesan untuk tujuan pembaikan.

Bagi menzahirkan kepedulian kerajaan terhadap keperluan rakyat, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah mendahului kerajaan Persekutuan dalam hal menawarkan rumah Mampu milik bawah RM250,000.00 kepada golongan sasaran. Dalam memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat termasuk mereka yang tinggal di luar bandar, kerajaan Selangor seharusnya melebarkan pembangunan rumah mampu milik ini di kawasan luar bandar. Reka bentuk rumah mampu milik ataupun kos rendah ini perlulah mengikut keperluan dan bersesuaian dengan permintaan masyarakat setempat. Jika di bandar-bandar ataupun pinggir bandar terpaksa dibangunkan dengan rumah berbilang tingkat tetapi di luar bandar ia mungkin tidak sesuai untuk dilaksanakan serupa di bandar disebabkan budaya hidup masyarakat yang berbeza. Kita juga ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Selangor yang telah membangunkan rumah Generasi 2 FELDA. Model pembangunan seumpama ini mungkin boleh dilebarkan di kawasan-kawasan luar bandar yang lain. Tanjung Sepat mencadangkan kepada kerajaan negeri agar membangunkan kawasan penempatan khusus di kawasan-kawasan kampung dengan mewujudkan lot-lot ataupun tapak-tapak rumah yang lengkap dengan prasarana, asas dan dibuka untuk tawaran pada harga mampu yang berpatutan khusus kepada mereka yang berpendapatan rendah iaitu di bawah RM3,000.00 sebulan seisi rumah. Pembangunan yang dirancang tidak akan membawa manfaat kepada rakyat malah mungkin akan mengakibatkan bencana sekiranya tidak diurus dan dilaksanakan dengan etika dan integriti dengan mengambil kira aspek sosioekonomi, alam sekitar dan kefahaman melalui pendidikan. Kesihatan rakyat adalah berkait rapat dengan alam sekitar. Alam sekitar yang tercemar sudah pasti akan memberi input kepada masalah kesihatan. Pencemaran boleh berlaku akibat sikap dan cara manusia mengurus alam. Tidak kurang juga akibat daripada pelanggaran terhadap undang-undang dan penguatkuasaan. Maka sebab itu, pelanggaran terhadap alam semula jadi akan mengakibatkan pencemaran air begitu juga pencemaran udara dan juga akan mengakibatkan banjir kilat walaupun kita bercita-cita berada di negeri Selangor yang serba *Smart* hari ini. Dengan itu, perancangan yang rapi dan terperinci perlu diterjemahkan melalui pembangunan yang mempertimbangkan semua aspek yang berkaitan di samping pemantau yang serius terhadap pembangunan di kawasan-kawasan yang sensitif dan berisiko tinggi. Hari ini kita berhadapan kemungkinan kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Perjanjian Kerjasama Trans Pasifik ataupun

ringkasnya TPPA yang membolehkan produk ataupun servis dari Malaysia menembusi pasaran negara ahli yang terdiri daripada 11 negara yang antaranya Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Brunei, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan juga Vietnam dengan lebih mudah lagi. Dengan bahasa mudah, skop dan peluang pasaran perniagaan para peniaga akan menjadi lebih luas. Perjanjian TPPA ini telah menimbulkan kontroversi terutamanya di negara-negara perunding yang tidak terkecuali negara kita Malaysia. Di samping isu 1MDB yang menjadi perbincangan umum sehingga mewujudkan politik yang tidak menentu hari ini. TPPA juga adalah isu yang juga sewajarnya diambil perhatian untuk penyelesaian secara menyeluruh dan tidak merugikan rakyat. Suatu aspek yang sangat membimbangkan..

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat, boleh ringkaskan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Ya, satu perenggan lagi. Satu aspek yang sangat membimbangkan, pelaksanaan TPPA ini adalah berkaitan dengan kepentingan strategik negara dan juga usahawan-usahawan kecil dan juga sederhana. Jika diperhalusi pelaksanaan TPPA ini, sebenarnya ia mengundang kepada beberapa isu sensitif yang berkaitan dengan keselamatan, sistem perundangan dan juga kepentingan usahawan tempatan untuk bersaing dengan pesaing-pesaing yang mempunyai modal dan teknologi yang lebih maju lagi. Atas kesedaran ini, saya mencadangkan agar kerajaan negeri Selangor bersiap dengan membantu usahawan-usahawan tempatan khususnya anak Selangor melalui inisiatif khidmat nasihat berkaitan peningkatan kualiti produk dan juga modal pusingan yang berkaitan. Tuan Speaker, Tanjung Sepat ingin mengemukakan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam melaksanakan Bajet 2016 pada kali ini. Yang pertama, Tanjung Sepat mengharapkan supaya *voucher* perayaan yang setiap tahun dikeluarkan oleh kerajaan negeri bagi meraikan mereka yang kurang berpendapatan ataupun golongan miskin ditingkatkan daripada RM100 per *voucher* menjadi sekurang-kurangnya RM150 satu *voucher*. Yang kedua, Tanjung Sepat juga mencadangkan supaya Skim Mesra Usia Emas yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri agar mereka yang telah mendaftar dalam skim ini diberi pertimbangan untuk dibayar ketika mana mereka telah pun, sebelum mereka, masih hayat lagi, ataupun sebelum mereka meninggal. Mungkin sebahagian daripada itu boleh dibayar semasa hayat dan sebahagian lagi boleh dibayar setelah kematian kelak. Yang ketiga, Tanjung Sepat mencadangkan agar kerajaan negeri dalam melaksanakan Bajet 2016 ini mengambil kira tentang pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dengan pembangunan-pembangunan yang lebih, mendapat menaikkan sosioekonomi masyarakat tempatan. Sehubungan dengan itu, Tanjung Sepat juga mencadangkan agar pantai Batu Laut diberi keutamaan dalam meningkatkan, dinaiktarafkan bagi memberi peluang kepada aktiviti-aktiviti yang bermanfaat khususnya dalam membantu usahawan-usahawan ataupun petani-petani tempatan meningkatkan pendapatan masing-masing di tempat tersebut. Akhirnya,



*Anak muda bermain guli,  
mudah pertemuan untuk semua  
Membangun Smart Selangor yang peduli,  
Itulah kami berbakti untuk semua*

Tanjung Sepat menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi saya peluang ini untuk membahas Belanjawan 2016 yang ..

**TUAN SPEAKER** : 10 minit ya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya juga ingin nak ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana pada saat ini, Yang Amat Berhormat masih berada di dalam dewan yang mulia ini untuk mendengar cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan daripada Adun. Tidak lupa juga Y.B. Dengkil, inilah kualiti bakal Ketua Pembangkang. Saya ingin ucapkan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana Belanjawan 2016 ini merupakan belanjawan yang baik dan berani di mana 50% digunakan untuk pembangunan ini adalah rekod sejarah dalam sejarah Malaysia. Saya percaya ini susah bagi Barisan Nasional untuk ikut atau untuk mengejar kerajaan negeri Selangor. Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan GST yang zalim dan menaikkan kadar 18 tol lebuhraya. Penduduk di Selangor, khususnya Puchong turut menjadi mangsa kenaikan kadar tol kerana Puchong dikelilingi oleh tol. Nasib baik rakyat Selangor mempunyai sebuah kerajaan, negeri yang prihatin. Saya tertarik dengan cadangan untuk mengecualikan cukai taksiran rumah kampung dan rumah kos rendah, dan fi lesen penjaja kecil. Saya menyokong penuh cadangan ini. Tadi saya telah menyentuh tentang masalah kenaikan kadar tol lebuhraya. Untuk membantu rakyat, untuk meringankan beban kenaikan tol, saya ingin menyeru kerajaan Selangor untuk mempertimbangkan cadangan untuk mengguna dividen dari saham kerajaan negeri di dalam konsesi lebuhraya seperti SPRINT dan KESAS dan memberi tol percuma setiap Ahad kepada pengguna lebuhraya. Cadangan ini nampaknya *crazy* sedikit. Tetapi sekiranya diberi pertimbangan dan kajian yang teliti, saya percaya ia dapat dilaksanakan. Saya bagi contoh, pengguna LDP yang melalui tol setiap hari adalah sebanyak 500,000 buah kenderaan dan anggaran pada hari Ahad adalah separuh dari hari biasa iaitu 250,000 x RM2.10 (yang itu kadar baru yang disokong oleh YB Dengkil) dan x(darab) 52 minggu setahun, peruntukan yang diperlukan adalah RM27 juta sahaja.

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Dan ia dapat memanfaatkan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Boleh mencelah sikit?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Fasal tol?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Fasal tol.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ok. Boleh.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Jadi Kinrara bersetuju dengan saya? Saya sebutkan tadi kerajaan negeri melalui Kesas/Sprint ini diberikan pampasan RM550juta dan kalau 20% pun ada lebih kurang RM110 juta. Duit pampasan ini boleh dipulangkan semula kepada rakyat negeri Selangor. Setuju tak dengan saya?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Itu bukan pampasan. Apa yang saya sebutkan itu dividen. Sekiranya YB Dengkil nak sokong

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ini baru pampasan. Tak termasuk dividen lagi.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Biar saya jawab dulu. Sekiranya YB Dengkil nak sokong cadangan ini, kemukakan cadangan ini kepada kerajaan pusat untuk hapuskan tol kerana

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Duit RM110 juta

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Kerana saya sudah sebut

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya minta kebenaran.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Untuk LDP, kutipan harian atau kutipan setahun selepas kenaikan RM0.50 adalah RM100 juta. Yang itu boleh digunakan untuk hapuskan tol atau kurangkan beban pengguna lebuhraya LDP. Sokong eh?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya sokong duit RM550juta itu digunakan untuk bantu rakyat negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ok. Dan dengan ini

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Buat pertama kalinya saya sokong Kinrara hari ini.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Dan dengan ini, sekiranya cadangan ini dilaksanakan, ia dapat memanfaatkan seramai 13 juta pengguna lebuh raya LDP setiap tahun. Dalam isu tol lebuh raya, rakyat susah. Rakyat sudah tidak boleh harap dengan kerajaan Barisan Nasional. Rakyat hanya boleh harap dengan kerajaan negeri Selangor. Jadi saya mohon cadangan ini dipertimbangkan.

Untuk menentang kenaikan tol lebuh raya yang tidak munasabah, Kinrara juga ingin mencadangkan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor dibekalkan di Puchong. Laluan yang saya ingin cadangkan adalah dari Stesen LRT IOI Mall hingga ke Stesen BRT Sunway Hospital. Laluan ini juga dapat menjadikan jaringan pengangkutan awam yang lebih lengkap di mana kita dapat sambungkan LRT Ampang Line ke BRT Sunway dan seterusnya ke KTM. Saya berharap permohonan ini dapat dipertimbangkan.

Puan Speaker, Memandangkan pengangkutan awam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya yang masih kurang memuaskan, konsep TOD (*Transit Oriented Development*) perlu ditangguhkan dan dikaji semula. Saya hanya boleh setuju dengan densiti yang lebih tinggi sekiranya untuk tujuan Rumah Mampu Milik Selangorku. Adakah kita perlu lebih banyak pembangunan kondominium mewah yang tidak mampu dimiliki oleh anak Selangor? Sekiranya konsep TOD yang sedia ada dibenarkan, kita tidak akan dapat kurangkan masalah *urban poor* atau kemiskinan bandar. Di samping itu, masalah sekolah yang tidak mencukupi di kawasan Puchong dan tapak ibadat bukan Islam yang tidak disediakan. Ini juga akan menimbulkan masalah sosial pada masa depan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Hampir setiap kali Sidang, saya akan bangkitkan kepentingan untuk mengiktiraf Sijil UEC dan akhirnya pada Sidang ini, YAB Menteri Besar telah mengumumkan kerajaan negeri Selangor akan mengiktiraf Sijil UEC yang diperkenalkan oleh Tong Zhong. Kinrara ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan juga EXCO Pendidikan, kini Sijil UEC telah diiktiraf oleh kerajaan negeri Selangor dan kita cabar kerajaan Barisan Nasional untuk mengetepikan politik dan mengikut langkah kerajaan Selangor untuk mengiktiraf Sijil UEC. YB Dengkil tolong bawa ke pusat ya.

Tuan Speaker, Saya menyokong kenaikan *allowance* bagi guru-guru Kafa dinaikkan daripada RM1,300 kepada RM1,500. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat akibat pelaksanaan GST dan kenaikan tol. Saya mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk memberi *allowance* khas sebanyak RM1,000 setahun kepada setiap guru di Sekolah Menengah Persendirian Cina Tu Chong. Semalam Sekinchan telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Selangor hanya mempunyai 4 buah sekolah

menengah persendirian Cina dan semuanya terletak di Klang. Saya percaya bilangan guru bagi 4 buah ini tidak ramai. Tadi saya sudah dapat statistik.

BIL	SEKOLAH	BILANGAN GURU
1	Hin Hwa	160
2	Ping Hwa	130
3	Chong Hwa	84
4	Kuang Hwa	87

Dan jumlahnya 461 guru yang mengajar di sekolah menengah persendirian Cina sahaja. Jadi implikasi kewangan adalah sangat sikit kepada kerajaan negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Satu isu lagi yang saya ingin sentuh adalah berkenaan MARRIS. Kawasan di bawah pentadbiran MPSJ adalah luas dan membangun dengan pesat. Puchong juga pernah dikatakan oleh sebuah majalah hartanah sebagai bandar yang paling pesat dengan pembangunan di Lembah Klang. Lori pasir, lori tanah, lori simen, lori traktor (semua) masuk ke kawasan MPSJ kerana banyak pembangunan. Akibatnya jalan rosak, longkang runtuh, sumbat, banjir kilat juga berlaku. Saya ingin memohon kepada kerajaan negeri supaya memberi peruntukan MARRIS yang lebih tinggi kepada DUN-DUN di bawah MPSJ termasuk DUN Seri Serdang (jiran saya), DUN Subang Jaya (ini DUN Tuan Speaker) dan DUN Kinrara dan DUN Seri Kembangan sekurang-kurangnya RM5juta hingga RM10juta setiap tahun.

Untuk mengatasi masalah banjir yang semakin kerap dan serius, peruntukan khas juga diperlukan untuk membina kolam takungan yang sangat penting. Kolam takungan air amat diperlukan di kawasan seperti USJ 1, Kampung Kuala Sungai Baru dan juga banyak kawasan lagi di DUN Seri Serdang, Kampung Seri Aman, Kampung di Seri Serdang, Taman Seri Serdang. Banyak lagi. Kita perlu satu peruntukan khas untuk membina lebih banyak kolam takungan air supaya banjir kilat tidak berlaku di kawasan-kawasan seperti ini. Saya kesian kepada jiran saya (Adun Seri Serdang), setiap kali dan juga Adun Subang Jaya setiap kali hujan lebat telefon tidak berhenti berbunyi. Jadi, saya berharap cadangan ini boleh dipandang serius oleh YB EXCO. Dan satu lagi, dulunya di (saya bagi satu contoh lagi) di kawasan SS15 dan juga USJ 18 yang tidak pernah banjir tetapi kawasan tersebut telah jadi lokasi yang berisiko tinggi. Jadi sistem perparitan perlu dinaiktarafkan lagi.

Yang akhir sekali, saya ingin meminta penjelasan daripada YAB Menteri Besar tentang cadangan pelancongan kesihatan (*health tourism*). Saya ingin nak tanya tujuan utama pembangunan 3 buah hospital adalah untuk *investment* atau untuk mempertingkatkan taraf *health care* rakyat Selangor? Dan bagaimana ia dapat

membantu rakyat Selangor yang berpendapatan rendah untuk menikmati perkhidmatan perubatan yang lebih baik? Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wababarakatuh* salam sejahtera. Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Semenyih untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Selangor 2016 yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar Selangor.

Membangun *Smart* Selangor yang peduli. Terdapat beberapa isu rakyat yang masih tidak dipedulikan. Pertamanya tentang masalah sampah di Selangor. Kerajaan negeri memperuntukkan berbilion ringgit setiap tahun ketika bajet negeri Selangor dibentangkan. Namun, isu sampah tidak pernah selesai dan terus menjadi bualan segenap masyarakat selama 7 tahun pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor pada 2008 hingga 2015 dengan pelbagai helah kononnya menjadi sebuah kerajaan yang bijak mengurus dan penyelesaian segala masalah. Namun, isu utama iaitu pengurusan sampah yang efisien terus diperdebatkan dalam Dewan yang mulia ini.

Sampah yang tidak diurus dengan baik menjadi faktor utama peningkatan kes denggi dan berlakunya banjir kilat di Selangor. Kawasan pengumpulan sampah yang terbiar terlalu lama akibat tidak dikutip menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sumber dari Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan bahawa sehingga 17 Oktober 2015 Selangor kekal menjadi negeri pertama mencatat jumlah kes denggi tertinggi dengan jumlah 51,849 kes dilaporkan.

Jawapan Sidang Dewan lepas berkenaan faktor berlakunya banjir kilat di Selangor menyatakan bahawa sampah sarap menjadi punca berlakunya banjir kerana penyebab sistem saluran tersumbat. Statistik aduan yang diterima, MBPJ menyatakan bahawa aduan tertinggi berjumlah 3,088 aduan yang dicatatkan pada tahun 2014 adalah berkaitan sampah kebun, sampah haram, sampah rumah. Selangor mempunyai lebih kurang 5.9 juta penduduk di anggarkan 4,800 ke 5,000 tan sisa pepejal dijana secara purata setiap hari. Sebahagian besar adalah sisa domestik dan pukal dari kawasan kediaman komersial dan industri. Terdapat sebanyak 256 lokasi tapak pembuangan sampah haram di Selangor.

BIL	PBT	BILANGAN TAPAK HARAM
1	MBSA	16
2	MBPJ	33
3	MPSJ	37
4	MPKj	7

5	MPS	9
6	MPK	15
7	MPAJ	28
8	MPSp	5
9	MDKS	64
10	MDKL	4
11	MDSB	31
12	MDHS	7

Kerajaan negeri seperti tidak serius menangani masalah sampah kerana jumlah tapak haram yang masih terlalu tinggi dan membimbangkan, ianya bertambah. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan tapak pembuangan sampah ini terus ditutup dan tidak menyebabkan pemandangan yang tidak enak kepada masyarakat? Faktor yang menyumbang kepada kelemahan pengurusan sampah di Selangor (yang saya lihat):-

- a) Jadual kutipan sampah berkala yang tidak ditepati;
- b) Lantikan kontraktor yang bermasalah; dan
- c) Pembuangan di tapak pelupusan sampah haram.

Pada tahun 2012, kerajaan negeri telah membeli sebanyak 50 buah lori *compactor* sampah yang berharga RM14.5 juta untuk diserahkan kepada PBT, namun hari ini kita tidak tahu di mana lori tersebut berada dan apa hasilnya.

Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri menubuhkan satu *task force* pengurusan sisa pepejal bagi mencari penyelesaian jangka panjang yang menyeluruh bagi masalah sisa pepejal terus berlarutan namun sehingga hari ini keberhasilan *task force* ini terus menjadi tanda tanya.

Pada Oktober 2014, selepas pelantikan Y.A.B. Azmin Ali sebagai Menteri Besar dengan semangat baru MB melakukan lawatan terjah ke tapak pelupusan sampah haram di Batu Caves. Namun, sehingga hari ini isu sampah tidak juga selesai dan mungkin itu kali pertama dan terakhir Menteri Besar akan ke tapak pelupusan sampah. Terdapat 8 kawasan tapak pelupusan yang masih boleh digunakan di Selangor:-

- a) Tapak Pelupusan Sanitari Jeram;
- b) Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong Dua Belas;
- c) Tapak Pelupusan Terbuka Bukit Beruntung;
- d) Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena;
- e) Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar;
- f) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil;
- g) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas;
- h) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang.

Sampai bila kerajaan negeri bergantung harap kepada tapak pelupusan sedia ada ini dengan jumlah sampah yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri perlu memikirkan untuk menggunakan satu teknologi baru seperti *incinerator* yang mesra alam dan dapat menukarkan sampah kepada produk yang berguna. Kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai kajian untuk memilih kaedah terbaik sejak bertahun-tahun lamanya. Namun sekarang, rakyat hanya menanti pelaksanaan dan bukan alasan serta janji kosong sahaja. Pandangan masyarakat kepada masalah sampah yang tidak diurus dengan baik, sampah yang lambat dikutip menyebabkan berulat dan berbau busuk selain menjadi punca penyakit merebak.

Persoalan kepada kerajaan negeri. Bagaimanakah untuk mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal sekiranya jumlah pembukaan kawasan baru dan pembinaan bangunan serta rumah kediaman yang terus meningkat dan menyumbang kepada pertambahan jumlah sampah di Selangor. Sebagai contoh, laporan audit kontrak pembersihan awam bernilai RM686,670 di MDKS tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi. Di MDKS sebanyak 14 perolehan tidak mematuhi peraturan kewangan. Di MDKS 2 jenis aset dengan nilai perolehan masing-masing RM17,500 dan RM17,430 tidak didaftar dan disimpan dengan baik. Ini laporan audit.

Saya juga ingin menyentuh tentang banjir di Selangor. Sebanyak 92 kawasan yang terlibat banjir sepanjang tahun 2014.

BIL	DAERAH	BILANGAN KAWASAN YANG TERLIBAT BANJIR
1	Petaling	17
2	Klang	17
3	Hulu Selangor	15
4	Gombak	11
5	Sepang	7
6	Kuala Langat	7
7	Hulu Langat	6
8	Kuala Selangor	6
9	Sabak Bernam	6

Kerajaan Negeri tidak hanya berjanji untuk memastikan banjir tidak berlaku lagi, namun ia terus berlaku. Satu disebabkan parit dan longkang kotor, rosak dan sumbat kerana tidak diselenggarakan secara berkala, kawasan pembangunan yang tidak terkawal dan haram, sistem perparitan yang tidak terancang. Kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk pencegahan banjir namun kerana tindakan bagi pelaksanaan yang lemah menyebabkan banjir terus berlaku di Selangor.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang isu Rumah Selangorku. Saya lihat pembinaan pelancaran Rumah Selangorku kebanyakannya adalah dari pemaju-pemaju perumahan swasta. Saya ingin mencadangkan (Semenyih ingin mencadangkan) kenapa Rumah Selangorku kerajaan negeri tidak majukan tanah-tanah kerajaan negeri yang masih ada? Sebagai contoh, di DUN Dusun Tua, Hulu Langat. Saya pernah pergi, saya tengok ada papan tanda 'hak milik adalah di bawah PKPS' seluas 600 ekar yang bersempadan dengan Ampang. Tanah yang cukup strategik (600 ekar). Apa salahnya pada hemat saya, kerajaan negeri membuat perancangan rumah yang lebih sempurna. Apa yang sahabat saya di Tanjung Sepat sebutkan tadi Rumah Mampu Milik mungkin ada rakyat Selangor yang tidak mampu berjumlah RM250,000. Di waktu zaman Barisan Nasional, PKNS mainkan peranan. Contohnya, PKNS Beranang di DUN kawasan saya. Nilai di waktu itu hanya sekitar RM20,000 rumah *single storey* dan rumah *single storey* ini wujud juga di Hulu Semenyih. Saya kira masih ada lagi tanah kerajaan negeri Selangor yang boleh dimajukan kalau ia benar-benar memikirkan kepedulian rakyat. Jadi, saya ingin mencadang apa yang saya lihat bila melancar saja Rumah Mampu Milik, semuanya adalah milik swasta. Jadi, kembalikanlah peranan PKNS dan juga anak-anak syarikat yang mempunyai tanah. Tolonglah pedulikan rakyat di Selangor ini.

Dan akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang isu permasalahan air di kawasan saya (khususnya di DUN Semenyih) boleh dikatakan setiap hari (saya tak tahu di kawasan lain di Selangor), tapi setiap hari di kawasan Semenyih ada saja paip yang pecah. Paip yang pecah ini adalah jenis asbestos simen AC yang jadi puncunya dan pernah berlaku sampai empat ke lima kali contohnya di Taman Eng Ann Semenyih, di tempat yang sama pecah. Jadi, boleh dikatakan setiap hari ada taman-taman yang tidak ada air disebabkan tidak diganti paip-paip lama ini. Jadi, saya harap dengan slogan yang diwar-warkan membangunkan SMART Selangor yang peduli, tolonglah pedulikan isu air khususnya di kawasan saya (di Semenyih).

Saya rasa dah sampai terima kasih Puan Speaker memberi ruang kepada Semenyih untuk bersama dalam mengambil bahagian membahaskan Bajet Selangor 2016. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar Selangor yang telah berjaya membentangkan bagi kali keduanya satu bajet yang dikatakan bajet defisit dengan komitmen tidak akan membawa usul perbekalan tambahan pada tahun yang akan datang. Dan keyakinan ini adalah di atas dasar walaupun pada asasnya, Dato' Menteri Besar mengutarakan satu bajet yang berbentuk defisit, tapi dengan tumpuan yang lebih fokus bagi tahun ini telah menghasilkan kutipan hasil cukai (khususnya) yang



berbentuk surplus sehingga pada 30 September 2015, surplus sebanyak RM552.58 juta dianggarkan dan dijangkakan kekal sebagai belanjawan surplus apabila akaun ditutup pada tahun 2015. Dan saya percaya dan yakin bahawa atas dasar ini jugalah pada tahun ini dikeluarkan satu bajet bagi tahun 2016 yang berbentuk defisit dengan tujuan untuk menggerakkan momentum kerja kuat di kalangan kakitangan awam kerajaan dan jentera kerajaan bagi meningkatkan kutipan dengan lebih cekap dan efisien.

Saya ingin (dengan izin) menyatakan bahawa *history has depicted that a balanced budget does not guarantee a steady economic grows*. Ini merupakan satu pertikaian dialog, wacana di kalangan pakar-pakar ekonomi yang mengatakan bahawa tidak semestinya satu bajet yang *balanced* menghasilkan satu kestabilan. Ada kalanya mungkin bajet yang dikatakan defisit berguna untuk yang pentingnya adalah dilakukan benda yang betul. Bagi saya, apa yang perlu diberikan tumpuan oleh Dato' Menteri Besar dan pihak kerajaan adalah bajet yang menggambarkan satu anggaran pendapatan yang wajar. Kalau pada tahun ini terbukti bahawa akan ada surplus sebanyak RM552 juta dan dengan itu dianggarkan juga bahawa kutipan akan lebih besar yang dikatakan sebanyak 14.3% merupakan satu kemungkinan yang akan berlaku pada tahun depan. Ini tidak menggambarkan kepada dewan *calculation* unjuran yang sebenarnya yang ingin dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Jadi, saya ingin menjelaskan apa yang patut kita lakukan adalah melakukan satu yang benar dan tepat dalam konteks penyediaan bajet agar setepat mungkin bahawa anggaran pendapatan diunjurkan ke depan agar tidak kita sentiasa mengatakan bahawa kita mengadakan satu surplus bajet tetapi dalam kiraan yang sebenarnya adalah merupakan satu surplus bajet. Dan yang penting bagi saya adalah apabila rekod menyatakan bahawa hasil kutipan 2016 dianggarkan meningkat sebanyak 14.2% pada RM2.250 bilion di mana 48% separuh daripadanya bersumber daripada premium tanah. Jadi, premium tanah ini sebagaimana telah disebut oleh rakan-rakan daripada pembangkang dan juga gegasing bahawa kita perlu memperincikan apakah premium itu merupakan *one off* dari segi permohonan baru untuk pembelian tanah penghakmilian tanah/pemberimilikan tanah ataupun sambungan pajakan atau adakah dia merupakan *back lock* yang lepas. Adakah banyak lagi peruntukan-peruntukan bagi permohonan premium tanah yang perlu digambarkan pada dewan agar kita tahu bahawa premium tanah ini merupakan satu yang secara terbatas sedangkan *core* yang merupakan (dengan izin) *trust* pada bajet yang merupakan pangkalan yang akan kita lakukan adalah dari segi hasil cukai tanah yang konsisten yang dianggarkan pada tahun ini kutipan sebanyak 20.9%.

Jadi, saya ingin menegaskan di sini bahawa sama ada bajet itu bajet defisit kerana yang penting bajet defisit bererti kerajaan berbelanja lebih dari pendapatan dan tidak bererti tidak semestinya hutang. Kerana masalahnya adalah apabila yang berlaku dalam kerajaan persekutuan sejak tahun 1970 hingga tahun 2014, Malaysia mengamalkan belanjawan defisit sebanyak 43 kali dan dia mula meningkat pada

tahun 2005 dan sebahagian besar daripada defisit itu direkodkan sebagai hutang yang berkumpul beratus-ratus bilion banyaknya. Jadi, kita tahu bahawa apa yang dianggarkan oleh kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar adalah satu belanjawan yang akan ada surplus berdasarkan defisit hanya bererti apabila bajet dikemukakan (bajet ini mengamalkan) bahawa perbelanjaan akan melebihi pendapatan.

Tuan Speaker,

Saya nampak dalam bajet ini apa yang terserlah adalah satu program yang cukup mulia. Saya ingin menyatakan bahawa apa yang saya ingin lihat (dengan izin) *you do not describe the world that you see but you see the world that you describe*. Saya ingin melihat bajet ini sebagai satu komitmen dan keazaman yang tinggi pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk membasmi kemiskinan.

Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan mantan Menteri Besar telah membuat satu keputusan yang *revolutionary* (dengan izin) iaitu menyatakan bahawa garis paris kemiskinan seisi keluarga sebulan adalah RM1,500. Dan dengan itu sekali gus 30% daripada rakyat Selangor berada di bawah garis kemiskinan. Malangnya, walaupun ada perancangan, ada tindakan, ada keazaman, ada kempen, ada komitmen yang berbentuk luahan perasaan dan perancangan apa yang berlaku hanya *reform*, tidak berlaku satu *revolutionary action* dan tidak akan yang menunjukkan komitmen kerajaan negeri Selangor untuk membasmi kemiskinan.

Saya mencadangkan kerajaan negeri terus komited menggaris menyatakan bahawa paras garis kemiskinan adalah RM1,500.00 bagi penduduk luar bandar. Di pinggir bandar RM2,000.00 dan garis kemiskinan bandar adalah RM3,000.00. Ini cadangan daripada pihak Hulu Kelang. Dan dengan itu, apa yang dinyatakan sebagai yang peduli sebagai strategi yang dinyatakan mempertingkatkan pengurusan berhema dan inisiatif peduli hendaklah kita tumpukan oleh insan pada haiwan, pada alam sekitar dan yang paling tinggi peduli kita kepada Tuhan (kepada Allah SWT).

Jadi, saya ingin menegaskan bahawa apa yang saya ingin lihat dan saya akan rangka dalam minda saya, dalam komitmen saya memantau dan membantu pelaksanaan bajet bagi tahun 2016 adalah satu kerangka komitmen untuk membasmi kemiskinan. Di mana dalam membasmi kemiskinan ini, 3 perkara teras perlu kita wujud iaitu sumber pendapatan yang stabil/ yang tetap/ yang menjadikan satu *safety net* (dengan izin) agar tidak ada orang jatuh bawah dari *safety net* iaitu faktor kemiskinan. Ini adalah satu perkara yang penting.

Kedua, mobiliti. Mobiliti ini adalah sama ada sosial ataupun fizikal yang telah digambarkan komitmen ini dalam bajet yang telah dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar. Yang ketiga adalah perumahan (tempat tinggal) di mana negara Singapura

telah menjadikan (bila kita tanya dengan dia ada tak orang miskin?) Dia tak dapat nak luahkan masalah kemiskinan yang dilihat oleh masyarakat negara-negara lain dengan *homeless*, gelandangan, jalanan, orang yang tidak ada tempat tinggal tidak wujud dan tidak berlaku di Singapura kerana ada sistem perumahan yang menjamin bahawa apa yang diistilahkan sebagai manusia terpinggir miskin tidak wujud di negara Singapura.

Jadi dengan itu, saya amat menyanjung satu langkah bantuan makanan asas. Ini adalah satu prinsip yang cukup islamik di mana Allah SWT berfirman (ayat Quran) dengan izin. Jadi maknanya seruan untuk memberi makan kepada orang miskin akan membebaskan kita daripada dikatakan (dalam ayat Al-Quran) adakah kamu lihat orang yang berdusta terhadap agama. Jadi maknanya kalau sebagai sebuah Kerajaan wakil rakyat tidak membela dan memberi makan kepada orang miskin bererti kita telah mendusta kan agama. Jadi saya ingin menyeru merayu bahawa bantuan makanan orang miskin ini jangan diberikan peruntukan 3 juta sahaja untuk 5 ribu orang sekeluarga diatur dan disusun dengan strategik adakah akan dilakukan oleh pihak sentral melalui UPEN, adakah akan diagih-agihkan mengikut DUN bagaimana kaedahnya perlu kita rangkakan kerana 3 juta untuk 5 ribu keluarga hanya melibatkan RM600 setahun ini tidak mencukupi tapi dari segi spiritnya penting dan kemudian perumahan dan saya menyeru agar masalah setinggian diselesaikan seuntas-untasnya dan pengangkutan awam yang merupakan komitmen kepada Kerajaan Negeri Selangor akan kita laksanakan dengan wajar sekali. Satu bantuan makanan asas, kedua perumahan dan ketiga pengangkutan awam dan disokong seterusnya dengan program-program yang terkandung dalam apa yang dinyatakan sebagai merakyatkan ekonomi Selangor.

Tuan Speaker, sebagai penutup saya ingin menjelaskan bahawa orang Islam ada bantuan Lembaga Zakat, *Non Muslim* ada mungkin Gereja, Tokong dan sebagainya dan ada permintaan untuk menubuhkan Hindu *Allotment Government Board* tetapi saya ingin mencadangkan bahawa satu instrumen, satu instrumen di wujudkan untuk boleh menyegerakan dengan penglibatan rakyat Selangor, pihak korporat, individu dan sebagainya hartawan dan dermawan, satu instrumen satu masa dulu pernah disebut oleh mantan Menteri Besar sebagai baitulmal tetapi telah meletup menjadi suatu yang sensitif kerana ia merupakan bidang yang berkaitan dengan agama Islam adalah di luar bidang kuasa Menteri Besar. Saya ingin mencadangkan satu instrumen, yayasan ke, *foundation* ke apa yang melibatkan satu usaha yang bersepadu boleh menyelesaikan kemiskinan, dengan pantas lagi sama bagi orang Islam atau pun orang Buddha, Kristian hindu dan seumpamanya, Melayu dan kaum-kaum yang lain. Sebagai penutup saya ingin menyeru dan meminta Dato' Menteri Besar menghargai dan menghormati keputusan di mana telah wujud satu pakatan politik yang dinamakan sebagai mana yang telah dinyatakan oleh Kampung Tunku, iaitu Pakatan Harapan. Pakatan Harapan merupakan satu gagasan pakatan politik yang nasional dan atas tanggungjawab keprihatinan Dato' Menteri Besar dan saya ada asas menyokong dari masalah rakyat untuk mengekalkan pakatan rakyat di

Negeri Selangor. Pakatan Rakyat terdiri daripada DAP, PKR dan PAS. Mana kala Pakatan Harapan terdiri daripada DAP, PKR dan Parti Amanah Negara. Sebagai ahli Parti Amanah Negara saya terbuka dan saya menyeru agar satu perundingan diwujudkan. Iktirafilah ADUN daripada parti Amanah walaupun dua orang. Kita ada peranan kita sumbangan. Saya ingin berkongsi apa yang telah berlaku pada saya apabila surat yang saya tujukan kepada Dato' Menteri Besar, salinan kepada Tuan Speaker tidak mendapat sebarang jawapan. Manakala Tuan Speaker walaupun salinan kepada telah memberi satu arahan bahawa saya kekal sebagai ADUN Kerajaan menyokong Kerajaan dan tidak ditukar tempat duduk. Dan saya memuji tindakan yang dilakukan oleh Setiausaha Dewan yang bertanya dengan saya, bagaimana kedudukan YB, saya kata saya kekal Kerajaan kerana baginya tidak jelas kerana dia tugas nya adalah untuk kalau bukan Kerajaan akan dipotong peruntukan kita akan duduk sebagai. Dia menerima arahan saya puji tindakan beliau berdepan dengan saya untuk menyatakan pandangan beliau. Saya ingin meluahkan agar di rekod bahawa saya bersedia untuk diwujudkan satu perbincangan rundingan agar Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan dapat mewujudkan satu bentuk kerjasama yang sama ada untuk kebaikan pengukuhan Kerajaan Negeri Selangor ataupun penyediaan ke arah pilihan raya akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Saya bagi ADUN wanita dulu. Kuala Kubu Baharu kemudian Seri Serdang. 10 Minit ya.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Besar yang bersedia membelanjakan sejumlah RM2.88 bilion bagi tahun 2016 untuk melaksanakan semua rancangan pembangunan. Nisbah perbelanjaan mengurus berbanding dengan pembangunan pada 50:50 merupakan satu rekod baru lagi. Memandangkan paras ideal ialah 60 untuk mengurus dan 40 pembangunan. Saya amat kagum dengan perbelanjaan Negeri Selangor pada tahun ini yang temanya Membangunkan *Smart* Selangor Yang Peduli. Rakyat Selangor telah memberi komen-komen yang positif terhadap belanjawan dan menyambut baik untuk membangunkan Selangor sebagai *Smart State* bertaraf dunia. Saya menyahut baik cadangan pemasangan 2500 *Hot Spot Wifi Smart* Selangor menjelang Disember 2015. Saya berharap usaha pemasangan *Wifi Smart* Selangor akan diteruskan pada masa yang akan datang. Kerajaan Selangor perlu memasang banyak *Wifi Smart* Selangor, memandangkan permintaan terhadapnya agak tinggi. Kerajaan Singapura, telah memasang 10 ribu *Hot spot* dan akan memasang 10 ribu lagi pada tahun 2016. Bagi mencapai jumlah 20 ribu *Hot sport*, populasi penduduk Selangor adalah agak sama dengan populasi penduduk Singapura, maka jumlah *Hotspot Wifi Smart* Selangor tidak boleh jauh ketinggalan dengan jumlah *wireless at* SG. Selain daripada itu penambahan *Hotspot* Kerajaan Selangor juga perlu memilih operator yang betul-betul layak dan boleh menjamin *Wifi Smart* Selangor sentiasa berfungsi dengan baik demi menjaga imej *Smart* Selangor, saya juga menyeru Kerajaan Pusat

yang akan membelanjakan RM1.2 bilion untuk tambah baik infrastruktur komunikasi pada tahun 2016 itu melibatkan semua kawasan di Selangor supaya kelajuan *Wifi Smart* Selangor itu mencapai 30 mbps.

Puan Speaker, kejayaan Kerajaan Negeri Selangor memiliki semula perkhidmatan industri perkhidmatan air adalah satu kejayaan yang harus dipuji. Air Selangor Sdn Bhd dengan rasminya mengambil air pengurusan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd mulai 15 Oktober 2015, adalah berita yang amat baik. Saya pernah mengemukakan pertanyaan bertulis kepada Dewan yang mulia ini, pada tahun 2013 mengenai paip perhubungan paip bekalan air yang usianya sudah lebih daripada 40 tahun di mana SYABAS mengawal bekalan air tekanan air tersebut supaya ia tidak mudah pecah, dan tindakan itu telah menyebabkan penduduk tidak dapat menikmati air yang mencukupi dan kegunaan biasa mereka terganggu. Jawapan yang diberi pada masa itu kepada saya ialah SYABAS telah dipertanggungjawabkan untuk membuat meneliti semula semua sistem agihan termasuk paip perhubungan yang berusia lebih 40 tahun. Cadangan penukaran paip perhubungan berusia lebih 40 tahun memang telah ada dalam cadangan kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan oleh SYABAS menggunakan peruntukan CAPEX. Akan tetapi jawapan daripada Dewan yang mulia ini, tidak digunakan pakai pada peringkat daerah, pihak SYABAS di peringkat daerah pula mengatakan mereka tidak akan menukar paip perhubungan bekalan air kerana penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor belum dimuktamadkan. Perkara ini bertambah serius lagi apabila kes paip pecah sering berlaku di kawasan Kuala Kubu Baharu berlaku pada tahun ini. Ini telah menyebabkan penduduk selalu menghadapi gangguan bekalan air dan ini menyusahkan kehidupan biasa. Sekarang penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air telah dimuktamadkan maka saya amat berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh menyediakan dasar bagi memastikan paip-paip perhubungan bekalan air yang mudah pecah akan digantikan atau ditukar dengan cepat bagi menunjukkan kesungguhan nya kita menuju ke *Smart* Selangor Yang Peduli.

Puan Speaker, cadangan Kerajaan Negeri mengenai Skim DanaSel, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 ribu RM10 juta, 2016 bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah. Memiliki rumah melalui kaedah sewa dan milik memang memberi manfaat kepada mereka yang betul-betul memerlukan rumah untuk sebagai tempat tinggal dan ia akan mendapat sambutan yang baik. Saya menyeru Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada bekas pekerja ladang, yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah juga. Baru-baru ini, kawasan DUN Kuala Kubu Baharu dan DUN Permatang, Yang Berhormat Permatang kali kita kawan tak lawan, terdapat 84 bekas pekerja ladang dari Ladang Bukit Tagar, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Minyak, Ladang Mary yang mengadu kepada kami bahawa pemilik ladang yang baru itu tidak akan membenarkan mereka tinggal di rumah pekerja ladang tidak lama lagi. Bekas pekerja ladang amat risau, kerana mereka tidak mempunyai rumah di luar ladang. Usia mereka juga melebihi 55 tahun selepas bekerja di ladang berpuluh-puluh tahun. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh

mewujudkan satu dasar bagi membantu bekas pekerja ladang yang tidak berkemampuan mendapat tempat tinggal.

Puan Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bercadang menaik taraf kemudahan sukan *paragliding* di Bukit Batu Pahat Kuala Kubu Baharu sebagai persiapan sukan SEA 2017 serta menarik pelancong sukan tersebut. Saya ingin mempromosikan Kuala Kubu Baharu, Bukit Batu Pahat itu mempunyai ketinggian kira-kira 427 meter daripada permukaan laut. Ia akan memberi pengalaman yang menarik peminat sukan *paragliding*. Tidak jauh dari bukit berkenaan Taman Milenium Stadium bersama padang terbuka, di samping tasik berhampiran akan membuatkan peminat sukan ini merasa tenang ketika mendarat. Saya bertemu dengan jaguh-jaguh dunia *paragliding* pada bulan Mei yang lalu mereka memuji Bukit Batu Pahat kerana ini tempat yang paling sesuai untuk sukan udara ini. Budi bicara dan jasa baik Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membangunkan Bukit Batu Pahat akan sentiasa dikenang.

Puan Speaker, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya menyokong belanjawan 2016 yang telah dibentangkan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh* dan selamat petang. Seri Serdang mengucapkan syabas dan tahniah atas pembentangan bajet Selangor yang sangat peduli rakyat oleh Dato' Menteri Besar Yang Amat Berhormat Mohamed Azmin Ali pada Jumaat yang lepas. Tahniah dan syabas Dato' Menteri di atas tadbiran ini yang cukup cemerlang dengan kerjasama EXCO dan semua Jabatan di bawah Pakatan Rakyat di Negeri Selangor dan menjadikan Selangor yang tidak berlaku pada zaman pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini.

Tahun 2016 dengan bertemakan Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli dengan peruntukan RM2.88 bilion menjurus ke arah kebajikan rakyat dan melihatkan kepada falsafah pentadbiran bakti untuk semua yang didefinisikan sebagai sebuah negeri yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Di sini Seri Serdang ingin mengambil bahagian mengajak Ahli Dewan fikirkan sejenak dan memfokuskan pembangunan kapasiti wanita, generasi Y dan ekonomi kreatif sebagai strategi belanjawan untuk mentransformasikan bahawa *Smart* Selangor menjadi realiti sejauh manakah kita membangunkan wanita dengan beberapa aspek. Salah satu daripadanya adalah PWB, Pembangunan Wanita Berdaya adalah satu cabang untuk membangunkan wanita yang telah diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 bagi setiap DUN.

Di sini Seri Serdang ingin menyarankan agar program PWB sama ada berstruktur atau tidak berstruktur yang akan diuruskan oleh DUN masing-masing atau penyelaras DUN dan pihak EXCO sebagai pemantau. Kebolehan wanita dalam perniagaan amat ternyata, pertama di dalam komuniti perniagaan kecil dan sederhana melalui PWB *Shop* dapat diurus dan terurus. Di bawah pentadbiran Dato' Menteri Besar sekali lagi, Seri Serdang ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segala cadangan yang telah diberikan untuk menjadikan *World Muslim Fashion City* yang akan dibangunkan di Shah Alam. Ini menunjukkan dunia Islam adalah tamadun yang sangat kosmopolitan, cukup pentingkan fesyen dalam kehidupan manusia. Selangor merupakan yang pertama untuk menampilkan kepelbagaian identiti dengan itu Seri Serdang amat menyokong dan meletakkan syarat mengikut syariat begitu juga yang dicadangkan kepada generasi Y terutama pemain-pemain bola sepak yang beraksi di padang dengan mengenakan *jersey* pakaian mereka juga mengikut syariat.

Kebajikan untuk ibu tunggal seperti sedia maklum Selangor terkenal ramainya ibu tunggal di setiap DUN-DUN. Oleh itu, Seri Serdang ingin mengambil perhatian ke atas ibu tunggal ini terutama dari segi pendidikan. Statistik menunjukkan 13% sahaja ibu tunggal yang tiada berpendidikan yang selainnya yang selebihnya walaupun berpendidikan tetapi tidak diberi peluang dan terbantut dengan masalah-masalah peribadi, masalah sosial dan kadang-kadang boleh menjadi sebagai pesakit jiwa. Dalam kesempatan yang ada, Seri Serdang ingin mencadangkan bantuan sosial diberikan kepada program-program dan bantuan-bantuan kerja dari rumah. Pendek kata bantuan sosial juga dicadangkan seperti ikid yang memberi tumpuan kepada bidang kemahiran iaitu jahitan, kraf tangan, pelancongan, terapi kecantikan, perniagaan, usahawan dan penjagaan kanak-kanak.

Penjagaan kanak-kanak sudah beberapa kali sidang di Dewan ini, Ahli-Ahli Dewan menyeru dan menyarankan penjagaan kanak-kanak atau nurseri diperbanyakkan di pihak Kerajaan dan Swasta. Apa yang ternyata, di PBT-PBT juga harus memainkan peranan untuk membuka nurseri untuk membantu pekerja-pekerja wanita yang produktif. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada MPSJ yang masih mengekalkan nurseri mereka di Kompleks 3C sehingga kini. Bagi PBT-PBT yang lain sekiranya belum boleh melakukan sedemikian.

Makluman Dewan hari ini hujan di luar sana dan saya telah menerima beberapa panggilan iaitu banjir sedang melanda kali ketiga dalam minggu ini, Alhamdulillah. Itu adalah satu rahmat mungkin. Tiada hujan, tiada lah banjir Seri Serdang sinonim dengan banjirnya. Dua tahun berlalu mendalamkan Sungai Kuyuh, melebarkan sungai, menaikkan dataran tadahan masih juga belum diselesaikan sehingga kini. Yang seri-seri tu sekarang dah tidak berseri. Seri Muda cukup setuju dengan saya, saya rasa. Ditambah pula dengan kerja-kerja LRT, yang kurang bertanggungjawab dalam mengurus tadbir saluran air. Saya menyeru kepada Dato' Menteri Besar supaya mengambil serius dan Seri Serdang mewakili 73,000 penduduk Seri

Serdang atas perkara ini. Banjir di sana sini untuk minggu ini sahaja dan yang terakhir di sini Seri Serdang ingin memohon agar pihak Dewan mengambil perhatian memandangkan bajet pada JKR yang begitu tinggi.

Seri Serdang memohon membesarkan jalan keluar dari Seri Kembangan, pasar borong Selangor ke Putrajaya agar diambil peduli dengan kesesakan lalu lintas yang begitu teruk sekali. Akhir kata, habis idea-idea telah pun diambil oleh ADUN-ADUN lain (ketawa) cuma Seri Serdang ingin membawa satu perkara berkenaan dengan warga asing. Iaitu pelarian Rohingya dan memohon Kerajaan Negeri agar memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya ini yang ramai di Selangor penempatan-penempatan yang tidak diurus terutama mereka yang beragama Islam dan juga bukan yang beragama Islam. Hanya NGO-NGO yang mengambil berat untuk kebajikan mereka dan bahagian kebajikan EXCO Kebajikan saya rasa perlu prihatin dengan perkara pelarian Rohingya ini dan mereka adalah bukan warga asing yang membawa penyakit seperti limpahan warga asing di Puchong yang begitu ramai.

Dan akhir sekali, sebagai penutup bicara istiqamahlah untuk berbakti kepada rakyat dan jangan melayan gangguan nyamuk yang seekor dua sehingga kelambu yang indah, nyamuk ya, denggi. Gangguan nyamuk yang seekor dua sehingga kelambu yang indah, kenangan malam pertama mungkin dibakar hangus mudah-mudahan Allah memberkati dan memberi hidayah kepada semua. Seri Serdang menyokong belanjawan 2016. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker.  
*Assalamualaikum Warahmatullahitaallah Wabarakatuh...*

**TUAN SPEAKER:** 10 minit ya Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Ya?

**TUAN SPEAKER:** 10 minit.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Kalau habis. (Ketawa). Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim.* Saya ingin mulakan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membentangkan belanjawan 2016 ini iaitu saya ingin memetik ucapan terakhir Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan kata-kata nasihat dan peringatan terutamanya wakil-wakil rakyat kita. Ya ini, inilah realiti Selangor, rencam dan penuh harapan. Usah bimbang dan gundah gulana, ekonomi kuat, rakyat selamat, negeri berkat. Rakyat telah memberikan mandat berdasarkan manfaat, muafakat yang berpegang kepada prinsip keadilan dan kemakmuran untuk semua. Jangan khianati, jangan khianati amanah ini. Saya mempunyai



tanggungjawab moral untuk pertahankan muafakat ini. Insafilah masih ramai rakyat di luar sana yang memerlukan perhatian dan pembelaan. Marilah kita bulatkan muafakat laksanakan, laksana bulatnya air dalam pembetung. Saya menyeru kepada perpaduan demi rakyat. Ayuh kita bekerja sebagai satu pasukan dengan perpaduan kita akan peroleh kekuatan dengan kekuatan kita gunakan untuk mentadbir negeri dan menambah khidmat kepada rakyat.

Rakyat di luar telah memberi keyakinan, memberi amanah kepada Kerajaan Negeri yang mana mereka memilih dalam Pilihan Raya yang ke-13 dan mereka mengharapkan ketiga-tiga parti yang diberi amanah iaitu Pakatan Rakyat, PAS dan DAP untuk mentadbir Negeri Selangor sampai Pilihan Raya yang akan datang.

Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan yang syumul dan lestari iaitu berjumlah 2.880 bilion dengan 5 strategi dasar. Satu belanjawan yang tidak meninggalkan sesiapa kerana mendapat sesuatu bagi setiap lapisan masyarakat. Belanjawan yang dibentangkan adalah satu belanjawan yang peduli rakyat yang telah mempamerkan ciri-ciri politik yang matang. Kita lihat hari ini terlalu ramai pemimpin-pemimpin yang selalu sibuk bermain politik sehingga kebajikan rakyat bukan lagi menjadi kerja utama. Terutamanya wakil-wakil rakyat. Rakyat Selangor adalah rakyat yang berpengetahuan dan sentiasa mahukan yang terbaik dari Kerajaan. Oleh yang demikian, semua pemimpin di negeri ini iaitu Negeri Selangor perlu memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memberi pembelaan kepada rakyat. Rakyat tidak mahu melihat sebarang kekalutan yang akan mengganggu kebolehan Kerajaan memberikan perkhidmatan yang terbaik atau memacu pembangunan negeri ini. Rakyat tidak mahu sebarang polemik dibangkitkan sehingga menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat. Dengan itu, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menunjukkan caranya yang boleh mewujudkan pertelingkahan dan kegusaran.

Kerajaan Negeri hari ini, telah mentadbir dengan baik dan diakui oleh rakyat maka sewajarnya aturan yang ada pada hari ini diteruskan. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang 5 strategi yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu yang pertamanya strategi yang kedua iaitu pemulihan sungai terutamanya sungai-sungai seluruh Negeri Selangor dan kali ini kita melihat bahawa bajet telah diberikan sebanyak 15 juta untuk program pembangunan sungai terutamanya di Sungai Klang. Kita menyokong sepenuhnya tetapi peduli rakyat kita jangan lupa sungai-sungai yang ada di tempat-tempat lain terutamanya di tempat saya di Dusun Tua. Sekarang ini kita menunggu masa sahaja untuk kita bekerja menyelamatkan rumah dan penduduk yang akan ditimpa banjir nanti. Kesannya ialah ataupun penyumbangannya adalah sungai-sungai yang tidak terurus.

Saya tidak tahu sama ada sebulan sebanyak 1,614 tan yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sampah-sampah yang dikutip di sungai-sungai seluruh sungai ataupun di Sungai Klang sahaja dengan jumlah sebanyak 58 juta setahun untuk penyelenggara sungai-sungai ini. Kalau ini berlaku sudah semestinya sungai di tempat saya iaitu Sungai Langat dan sungai-sungai lain pun sampah begitu banyak dibuang di dalam sungai dan kesan daripada ini maka banjir akan berlaku dan ini telah banyak kali kita telah rujuk kepada pihak-pihak tertentu, agensi-agensi yang menguruskan sungai ini tetapi kadang-kadang kita melihat apakah peranan LUAS? Apakah peranan JPS? dan apakah peranan Semesta? Kadang-kadang bila kita ajukan perkara ini kepada pihak LUAS, pihak LUAS kata JPS. Bila ajukan kepada JPS, JPS kata ini urusan Semesta. Oleh kerana itu, kita minta supaya kerajaan mengambil perhatian ini dan memastikan supaya sungai-sungai ini dapat diuruskan dengan baik. Contohnya, Sungai Langat di Batu 11 hanya beberapa meter sahaja tempat tapisan air sungai tetapi di situ kita lihat sungai makin lama makin kecil, makin lama makin kecil kerana ada pihak-pihak tertentu di kilang-kilang membuang sampah-sampah dan juga tanah-tanah supaya mereka ini dapat membesarkan kawasan kilangnya dan ini menjadikan punca sungai kecil dan air mudah melimpah dan membanjir kepada rumah-rumah berhampiran dan yang kedua iaitu berhubung dengan strategi yang ketiga pengangkutan awam. Ini lagi sekali saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya sebanyak 10 juta yang diberikan tambahan kepada perkhidmatan awam ini iaitu bas *Smart* Selangor ini supaya dapat meluaskan lagi perkhidmatannya dan saya dah beritahu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu minta kerjasama Yang Amat Berhormat supaya menyediakan bas *Smart* Selangor ini daripada Ampang ke Hulu Langat kerana Ampang Hulu Langat ini banyak pengguna-pengguna jalan raya kadang-kadang mereka tidak dapat menikmati bas yang sepatutnya dan kalau ini dapat dilaksanakan sudah semestinya rakyat akan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri dan kita dapat mempertahankan Kerajaan Negeri pada Pilihanraya yang akan datang dan juga atas dasar kita peduli rakyat ini saya minta juga supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah turun ke Kampung Batu 10, iaitu penduduk di sana telah maklumkan kepada saya, *insya-Allah* dalam bajet yang akan datang ini minta kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya meluluskan atau memberi mereka geran tanah ataupun tempat mereka duduk sekarang ini sudah hampir 80 tahun tanah mereka itu, rumah mereka itu, tidak diberi sebarang lesen penduduk yang tetap dan begitu juga satu lagi kampung yang telah diambil tanahnya iaitu diberi nama Kampung Mampir, ya di tempat saya dan mereka mengharap supaya Kerajaan Negeri betul-betul peduli rakyat dan memberi mereka itu tempat-tempat penginapan yang diharapkan dan *insya-Allah* dengan ini saya menyokong sepenuhnya belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih kerana diberi peluang dalam sama-sama perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2016. Sebagaimana kata Serdang tadi hari dah petang, dah sebut pasal kelambu mungkin saya orang terakhir yang berucap dan saya ucap terima kasih kepada speaker dan kepada Hulu Klang dan juga Dusun Tua. Hulu Klang tadi kata takut tak ada kerusi dalam Dewan, jangan bimbang Hulu Klang apa pun ke mana pergi pun tetap dalam Dewan ini. Pergi sana atau sebelah sini. Kalau masuk sebelah sini ramai kita jadi kerajaan, itu sahaja. Dusun Tua pun sama, jangan bimbang tak ke mana pun dalam Dewan ini tetap bersama.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyebut ataupun membahaskan mengenai belanjawan yang disebut sebagai *Smart* Selangor membangun *Smart* Selangor yang Peduli. Saya ingat ini satu aspek baru yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya boleh memahami bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan tajuk ini *Smart* Selangor kepada Sungai Panjang, tak pe lah apa pun ayat yang nak digunakan saya rasa itu hak Kerajaan Negeri untuk kemukakan *Smart* Selangor sebab ini mungkin ialah kita sedia maklum saya boleh memahami keadaan Menteri Besar apabila perkataan Selangorku itu ialah idea ataupun legasi daripada Pelabuhan Klang yang dahulu. Jadi nak sebut ulang kali pun rasa dah tak seronok kita buat *Smart* Selangor. Jadi saya boleh terima itu sebagai satu slogan yang baru lah daripada pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, saya bagi 10 minit, pandai-pandai ya jangan provok sebelah sini kalau nak ucapan yang lancar dan boleh habiskan dalam 10 minit. Ya Sungai Pinang, Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, 36(6), kenyataan itu adalah niat jahat kerana kita tukar bas Selangorku kepada bas *Smart* Selangor bukan Haahhh (tepuak meja). Itu niat jahat dan niat jahat yang tidak berapa cerdik.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok tak boleh ulas lah.

**TUAN SPEAKER:** Permatang...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya minta dia tarik balik ni.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya teruslah, saya teruslah, tak pe

**TUAN SPEAKER:** Permatang teruskan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sebab saya akan sebut jugak pasal Rumah Selangorku ini sebagai satu daripada perkara yang saya nak sebut sebagaimana yang dah disebut oleh rakan-rakan yang lain mengenai apa ni. Walau bagaimanapun saya nak respons sedikit lah kepada Sekinchan sebab semalam sebut pasal bonus 1.5 bulan yang diberi kata Kerajaan Federal tak bagi Sekinchan, saya nak beritahu kepada Yang Berhormat walaupun Perdana Menteri hanya umumkan 500 token kepada semua penjawat awam tapi itu saya nak beritahu bahawa semua penjawat awam diberikan satu kenaikan gaji tahunan yang memberi manfaat kepada 1.6 juta yang mana jumlah itu lebih besar dan lebih manfaat kepada mereka sepanjang perkhidmatan mereka baki perkhidmatan yang ada termasuk sampai mereka pencen. Hah, itu sebenarnya tapi oleh sebab Sekinchan tak minat dengan belanjawan persekutuan jadi Sekinchan kata tak bagi apa-apa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya... saya nak minta celahan sikit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Lepas tu manfaat yang lain jugak banyak, gaji minimum ditambah saya ingat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta sikit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Permatang, soal naik gaji ni, Kerajaan Negeri Selangor pun semua akan buat. Naik gaji dan sebagainya. Kita bicara soal bonus itu, kenapa oleh kerana kutip GST sampai lebih RM20 bilion dan sebagainya RM28 bilion bagi lah lebih kepada kakitangan kerajaan kerana mereka bekerja keras dan mereka ini dalam sengsara kerana GST.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan, kalau Sekinchan tak jelas pasal kenaikan satu mata gaji nanti lepas ni Sekinchan pergi cari ahli perkhidmatan awam tanya mereka apa kebaikan satu mata kenaikan gaji ni. Lebih daripada bonus sebenarnya. Tapi Sekinchan tak faham tak pe sebab tak pernah jadi ahli perkhidmatan awam. Ok, saya teruskan mengenai rumah mampu milik, saya nak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat Menteri Besar saya nak sebutkan tadi tapi Sungai Pinang dah bangkitkan pada saya. Oleh kerana dah tukar jadi *Smart* Selangor kita punya cogan kata bas pun dah tukar daripada bas Selangorku kepada bas *Smart* Selangor jadi rumah Selangorku ini jadi patut tukar kepada rumah *Smart* Selangor.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau kita tukar kata kita takut Pelabuhan Klang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jadi ini saya cadangkan...Eh.. saya tak kata.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kata belit-belit ni.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya cadangkan supaya semua ditukar kepada *Smart* Selangor jadi rumah Selangorku ditukarlah kepada Rumah *Smart* Selangor, saya harap Menteri Besar bersetuju lah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapi tadi kata, kita tukar sebab kita takut. Itu warisan daripada Pelabuhan Klang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat silap

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Cakap pusing-pusing ni.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak kata takut, saya kata Selangorku itu ialah legasi Pelabuhan Klang. Legasi Pelabuhan Klang. Menteri Besar yang baru rasa tak berapa seronok nak sebut tukar *Smart* Selangor, saya kata saya setujulah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Permatang nak celah sikit

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok.

**TUAN SPEAKER:** Permatang 5 minit sahaja saya bagi cepat pada isu DUN Permatang.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ah sikit aje

**TUAN SPEAKER:** Semalam dah banyak perbahasan mengenai *Smart* Selangor

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, ni kan yang terakhir nak cakap ni

**TUAN SPEAKER:** Ok Permatang cepat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Permatang saya rasa Sungai Pinang tu dia tak faham bahasa. Itu aje lah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bahasa apa tak faham, Bahasa Inggeris saya faham, Bahasa Malaysia saya faham Bahasa Tionghoa pun apa tah lagi. (Ketawa). Siapa kata tak faham. Bahasa Jawa saya tak tahu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai rumah Selangorku lah ataupun rumah *Smart* Selangor, rumah *Smart* Selangor, Menteri Besar boleh terima kalau saya yang tukar ni tapi saya tak ada hak nak tukar, saya cadang lah sebab bas dah tukar *hashtag* dah tukar jadi kita tukar *Smart* Selangor jadi senang semua sekali kita tukar. Berkenaan dengan rumah saya macam kawan-kawan yang lain jugak tadi Semenyih pun ada sebut rumah ini kalau kita boleh bayangkan Speaker, saya terima jemputan seminggu 5 kali jemputan kenduri kahwin kalau 56 ADUN kira tadi 280 kenduri kahwin seminggu. Sebulan 3,360 kalau kali 12 bulan maknanya

**TUAN SPEAKER:** Yang ini perkahwinan pertama ke, perkahwinan kedua? (Ketawa). Ada beza tau Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Pertama. Yang Pertama jadi bila ini jumlahnya maknanya pasangan baru yang berkahwin semakin hari semakin meningkat tu yang saya nak sampaikan. Keperluan kepada rumah semakin hari semakin mendesak. Saya rasa bukan saya rasa saya lihat bahawa keperluan kepada rumah ini tidak boleh dibuat secara *one off*. Dia kena menjadi satu dasar yang jelas. Dia kena menjadi satu perancangan yang jelas supaya keperluan ini seimbang dengan jumlah penduduk, jumlah keluarga yang berkahwin dengan pertumbuhan ataupun pembinaan rumah-rumah baru. Sebab itulah saya lihat terima kasih lah kepada EXCO bekalkan saya ni. Dulu saya tidak ada benda ni. Jadi nampak EXCO tu sentiasa apa ni sentiasa... dah bagi saya terima lah saya nak baca ni. Dalam ni saya tengok walaupun 15,000 unit Yang Menteri Besar umumkan dalam bajet saya boleh terima tetapi sebahagian besarnya datang daripada pemaju-pemaju swasta yang mana beberapa bentuk apa ni cara yang dikenakan kepada pemaju-pemaju swasta seperti syarat menyediakan rumah mampu milik yang diberikan kebenaran merancang kemudian diberikan juga syarat untuk mengemukakan jadual pelaksanaan kerja dan juga sebagainya. Ini memang boleh kita tapi soalnya sejauh mana pemaju-pemaju mematuhi ataupun mengikut semua perkara-perkara yang dikenakan kepada mereka. Saya nak bagi contoh di kawasan saya sendiri sebuah pembangunan 300 ekar di bawah *gold page* yang juga dikenakan syarat membina rumah mampu milik hari ini pembangunan komersial selesai. Pembangunan rumah-rumah mampu lihat hampir selesai tapi rumah mampu milik tapak pun tak ada lagi. Bagaimana peraturan-peraturan yang kita kenakan kepada mereka, bagaimana mereka boleh terlepas? Dan akhirnya kalau pemaju tak buat apa yang kita boleh buat?

Sebab itu saya nak bandingkan saya bukan nak bandingkan tapi saya nak mengambil bagaimana Kerajaan Persekutuan melihat itu sebagai satu keutamaan sebab itu dalam Kerajaan Persekutuan mereka kemukakan agensi yang sebenar-bertanggungjawab untuk membina rumah-rumah. Agensi khusus seperti Prima, SPNB kemudian juga KPKT diberi kemudian juga agensi-agensinya kerajaan seperti

FELDA kena buat 20,000. FELCRA, RISDA, GLC-GLC diberikan semua kena buat wajib buat dan fokus kepada rumah mampu milik. Sebab itu saya nak minta supaya Kerajaan Negeri apabila kita jadikan perumahan ini satu keperluan ataupun satu agenda utama beri peluang lantik anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. PKNS pergi mana? PNSB macam mana? KDEB macam mana? Mereka-mereka ini, agensi-agensi ini kena diberi peranan yang jelas supaya mereka bina rumah mampu milik. Walaupun sekarang mereka buat tapi bagi pengurusan. Balik kepada agenda asal mereka mampu tumpukan kalau kita ada keperluan 15,000 pastikan PKNS buat 5,000, PNSB buat 5,000, dan yang lain itu dibuat oleh swasta. Swasta ini untuk menampung sebab Kerajaan Negeri boleh kawal setakat mana. Mereka kata ok nak bagi kebenaran merancang mereka setuju letak 30%. Bagikan pelan pembangunan mereka bagi akhirnya mereka tidak buat.

So, bagaimanakah angka-angka ini apakah boleh dilaksanakan ataupun bolehkan jumlah itu boleh kita capai?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Masa sudah tamat

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak faham apa Kota Anggerik cakap.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Masa sudah tamat.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik yang itu peranan Speaker. Permatang tolong rumuskan. Cepat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok saya nak tunjukkan fasal kawasan lah. Ini saya nak mohon kepada EXCO Perumahan dalam bajet juga Menteri Besar ada umumkan 20 juta untuk pemulihan rumah-rumah terbengkalai di kawasan saya, saya dah sebut dah tahun yang ke-8 dah saya sebut mengenai rumah Taman Sungai Yu Indah ni. Jadi Yang Berhormat ada pernah berikan jawapan kepada saya pada tahun 2013 bahawa Taman Sungai Yu Indah ini akan siap dibina pada tahun 2014. Saya ada jawapan daripada Yang Berhormat 2014, ini dah 2015 dah nak masuk 2016 nampaknya rumah itu masih lagi tak berjalan dan itu ialah termasuk rumah-rumah mampu milik. Memang rumah *low cost* jadi saya nak minta supaya pada tahun 2016 boleh lah dilaksanakan yang lebih kurang 300 unit ini boleh menampung rumah mampu milik yang akan dibuat bukan dibuat akan dilaksanakan sebab ini lah projek PNSB anak syarikat Kerajaan Negeri.

Jadi Yang Berhormat Speaker saya juga nak menyentuh sedikit mengenai air, sedikit yang juga disentuh oleh rakan-rakan yang lain ialah saya akui dan ucap terima kasih kepada kesediaan Kerajaan Negeri yang akhirnya pada 15 Oktober dapat dimuktamadkan mengenai perjanjian air ini dan kalau lah tolak ansur ini kita buat kita tak bazirkan 7 tahun untuk tujuan yang untuk perbahasan sahaja yang akhirnya titik

noctahnya tiada. Dan akhirnya atas persetujuan bersama Alhamdulillah 7 tahun ini yang kita dah bazirkan dengan perbahasan dan macam-macam perkara akhirnya dapat dibuat dengan baik. Cuma satu saya nak minta ulang balik sebagaimana yang rakan-rakan saya sebut bagaimana kedudukan SPLASH ini? Kita nak minta supaya sebelum tarikh 16 September tarikh akhir SPLASH ini kena dimaktubkan jumlahnya supaya kita nak supaya 250 juta yang dijangkakan yang akan dibayar kepada SPLASH ini boleh diterima ataupun tidak oleh pihak mereka dan kalau ada peruntukan tambahan di mana kita nak cari? Adakah akan melibatkan tarif, akan melibatkan banyak perkara-perkara yang lain ini dan saya harapkan supaya juga NRW. Ini bila pengurusan air dah diserahkan kepada Kerajaan Negeri, saya harap tidak ada lagi alasan. Selepas ini masalah NRW, masalah catuan air, masalah sebagaimana di Semenyih hari-hari tak ada air di kawasan-kawasan lain juga banyak tak ada air dan ada dalam perangkaan ini juga lebih kurang ada 600 ada saya nak sebut sini ini ada dapat daripada *detail* daripada Kementerian apa ni KETTHA lebih kurang ada banyak ni 951 buah projek tak dapat diluluskan kerana masalah sokongan daripada bekalan air. Jadi sudah tentu ini akan merugikan dari segi apa ni hasil kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam bentuk pelbagai bentuk projek dan juga mungkin perumahan, industri dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan supaya isu air ni dapat diuruskan dengan jelas dengan baik, NRW dapat dikurangkan dan juga apa ni perkara-perkara yang berkaitan SPLASH ini dapat diteruskan. Kita harap jangan sampai SPLASH tinggal masih juga sebagai pemegang konsesi di dalam industri air di negeri Selangor ya.

**TUAN SPEAKER** : Habiskan ayat terakhir Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ayat terakhir ya...mana tadi

**TUAN SPEAKER** : Sokong atau tak sokong belanjawan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tu akhir nanti....*last* nanti baru sokong tu Tuan Speaker. Mengenai sistem pengangkutan kalau boleh sikit lagi lah saya nak sebut ini mengenai sistem pengangkutan Awam Negeri Selangor saya ucap mengalu-alukan kajian yang akan dibuat oleh YAB Menteri Besar ataupun Kerajaan Negeri enam bulan yang...bulan 12 akan dapatlah apa bentuk...pelan struktur Sistem Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Dan tadi dikatakan disasarkan lebih kurang 60% penggunaan untuk kenderaan awam berbanding 40% kenderaan persendirian. Saya nak tanya apa implikasi kewangan mengenai pelan infrastruktur ini. Jangan sampai kita mengadakan pelan struktur tapi apa implikasi kewangan kita akan gunakan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kesesakan sebab YAB dah buat kenyataan TOL tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah trafik. Tapi kita nak tau apa implikasi kewangan, apa kekuatan kerajaan negeri untuk membina jalan-jalan baru menaiktaraf dan sebagainya. Ini juga akan memberikan kesan kewangan yang besar. Sebab itulah saya mengharapkan usaha sama dengan kerajaan Persekutuan kena diteruskan. Walau bagaimanapun YAB



menolak mengenai pembinaan Lebuhraya Baru. Tapi saya tetap memohon kepada YAB untuk pertimbangkan mengenai pembinaan Lebuhraya Pantai Barat, LPB yang mana perkara ini sudah dilaksanakan dan saya mengharapkan LPB ini tidak menghadapi apa-apa halangan kerana akan merentas kawasan-kawasan baru melibatkan di kawasan saya, Sungai Burung, Tanjung Karang dan kita sudah....saya ingat perbincangan pun dah buat dengan Menteri Kerja Raya, jadi supaya kelulusan, sokongan termasuk pengambilan tanah dan sebagainya boleh diberi kepada LPB ini kerana LPB ini sudah tentunya memberi kemudahan kepada kawasan yang hari ini kesesakan di Kuala Selangor, Sabak Bernam dan juga kami nak arah Utara pun memang susah terpaksa pusing jauh. Jadi kalau ada Lebuhraya yang baru ini sokongan daripada Kerajaan, Kelulusan Kebenaran Merancang dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri sudah pasti akan dapat membantu memudahkan. Satunya untuk kelancaran trafik dan keduanya sudah tentulah akan membangunkan koridor baru pembangunan ataupun kawasan koridor baru perniagaan di kawasan yang akan dibangunkan di kawasan yang berkenaan. Ya. Jadi YB Speaker saya ingat itu sajalah. Mungkin tak ada ruang lagi untuk kita berbahaskan perkara ini. Saya ucap terima kasih kepada Speaker memberi ruang kepada saya. Itu saja, terima kasih. *Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER** : Lima minit seorang ya. Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker. Lima minit pun tak mengapalah. Jadi saya ringkaskan perbahasan saya. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada YAB Menteri Besar yang telah membentangkan belanjawan 2016 bagi negeri Selangor yang telah mempamerkan pendekatan baru dan berani untuk mengagihkan perbelanjaan kepada 50% belanja mengurus dan 50% untuk pembangunan. Dan tahun 2015 telah membuktikan pendekatan ini telah menghasilkan satu kesan yang positif walaupun belanjawannya belanjawan yang defisit tapi telah melihatkan kepada kita pada 30 September dia menjadi belanjawan yang surplus. Mempunyai lebihan. Taman Medan juga menyambut baik kefahaman pihak Kerajaan Negeri peranan Legislatif yang sangat penting bagi memantau eksekutif supaya sentiasa berada di atas landasan yang betul. Dan janganlah kerajaan Negeri merasa pihak Legislatif hanya ingin mencari kesalahan. Kerana jika sesebuah pentadbiran itu merasakan kerajaan adalah betul Taman Medan rasa ini merupakan titik permulaan kepada kerosakan sesebuah Pentadbiran. Oleh itu rakan-rakan YB-YB ada di dalam Dewan ini akan sentiasa memberi pandangan dan juga teguran kepada pihak eksekutif jika ada terdapat perkara-perkara yang bertentangan dengan prinsip-prinsip yang dipegang oleh Kerajaan Negeri. Prinsip-prinsip keupayaan kebertanggungjawaban dan juga ketelusan dan kami akan sentiasa menyokong kerajaan Negeri yang terus dan tetap mempertahankan prinsip-prinsip kata kelola yang baik untuk pentadbiran Negeri Selangor. Rakyat menyambut baik beberapa langkah yang telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar berkaitan dengan bantuan-bantuan yang menunjukkan keperdulian kerajaan terhadap bebanan yang sedang dipikul, yang sedang dialami

oleh rakyat jelata disebabkan peningkatan kos sara hidup. Walaupun di peringkat persekutuan pengumuman bajet 2016 tidak menunjukkan kepedulian ataupun kesejahteraan, memberi kesejahteraan kepada rakyat tetapi Alhamdulillah Negeri Selangor walaupun bajet ataupun belanjawannya kecil berbanding di peringkat Persekutuan telah mengambil inisiatif ataupun tindakan yang proaktif memberi pengecualian cukai taksiran kepada pemilik rumah-rumah kos rendah dan juga rumah-rumah kampung. Dan begitu juga ya...program bantuan makanan asas telah juga dicadangkan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah memenuhi keperluan bagi keluarga yang tidak mampu menanggung bebanan kos sara hidup terutama sekali di bandar-bandar. Program ataupun pengecualian *fi* lesen perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil dan juga pasar malam juga telah diterima dengan baik dan mereka sangat bersyukur dan merasakan keprihatinan kerajaan Negeri terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil.

Taman Medan juga menyambut baik usaha Kerajaan Negeri meluluskan ataupun mencadangkan sebahagian bajet ataupun sebahagian peruntukkan memulihara Sg. Klang sebab Sg. Klang ini boleh ataupun mampu menjana pertumbuhan ekonomi. Namun peruntukkan yang dicadangkan RM9 juta hanya digunakan untuk usaha-usaha merawat Sungai Klang yang sudah tercemar. Tiada tercatat ataupun dicadangkan peruntukkan untuk usaha-usaha pencegahan bagi mengelakkan pencemaran ini berulang. Oleh itu Taman Medan mencadangkan agar Kerajaan Negeri juga memikirkan kaedah-kaedah pencemaran sungai yang berlaku bukan khusus untuk Sg. Klang tapi sungai-sungai yang berada di dalam Negeri Selangor. Perbelanjaan yang sangat besar RM58 juta setahun terpaksa dibelanjakan untuk membersihkan sungai-sungai di Negeri Selangor. Oleh itu RM15 juta yang telah diperuntukkan untuk membuat kajian berkaitan dengan pembangunan Sungai Klang itu perlu digunakan dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan satu projek pembangunan Sungai Klang dan juga persisir Sungai Klang dan ia menjadi satu projek yang akan menjana ekonomi dan juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Perkara seterusnya yang ingin Taman Medan sentuh adalah *regeneration* bandar ataupun *urban renewal*. Taman Medan sangat tertarik dengan rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula kawasan-kawasan lama tetapi Taman Medan ingin mencadangkan ia tidak hanya terhad kepada kawasan-kawasan perindustrian lama sahaja tetapi dilebarkan ataupun dimasukkan juga kawasan-kawasan perumahan lama bagi meningkatkan kualiti kehidupan di kawasan-kawasan tersebut juga kemudahan awam, infrastruktur, dan juga pengurusan aset supaya kesan optima dapat dirasai oleh penduduk setempat. Perkara seterusnya berkaitan dengan perumahan untuk rakyat. Taman Medan juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang akan membina 15 ribu unit rumah mampu milik bagi memenuhi permintaan yang begitu tinggi. Dana Sel juga akan disediakan untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak mempunyai syarat atau tidak memenuhi syarat bagi pembiayaan pinjaman daripada bank. Namun demikian terdapat kini

masalah yang timbul di mana pemilik sudah mempunyai rumah tetapi terdapat usaha-usaha dipihak yang berkepentingan telah melelongkan unit rumah mereka tanpa mereka pemilik sedari. Jadi dalam situasi ini golongan peneroka bandar yang mempunyai yang telah lalui kesusahan dan keperitan memiliki rumah telah kehilangan rumah disebabkan terdapat bank ataupun pihak ketiga yang telah melelong unit-unit yang mereka miliki. Taman Medan ingin meminta kerajaan negeri memantau perkembangan ini dan mencadangkan supaya dana ataupun skim dana sel ini dipanjangkan kepada golongan yang ditimpa masalah rumah mereka yang akan dilelong disebabkan mereka tidak mampu untuk menjelaskan bayaran bulanan bagi rumah-rumah yang mereka miliki. Seterusnya cadangan pihak kerajaan Negeri menggunakan konsep Taman Rakyat dibangunkan bagi memberi kualiti kehidupan penduduk yang tinggal di bandar-bandar satu pendekatan yang menyegarkan. Oleh itu Taman Medan ingin menyarankan supaya Taman Rakyat ni tidak sahaja dibangunkan di Shah Alam. Shah Alam ni Taman Medan lihat ada terlampau banyak kawasan-kawasan hijau ya...taman-taman. Bagaimana dengan Petaling Jaya. Kalau sekiranya dapat dibangunkan sebuah Taman Rakyat khususnya di kawasan berkepadatan tinggi yang tidak mempunyai kemudahan awam yang cukup, ini kan lebih memberi manfaat kepada lebih ramai bilangan penduduk berbanding dengan kawasan yang sudah mempunyai kemudahan yang sedia ada. Menyentuh perkara berkaitan dengan pembangunan kapasiti wanita Taman Medan melihat adalah wajar bagi sebuah negeri yang menggunakan pendekatan *SMART...SMART* Selangor memikirkan bagaimana mengoptimalkan bakat dan sumber daya wanita. Jika dilihat bilangan graduan wanita sering mengatasi bilangan graduan lelaki di mana-mana menara gading. Namun apabila tamat belajar ramai graduan wanita memilih untuk tidak bekerja bila sudah berkeluarga. Apakah puncanya. Jadi kalau dibuat pemerhatian mereka memilih untuk tidak bekerja kerana didapati sangat sukar mendapat perkhidmatan penjagaan anak-anak yang berkualiti pada hari ini. Kita sering dengar kes-kes penderaan yang berlaku di pusat-pusat jagaan kanak-kanak malah di rumah-rumah ataupun dalam jagaan jiran tetangga juga berlaku penderaan. Oleh itu Taman Medan ingin menyarankan walaupun program Selangor "*Home Maker*" memberi peluang untuk golongan profesional, wanita profesional ini memilih waktu bekerja secara anjal Taman Medan ingin menyarankan lebih banyak "*child center*" diadakan bukan sahaja "*affordable*" tetapi mempunyai kualiti yang tinggi, yang baik. Kerana ini sangat penting pembangunan ataupun penjagaan anak-anak yang akan menjadi generasi yang akan datang perlu menjadi aset sesebuah negeri. Oleh itu Negeri Selangor wajar menceburi atau pun mengambil langkah untuk mengadakan sistem sokong ini agar wanita yang mempunyai kepakaran akan terus berada di pasaran tenaga kerja di Negeri Selangor dan pada masa yang sama mereka akan merasa tenang kerana mereka tahu bahawa anak-anak mereka di dalam jagaan yang baik. Hanya Taman Medan ingin mengingatkan berkaitan dengan program Selangor "*Home Maker*" jangan agar program ini tidak menjadi beban pada wanita yang memilih untuk bekerja anjal kerana terpaksa menjadi pekerja profesional pada satu pihak dan juga pada yang sama menjadi suri rumah. Jadi dua peranan yang besar yang terpaksa dipikul sedangkan pada tujuan asalnya

adalah untuk memberi kelonggaran kepada wanita yang ingin terus menyumbang kepada pembangunan negara ataupun negeri tetapi dikhuatiri mereka akan terbeban kerana terpaksa pikul dua peranan yang besar pada waktu yang sama. Jadi oleh itu lebih wajar sebenarnya pihak Kerajaan Negeri mencari cara bagaimana dapat diwujudkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak ataupun anak-anak yang berkualiti yang mampu diperolehi perkhidmatannya dengan kadar bayaran yang wajar. Jadi akhir sekali Taman Medan ingin berpesan kepada pihak Kerajaan Negeri jika sesuatu yang baik itu hendak dilakukan sudah pasti akan lalui proses saringan dan juga ujian. Jadi bukanlah suatu yang pelik kerana memang hukum alam jika kita inginkan yang baik sudah pastilah kita akan bertembung dengan pihak yang tidak mahu perkara itu berlaku. Jadi tetaplah Kerajaan Negeri menegakkan prinsip-prinsip ketulusan, kebertanggungjawaban dan seterusnya mempertahankan serta membela hak rakyat Negeri Selangor kerana mereka telah memberi amanah, mandat kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Dan dengan kata-kata itu Taman Medan mohon menyokong, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : 5 minit ya Pandamaran dulu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Terima kasih Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kerana masih memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pada waktu ini dan saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana ada 8 orang EXCO yang masih ada dalam dewan ini termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itulah prestasi kerajaan Pakatan yang menunaikan janji yang diberikan kepada rakyat. Ok saya menyambut baik belanjawan 2016 dan bukan sahaja saya tetapi respons daripada rakyat Selangor dan saya rasa mereka juga menyambut baik dan juga saya rasa saham, pasaran saham juga menyambut baik. Kita masih ingat dua minggu dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan bajet 2016 selepas itu terus KLCI, komponen indeks terus jatuh ke bawah 1,700 tetapi selepas belanjawan 2016 Selangor dibentangkan saya rasa dia indeks KLCI telah naik. Jadi itulah rujukan saya rasa respons daripada pasaran saya ingin mengucapkan tahniah. Berkenaan dengan saya secara khasnya tertarik kepada pengecualian cukai pintu dan *fee lesen* saya rasa ini satu keputusan yang baik. Sebenarnya ada memorandum yang telah dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dahulu untuk mengecualikan cukai pintu bagi kos rendah. Rumah kos rendah tetapi tidak dilaksanakan jadi saya rasa keberanian ini perlulah dipuji dalam dewan yang mulia ini. Tetapi berkenaan dengan pengecualian cukai pintu rumah kampung saya telah ditanya oleh rakyat di kawasan saya sama ada ianya termasuk Kampung Baru Cina. Jadi saya berharap dalam ucapan gulungan esok Yang Amat Berhormat dapat memberikan penjelasan jadi senang saya untuk menjelaskan memaklumkan penduduk-penduduk di kawasan saya dan sekiranya ia tidak termasuk saya minta jasa baik Yang Amat Berhormat memasukkan saya rasa itu penting untuk membantu rakyat berbangsa Cina berpendapatan rendah. Dan selain daripada itu saya rasa, saya tertarik kepada jumlah impak kewangan yang dibawa kepada Kerajaan Negeri selepas mengadakan

pegecualian tersebut iaitu hanya 41.7 juta ringgit Malaysia berbanding dengan perbelanjaan bagi air percuma iaitu 1.6 bilion iaitu saya rasa hanya 4% berbanding dengan perbelanjaan bagi air percuma. Jadi dengan itu kalau mengecualikan pegecualian bagi *fee* lesen saya rasa jumlah dia agak lagi kurang. Dan kalau hanya dengan kos rendah, rumah kos rendah dia tidak akan, saya tidak ada data tetapi saya rasa akan lebih kurang. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa bukan sahaja untuk tahun 2016 tetapi Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya mengecualikan cukai pintu bagi rumah-rumah kos rendah secara kekal secara selama-lamanya kerana impak kewangan tidak begitu besar. Tetapi dia dapat membantu rakyat yang berpendapatan rendah. Saya rasa itu akan menjadikan satu tanda bagi pentadbiran Kerajaan Negeri. Bukan sahaja itu, saya juga cadangkan bahawa selain daripada cukai pintu, saya cadangkan cukai tanah bagi rumah-rumah kos rendah juga dapat dipertimbangkan supaya dapat dikecualikan. Walaupun saya difahamkan, saya faham kalau pegecualian cukai pintu iaitu kekurangan pendapatan PBT tetapi pegecualian cukai tanah iaitu kekurangan pendapatan Kerajaan Negeri. Saya tidak tahu sebenarnya impak yang membawa PBT dengan Kerajaan Negeri masing-masing. Tetapi saya pohon supaya ini dapat dipertimbangkan dan itu sahaja pada akhirnya saya ingin menyatakan, saya ingin juga mengalu-alukan keputusan untuk menerima keputusan UEC oleh UNISEL. Tetapi saya rasa alasan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat menerima UEC secara luas seluas seperti Negeri Sarawak disebabkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor masih meminjam penjawat awam daripada Jabatan Perkhidmatan Awam menurut artikel 132 Perlembagaan Persekutuan. Jadi saya juga minta supaya Kerajaan Negeri Selangor mengkaji supaya memulakan melatih penjawat awam sendiri supaya pada suatu hari dia dapat melaksanakan polisi seperti yang telah dilaksanakan di Negeri Sarawak. Itu sahaja ucapan saya dan saya menyokong bajet 2016 terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai 5 minit.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana membenarkan Teratai menyertai sesi perbahasan pada kali ini.

Belanjawan 2016 bertema “Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli” yang melibatkan RM2.88 bilion bukan dimasukkan ke dalam mana-mana akaun peribadi tetapi adalah kepada Rakyat.

Tahniah Teratai ucapkan kepada YAB Dato Menteri Besar kerana Selangor dijangka mencapai lebihan (*‘surplus’*) pada tahun ini walaupun belanjawan 2015 yang diluluskan merupakan belanjawan defisit. Belanjawan 2016 memperuntukkan 50% kepada peruntukan pembangunan dan 50% kepada peruntukan mengurus merupakan satu halatuju yang betul dalam keadaan ekonomi Negara sekarang di bawah Kerajaan Persekutuan UMNO Barisan Nasional, BN= (Harga) Barang Naik.

Berita-berita baik telah diumumkan oleh YAB Dato Menteri Besar kemudian dilaung-laungkan oleh wakil-wakil rakyat berulang kali, antaranya termasuk pengecualian cukai taksiran dan fi lesen penjaja dan sebagainya. Teratai tidak akan mengulangi apa yang telah dilaung-laungkan oleh wakil-wakil rakyat lain sebelum ini disebabkan hanya diberi 5 minit perbahasan.

#### Strategi 1: Menerajui Gagasan SMART Selangor

YAB MB telah menyediakan satu belanjawan yang menyeluruh. Dalam perenggan 46 ucapan belanjawan YAB, YAB menyatakan kita memerlukan *Smart Cities* untuk mengurus cabaran *Urban Growth* yang memerlukan infrastruktur pengangkutan dan keselamatan untuk merealisasikan konsep *Smart City*.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Teratai berterima kasih atas perancangan Kerajaan Selangor untuk menyediakan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor di kawasan MPAJ, yang mana Teratai minta sejak tahun 2013 sehingga masa kini.

Teratai berharap supaya salah satu laluan masuk ke kawasan DUN Teratai. Laluan asal MRT2 memasuki kawasan Parlimen Pandan yang terdiri daripada DUN Teratai dan DUN Chempaka. Beberapa sesi perjumpaan penduduk telah dilakukan tetapi laluan MRT2 telah ditukar pada saat-saat terakhir dengan memberi tumpuan ke Putrajaya tanpa memberitahu penduduk. Laluan asal MRT2 yang melalui kawasan lama termasuklah perumahan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, sekolah-sekolah, hospital telah dipindahkan ke Putrajaya yang merupakan kawasan yang baru. Penduduk-penduduk Teratai yang telah kian lama menghadapi masalah kesesakan lalulintas kini sekali lagi ditarik balik perkhidmatan kemudahan pengangkutan awam MRT. Teratai dengan ini menyeru Kerajaan Selangor yang mempunyai bidang kuasa tanah dan jalan di bawah Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia supaya mengenakan syarat kepada Kerajaan Persekutuan untuk memulangkan perkhidmatan pengangkutan awam MRT3 kepada penduduk-penduduk Teratai semasa Kerajaan Persekutuan mohon kebenaran Kerajaan Selangor untuk menetapkan laluan MRT3.

Kerajaan Persekutuan UMNO BN telah mendesak Rakyat Selangor dengan menaikkan harga *toll*. Harga *toll* 18 lebuh raya telah dinaikkan tahun ini malah dijangka harga **toll** lebuhraya utara selatan akan naik lagi tahun hadapan. Walaupun Lebuhraya di bawah penyelenggaraan Kerajaan Pusat UMNO Barisan Nasional di bawah Akta Lembaga Lebuh Raya Malaysia tetapi laluan lebuhraya yang memasuki kawasan Selangor perlu mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Selangor. Maka, Teratai menyeru Kerajaan Selangor supaya memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan UMNO bahawa manifesto pilihanraya kita ialah TAK NAK TOLL. Perlembagaan Malaysia yang merupakan ibu kepada undang-undang ("*Mother Law of the Land*") telah memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri atas isu tanah dan jalan. Maka, Teratai berharap Kerajaan Selangor bersikap tegas dalam tindakan merealisasikan manifesto pilihanraya.

Kerajaan Selangor ingin mencapai sasaran mewujudkan SMART CITY mestilah memastikan penglibatan golongan wanita dan anak muda sepanjang perjalanan untuk mencapai sasaran tersebut. Penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di setiap bangunan kerajaan yang pernah Teratai bangkitkan masih belum dapat dicapai lagi. RM3 juta yang diperuntukkan untuk PWB adalah sekadar 1% daripada jumlah bajet 2016. Maka, Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat mengkaji semula supaya ½ daripada jumlah pengundi Selangor dipedulikan.

#### Strategi 2: Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik

Teratai dengan ini juga menyeru Kerajaan Selangor supaya mengenakan caj-caj terhadap stesen R&R, stesen petrol dan entiti komersial lain yang dibina sepanjang lebuh raya-lebuh raya di Selangor. Tambahan pula, Kerajaan Selangor patutlah mengenakan caj tahunan mengikut keluasan tanah yang telah digunakan untuk pembinaan lebuh raya-lebuh raya dan bukannya secara *one off* sahaja. Tindakan ini dilakukan ekoran daripada Kerajaan Persekutuan membenarkan syarikat konsesi lebuh raya menaikkan harga *toll*. Kutipan yang diambil oleh Kerajaan Selangor dapat dipulangkan kepada Rakyat Selangor untuk meringankan beban Rakyat. Ini selaras dengan Strategi 2 yang diketengahkan oleh YAB Dato MB, iaitu menjana sumber pendapatan secara strategik. Syarikat konsesi yang ingin naik *toll* mamlumlah ambil perhatian supaya Kerajaan Negeri boleh mengenakan caj-caj terhadap mereka yang ingin mengaut keuntungan rakyat.

#### Strategi 3: Mempertingkatkan Pembangunan Berkualiti Dan Inisiatif Peduli

Teratai mengalu-alukan strategi 3 belanjawan 2016, iaitu mempertingkatkan pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli. Teratai dengan ini mengetengahkan masalah pemasangan TNB Pylon yang berlaku di DUN Teratai. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kebanyakan penduduk-penduduk DUN Teratai membantah keras pemasangan TNB Pylon berdekatan kawasan perumahan mereka. Terdapat cadangan laluan TNB Pylon telah dikemukakan oleh penduduk-penduduk tetapi cadangan-cadangan berkenaan tidak diambil serius oleh TNB dan pihak otoriti yang relevan. Yang lebih menyedihkan lagi, Kerajaan Selangor telah membuat satu keputusan berdasarkan laporan tidak tepat yang dikemukakan. Wakil Rakyat Pandan dan juga saya sebagai Adun Teratai tidak pernah bersetuju atas laluan yang dicadangkan oleh TNB sebaliknya kami meminta kajian terperinci haruslah dilakukan berkenaan dengan cadangan laluan-laluan yang dikemukakan. Kerajaan Negeri sebelum ini telah membuat keputusan supaya laporan "*Environmental Impact Assessment*" (EIA) dan "*Social Impact Assessment*" (SIA) haruslah disediakan sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan atas laluan pemasangan TNB Pylon tetapi keputusan tersebut telah diubah kemudian tanpa mengkaji bantahan hangat para penduduk. Kerajaan Selangor yang ingin mempertingkatkan pembangunan berkualiti dan mengambil inisiatif peduli haruslah mendengar suara bantahan penduduk-penduduk kemudian mengkaji cadangan laluan yang dikemukakan oleh penduduk.

Teratai mengalu-alukan kenaikan gaji guru KAFA. Teratai juga berharap Kerajaan Selangor mengambil inisiatif peduli atas gaji Ketua Kampung dengan jumlah RM900 yang merupakan gaji minima seorang pekerja asing. Tidak lupa juga ahli-ahli majlis yang selalunya bekerja keras di zon masing-masing.

Maka Teratai menyokong belanjawan 2016 ini dengan satu puisi-  
Demi Negara Rakyat Bangun;  
Kemajuan Negara perlu keputusan SMART;  
Belanjawan 2016 Dibentangkan di Selangor;  
Bukan Individu Tetapi Rakyat Yang Dipedulikan.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih Tuan Speaker. Akhirnya sampai giliran saya walaupun telah berdiri sejak 2.30 tadi. Jadi memandangkan kesuntukan masa Balakong akan simpang beberapa isu banjir dan jalan untuk dibahaskan di peringkat Jawatankuasa nanti. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2016. Sebuah Belanjawan berjumlah RM2.88 Bilion di mana 50% daripadanya diperuntukkan untuk pembangunan. Setelah meneliti Belanjawan ini saya menganggap ia sebagai satu Belanjawan yang menyeluruh sehingga kawan-kawan kita yang sana tidak dapat mencari kelemahan untuk berbahas dan menyebabkan mereka terpaksa pusing-pusing di sekeliling ayat *Smart* Selangor itu. Yang Berhormat sekalian saya bersyukur Kerajaan Negeri telah memberi perhatian kepada kesengsaraan pembeli-pembeli rumah yang telah diiktiraf sebagai projek terbengkalai dengan memperuntukkan berjumlah RM20juta bagi tambung projek terbengkalai. Walau bagaimanapun saya ingin memohon supaya Kerajaan Negeri turut mengkaji dan mencari jalan penyelesaian untuk membantu pembeli-pembeli projek perumahan yang cacat. Maksud saya perumahan yang cacat adalah projek perumahan yang pembinaannya tidak dapat disempurnakan bagi tempoh amat yang panjang. Contohnya projek perumahan Bahagia Indah yang terletak di dalam DUN Balakong. Projek apartmen yang mempunyai 150 petak ini telah mula dijual pada tahun 2002 tetapi tidak disempurnakan sehingga kini. Ia disebabkan permasalahan antara rakan kongsi projek ini iaitu pemilik tanah dan pemaju di mana isu ini terpaksa dibawa ke Mahkamah. Dan tidak dapat diselesaikan sehingga ke hari ini. Saya amat bersimpati kepada pembeli-pembeli rumah yang terbabit. Setengah-tengah daripada mereka telah membeli rumah tersebut dengan rancangan untuk mendirikan rumah tangga di rumah baru tersebut tetapi impian mereka tidak dapat direalisasikan setelah begitu lama sehingga ada yang anak mereka belasan tahun. Balakong faham kemudian bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad memandangkan ia membabitkan kes Mahkamah tetapi saya menyerulah supaya kerajaan kaji dan cuba membantu sekiranya tidak membantu sekurang-kurangnya saya memohon supaya kerajaan dapat menetapkan satu syarat yang boleh mencegah perkara ini berulang.



Mungkin boleh sesuatu syarat di peringkat permohonan kebenaran merancang bagi projek-projek baru yang membabitkan *joint venture* antara pemaju dengan pemilik tanah. Tuan Speaker saya sokong sepenuhnya dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian termasuk pembangunan dan pengurusan taman perindustrian seperti di Pulau Indah dan Taman Sultan Sulaiman dan Bukit Raja. Tetapi berharap agar Kerajaan Negeri tidak terlepas pandang isu-isu yang telah lama berlarutan di kawasan-kawasan perindustrian yang lama. Terutamanya di kawasan perindustrian yang terletak di Balakong. Kawasan perindustrian seperti di taman industri Indah Jaya, Taming Jaya dan Megah yang menghadapi banyak masalah yang belum diatasi lagi. Selain daripada masalah seperti keadaan jalan raya yang kurang memuaskan dan lampu jalan raya yang selalu rosak dan tidak mencukupi kebersihan di kawasan berkenaan harus diberi perhatian. Warga asing yang menjaja di sekitar Taman Industri Taman Jaya telah menyumbang kepada kekotoran persekitaran kawasan itu. Tambahan lagi banyak restoran yang dimiliki oleh warga asing yang beroperasi di tingkat atas premis kedai komisen yang bersebelahan tidak mengikut syarat pelesenan PBT dan ia telah menjadi satu penjana kepada kekotoran di kawasan tersebut. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah-masalah yang disebabkan atau berpunca daripada pekerja warga asing. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin menyentuh sedikit pencegahan denggi. Balakong merasa bahawa peruntukan sebanyak RM1.5 juta adalah tidak mencukupi untuk mencegah denggi. Denggi merupakan satu ancaman kepada masyarakat kita dan saya rasa peruntukan yang jauh lebih banyak diperlukan untuk memerangi denggi. Saya bersetuju bahawa kerjasama daripada masyarakat adalah sangat penting tetapi selain daripada itu terdapat banyak cara atau pun kaedah lain yang berteknologi tinggi yang boleh digunakan untuk membantu mencegah denggi. Kerajaan harus mengkaji lebih banyak cara penyelesaian alternatif. Selain daripada tradisi gotong-royong penduduk dan juga wakil rakyat sudah sangat letih mengadakan gotong-royong setiap minggu. Kerajaan harus melantik perunding untuk mengkaji secara mendalam satu pelan menyeluruh untuk berperang dengan nyamuk aedes ini. Akhir sekali Balakong menyeru Kerajaan melancarkan satu kempen secara besar-besaran mengenai kesedaran keselamatan kanak-kanak. Saya merujuk kepada beberapa kes kanak-kanak hilang dan kes penculikan seorang kanak-kanak yang berlaku di Kajang baru-baru ini. Sebagai seorang ayah kepada 3 orang anak saya amat bersimpati kepada ibu bapa mangsa penculikan itu dan memahami perasaan mereka ketika anak mereka belum dijumpai. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada orang awam yang terutama pelayan laman sosial yang begitu giat menyebarkan maklumat kes penculikan itu yang turut telah membantu siasatan pihak polis. Bayangkan tekanan yang diberikan kepada penculik apabila berita kes sebab begitu pantas ketika itu. Justeru itu saya cadangkan supaya selain daripada melancarkan kempen kesedaran tersebut pihak PBT boleh mempertimbangkan untuk mensyaratkan semua pusat penjagaan kanak-kanak, pusat tuisyen dan sebagainya memasang CCTV di luar premis masing-

masing supaya dapat membantu dan memantau keadaan persekitaran. Selain daripada itu PBT juga boleh melalui Program Bandar Selamat memasang CCTV di sekitar pintu-pintu utama sekolah-sekolah rendah agar ia dapat membantu mengurangkan sebarang mala petaka yang bakal berlaku ke atas kanak-kanak akibat kecuiaan atau pun percubaan penjenayah. Saya rasa itu sahaja. Sekian saya menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bahas terakhir.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara 5 minit. Kota Anggerik 5 minit.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Ok. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi saya peluang kepada Kota Damansara mengambil bahagian dalam perbahasan Perbelanjaan 2016 Negeri Selangor. Tak sampai 5 minit sikit sahaja. Saya ingin merujuk kepada satu pembangunan bandar baru oleh Kuasa Line Sdn Bhd dengan konsep pembangunan bercampur di tapak seluas 2,303.00 ekar mampu menyediakan lebih 10 Rumah Mampu Milik untuk golongan pendapatan rendah dan sederhana. Projek ini difahamkan akan dibangunkan dalam tempoh 30 tahun dan menyumbang Kerajaan Negeri dalam bentuk premium tanah sebanyak RM1.2 Bilion ini. Apa yang hendak saya mempersoalkan di sini adalah sejauh manakah pelaksanaan memenuhi keperluan mendesak kumpulan sasaran terutama mereka yang berpendapatan rendah di bawah RM3,000 sebulan di kawasan ini adakah Kerajaan Negeri membuat kajian bahawa keperluan dan permintaan tanah Mampu Milik Rumah ini setaraf apa maklumat yang saya dapati dan perolehi kemudahan merancang telah mensyaratkan bahawa Rumah Mampu Milik yang akan dibina di kawasan ini mestilah berharga RM150,000 ke atas. Jadi saya hendak menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil perhatian dan insentif untuk membina juga rumah kategori *type A* ini untuk keperluan dan permintaan untuk keluarga 2 dan 3 yang berada utamanya khususnya di Kota Damansara ini. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri prihatin dan kehendak masyarakat dan rakyat setempat kalau sekira betul-betullah apa ni membangun SMART Selangor yang peduli ini. Jadi saya ingin menyarankan supaya MB janganlah ungkapan sahaja untuk meraih undi dengan tema membangun SMART Selangor peduli harapan Kota Damansara pengundi tidak terpedaya dengan janji Kota Damansara hendak melihat pelaksanaannya betul-betul jadi Belanjawan 2016 Negeri Selangor jangan hanya retorik dan fantasi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik tak ada pantun ya. 5 minit.

**Y.B. TUAN Dr. YAAKOB BIN SAPARI** : Oleh sebab menunggu lama Tuan Speaker berilah sedikit masa. Budi baik di kandung tanah, dikenang orang setiap masa, pemimpin ulung pertama adil kedua amanah barulah rakyat hidup sejahtera.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Y.A.B. Menteri Besar di atas ucapan Belanjawan 2016 di Negeri Selangor yang cukup baik, tepat dan pada masa dan ketikanya. Ketika keadaan ekonomi negara dalam keadaan tidak menentu dan merudum teruk kerajaan hendaklah tampil untuk menyemakkan ekonomi umat. Saya rasakan Belanjawan defisit yang diketengahkan merupakan keputusan berani kerajaan bagi memastikan keadaan ekonomi negeri terus stabil. Saya potong setengah saja.

Tuan Speaker, tanah merupakan penyumbang tertinggi hasil negeri sama ada hasil cukai ataupun hasil bukan cukai. Kira-kira RM1.5 bilion daripada pendapatan negeri adalah hasil daripada tanah. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya nak kongsi dan pengalaman bagaimana keadaan negeri di bawah anak syarikat PKPS kehilangan tanah 12 ribu ekar di Sarawak. Tanah tersebut telah dijual kepada satu syarikat milik pimpinan UMNO di Pulau Pinang. Yang saya nak nyatakan di sini ialah tanah tersebut pada hari ini yang berada di Lot 36, Sawai, Miri seluas 12 ribu ekar telah pun dijual kepada bukan Bumiputera. Bukan soal perkauman yang saya nak bawa tapi nak sebut lah bahawa betapa lah *double standard*nya biro UMNO ini yang sekarang jadi ADUN di Pulau Pinang yang melaung-laungkan hidup Melayu tapi dia jual tanah Melayu, baik pun sama juga di Pulau Pinang. Tapi sebaliknya kerajaan negeri yang kita tidak melaungkan pun hidup Melayu tapi kita pertahankan tanah rizab Melayu sampai terlebih. Tak payah nak nyatakan hidup Melayu, tak payah nak terajang kedai-kedai di Sri Petaling, ataupun pergi merusuh di Low Yat, di Petaling Street tetapi kita kerajaan negeri tahniah kerana telah mengganti tanah-tanah rizab Melayu dan keluasannya melebihi sebanyak 650 ekar. Cuma ingatan saya kalau tanah di Daerah Petaling janganlah diganti di Hulu Selangor sebab nilai di Hulu Selangor tidak sama dengan nilai di Sri Petaling. Terdapat juga tanah-tanah yang diberikan kepada kerajaan persekutuan untuk tujuan pembangunan seperti untuk sekolah, hospital, balai polis, balai bomba, kem tentera dan sebagainya. Malangnya banyak terdapat tanah-tanah tersebut yang tidak dimajukan. Lebih malang lagi tanah tersebut dijual. Sebagai contohnya tanah di mukim Bukit Raja yang dijanjikan untuk dibina kem tentera tetapi telah dijual kepada pihak industri. Saya difahamkan yang menjual dimajukan ini ialah mantan Ketua Wanita UMNO Selangor. Yang keduanya sekeping tanah yang diperuntukkan untuk balai polis di Seksyen 7 Shah Alam telah dijual oleh Kementerian Dalam Negeri, tanah untuk buat balai polis, Kementerian Dalam Negeri telah jual. Jadi saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya ada kawalan kepada tanah-tanah yang diberi kepada persatuan yang tidak dimajukan atau dirampas sahaja untuk kegunaan kepentingan awam yang lain.

Seterusnya ialah *Smart Selangor* Tuan Speaker, *Smart Selangor* yang dibawa oleh kerajaan pada kali ini saya rasa menggambarkan betapa kerajaan negeri komited untuk menyediakan Selangor sebagai negeri maju yang saya kira pembangunan adalah sekira pembangunan negeri cukup baik. Maknanya pembangunan negeri ini sudah cukup baik cuma yang perlu diperbaiki adalah dari segi pembangunan *human*

*capital*. Menurut guru pengurusan, ni saya bawa buku ni kalau sebelah sana nak ikut kuliah saya boleh.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik, minta ringkaskan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Menurut Guru *Management*, Peter Druker, dia kata sumber kaedah hari ini bukan lagi tanah, modal ataupun buruh tapi kekuatan sumber kekuatan kerajaan negeri adalah pada dipanggil *Knowledge Base Economy*. Saya memuji EXCO kerana menubuhkan SDCC cuma kalau boleh anak Sekinchan yang di Taiwan tu ajak balik ke Selangor untuk sama-sama kita majukan SDCC Selangor. Satu lagi ialah saya dapati di negeri Selangor banyak apa ni sekolah-sekolah di bawah kawalan kerajaan negeri seperti KAFA, SRAI, Sekolah Agama Menengah, Maahad Tahfiz, Yayasan Selangor dan juga apa ni institut pengajian tinggi seperti INPENS, KUIS, UNISEL. Pelajar-pelajar ini merupakan aset terbesar bagi negeri Selangor. Saya mencadangkan supaya *Soft Skill Development Programme* ini kena bermula di sekolah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi di mana ia selari dengan pembelajaran di sekolah kerana ketika ini program *Soft Skill Development Programme* ini dilaksanakan selepas tamat pengajian.

Tuan Speaker, seorang ulama terkenal, Dr. Yusof Qardawi dalam bukunya Fikh Siasah, ini buku yang baik untuk dibaca, menyatakan syarat bagi seorang pemimpin dia hendaklah amanah. Orangnya kena amanah, bukan partinya, orangnya kena amanah. Saya turut sebak bila mana YAB Dato Menteri Besar bila dia rasakan betapa beratnya amanah itu dia sebak, saya pun sebak sama. Nak menyatakan betapa amanah ini cukup besar dan saya menyeru agar seluruh anggota Eksekutif dan juga pegawai-pegawai khususnya pegawai tinggi menjaga amanah ini dengan baik. Alhamdulillah saya rasa di peringkat tinggi baik Menteri Besar, EXCO, ataupun ADUN atau pegawai tertinggi kerajaan nampaknya soal-soal amalan rasuah telah dikawal tetapi di peringkat bawah saya dengar-dengar masih macam ada. Jadi kalau boleh ingatkan pegawai-pegawai di bawah ini supaya menjaga amanah ini dan saya mencadangkan soal *governance* ini tidak boleh di, tidak boleh *tolerate*. Satu lagi Tuan Speaker, ialah amanah ini bukan hanya untuk menjaga tata kelola, amanah ini juga nak memastikan bahawa supaya anggota bawahan kita juga menjaga soal-soal kepentingan dari segi agama. Saya menyarankan supaya EXCO Agama mempertingkatkan program-program penghayatan Islam di kalangan anggota-anggota kakitangan kerajaan. Dalam soal Dewan semalam saya dapati tidak ada satu bajet khusus ataupun program khusus yang dibuat oleh di peringkat negeri untuk meningkatkan penghayatan Islam di kalangan anggota bawahan kita.

*Point* yang terakhir, saya terima kasih banyak lah kerana peruntukan untuk menaik taraf Jalan Mokhtar Dahari. Untuk jalan tersebut peruntukannya dapat RM80 juta, Sekinchan dan RM25 juta telah diperuntukkan untuk tahun ini. Kemudian peruntukan untuk bina masjid baru di U10 dapat, sekolah baru di Denai Alam dan menjadikan Selangor sebagai *World Muslim Fashion*. Kalau Kota Damansara nak beli baju

datang lah ke Kota Anggerik, Seksyen 7 memang terkenal *shopping*. Kalau sempat datang ke Pusat Khidmat DUN Kota Anggerik, saya belanja dulu. Tetapi anak-anak muda di Shah Alam rasa kehilangan, satu litar lumba yang menjadi tempat mereka berlumba telah pun dirampas oleh kerajaan terdahulu dijadikan kawasan perumahan. Saya sampaikan salam daripada anak muda Shah Alam supaya kalau boleh dibina sebuah litar lumba di kawasan Shah Alam ini untuk mereka berlumba supaya tidak berlumba di jalan raya. Lumba motor, lumba motor. Jadi kalau boleh ini hajat anak muda di Shah Alam.

Akhirnya Tuan Speaker,  
Aduhai sayang seribu kali sayang,  
Yang lama sayang, yang baru pun sayang,  
Jangan sampai negeri kita melayang.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua, besok pagi pihak kerajaan akan memberi maklum balas kepada semua perkara yang dibangkitkan dan dengan ini saya tangguhkan Sidang Dewan esok Rabu jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 7.00 petang )**